

**Melayu, Islam, Raja Berpisah Tiada:
Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu**

Susunan; TunSuzana@Suzana Hj Othman
Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad

MELAYU, ISLAM, RAJA BERPISAH TIADA
PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

Terbitan Pertama @ 2021

© PERTUBUHAN KESEDARAN MELAYU DAN ISLAM [KEMUDI]

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan untuk mengeluarkan ulang
mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau secara yang lain tanpa izin
bertulis daripada pihak penerbit.

.....

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
MELAYU, ISLAM, RAJA BERPISAH TIADA : PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU /
SUSUNAN: TUNSUZANA@SUZANA HJ OTHMAN, HJ MUZAFFAR DATO' HJ MOHAMAD.
ISBN 978-967-17163-2-8
1. Malaya--History.
2. Malays (Asian people).
3. Malays (Asian people)--Kings and rulers.
I. TunSuzana@Suzana Hj Othman, 1965-.
II. Muzaffar Dato' Hj Mohamad, 1964-.
959.51

.....

| HIASAN KULIT |
SAFIYAH BINTI HAJI MUZAFFAR

| DITERBITKAN OLEH |
KESEDARAN MELAYU DAN ISLAM [KEMUDI]
PPM-021-10-10052013
No.59, Jalan Elektron U16/93, Denai Alam
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
www.pertubuhankemudi.com

| DICETAK OLEH |
FDZ DESIGN & COMMUNICATION
No.7, Jalan 14/8, TP Bukit Serdang, 43000 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan



VISI | Menjunjung kedaulatan Raja-Raja Melayu bersumberkan ajaran Islam bersendikan adat Melayu di Tanah Melayu dan Persekutuan Malaysia.

MISI | Menyebar luas faham kerangka watan dalam pentafsiran kedaulatan dan prinsip perlembagaan Negara berserta pemakaiannya untuk memperkukuhkan jati diri tanah air demi perpaduan Nasional.

OBJEKTIF | Mempasakkan Tiga Tiang Seri dalam jiwa dan amalan umat Melayu iaitu:

- **Jati diri Fahaman** | Berpegang pada fahaman *Ahl Sunnah wal Jama'ah al-Asya'irah wal Maturidiyyah*, bermazhabkan Imam yang Empat, dengan memberi keutamaan pada pandangan al-Imam Syafi'i dan al-Syafi'iyah, di samping meraikan pandangan mazhab-mazhab muktabar yang lain. Berpedoman tasawuf al-Ghazali, Shaykh Junaid al-Baghdadi serta alim-ulama tasawuf muktabar yang lain.
- **Jati diri Watan** | Mendokong Institusi Raja Melayu sebagai pelindung agama dan identiti tanah air berteraskan Faham Kedaulatan Watan (AKWAM)
- **Jati diri Budi Budaya** | Membudayakan Peradaban Ihsaniah melalui pelestarian amalan adat dan adab Melayu yang bersesuaian dan tidak bercanggah dengan prinsip *uruf*.

PENGANTAR

*Bismillahirrahmanirrahim
Sollu 'alan Nabiy*

Buku ini menghuraikan aspek sejarah Tanah Melayu terkait agenda British untuk mewujudkan 'Bangsa Malayan Bersatu', dengan matlamat bukan sahaja untuk membebaskan Tanah Melayu daripada campur tangan mereka bahkan untuk menyelesaikan isu "*stateless persons*" iaitu kaum-kaum pendatang yang mendiami Negeri-negeri Tanah Melayu begitu juga kaum pendatang yang merasai nikmat hidup yang lebih sejahtera di bumi Melayu lantaran itu tidak mahu pulang ke tanah air asal mereka. Model "*Bangsa Malayan Bersatu*" akhirnya tersungkur kepada prinsip Rakyat Raja Melayu yang melahirkan Bangsa Melayu iaitu warganegara Tanah Melayu diikuti dengan Bangsa Malaysia mengikut acuan yang dipersetujui oleh Raja-Raja Melayu.

Satu peringatan buat semua kaum, peribumi dan pendatang yang berkongsi hakmilik negara melalui instrumen kerakyatan dan politik bersistemkan pilihanraya berparlimen bahawa negara ini mempunyai watannya dan unsur-unsur itu terjamin dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Peringatan seterusnya, insafilah bahawa agenda untuk menerima kaum pendatang menurut acuan Malayan Union telah ditentang oleh semua orang Melayu daripada peringkat Raja-raja hinggalah segenap masyarakat, namun atas tolak ansur, Raja- Raja dan umat Melayu merelakan sistem politik seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Peganglah

sumpah kewarganegaraan yang diikrar dan tidak wajar ada mana-mana baka keturunan kaum pendatang untuk ingkar apatah lagi menghina prinsip perlembagaan yang mengizinkan kewarganegaraan dibuka kepada bukan Rakyat Raja.

Peringatan kepada orang Melayu dan zuriat keturunan Melayu, peganglah erat jati diri kita. Ingatlah walaupun sedikit kelonggaran genggamannya pastinya membuka ruang untuk diungkai ikatan jati diri barang suatu hari nanti. Fahami dan dakapilah jati diri watan kita kerana itulah pusaka bangsa yang wajib diasimilasikan oleh setiap jiwa yang mengaku anak Malaysia.

Ayuh suburkanlah jati diri Melayu sebagai teras pembinaan negara bangsa. Kuasa dan kedudukan institusi Raja Melayu perlu dilestarikan sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah yang sebenar, warisan watan Kesultanan Agung Melaka. Bahasa Melayu dan tulisan Jawi wajib dipegang erat kerana itu tanda warganegara pengenalan bangsa berdaulat tanpa mengenal agama mahupun etnik.

Penyusun ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, penghargaan dan berterimakasih kepada Datuk Profesor Madya Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, pengasas Jurisprudens Watan sebagai '*mentor*' yang banyak memberikan bimbingan kepada kami dalam memahami naratif Kedaulatan Watan. Tidak lupa juga kepada Profesor Dr Shamrahayu A. Aziz, penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM), UITM yang telah gigih menggali dan mempersembahkan banyak hasil kajiannya berkaitan sejarah serta peranan Institusi Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan sehingga berhasil membantu usaha menggerakkan ikhtiar memperkasakan kefahaman masyarakat terhadap institusi yang penting ini.

Kepada sahabat-sahabat seperjuangan, khususnya daripada Sekretariat Gabungan MI'RAJ-AKWAM dan Sekretariat Muwosalah (*Silaturrehlim*) Muafakat Agamawan Aktivis Memperkasakan Institusi Raja-Raja Melayu (MAMPIR); Haji Razali Daud@Aki Li, Mahmud Hishamuddin, Mohd Fared Hassan, Aswanizam Alias, Dato Julita Ilhani, Azlinda Baroni, Nornadia Abd Aziz, Ayahde, Chik Lid, Ateh Yani, Abang Long Afif, Kak De Hanis, Ustaz Hanif

Ibrahim@Angah Sunan, Abang De Razif, Tuan Syed Khairul, Andak Hashim, Ucu Mawi, Abang Chik dan lain-lain yang tidak tersebut, namun tidak sedikitpun mengurangkan rasa kasih dan penghormatan kami. Syukur *Alhamdulillah* atas semangat *team* kami yang saling membantu dan bekerjasama erat dalam usaha menggembeleng kesedaran masyarakat demi memperkasakan Institusi Raja-Raja Melayu, semoga usaha kita diredhoi Allah, *Amiin ya Robb*.

Akhir sekali kepada anak-anak kami, Fatimah, Muhammad Yusuff, Muhammad Hamzah, Puteri NoorAishah, Safiyah, Halimah, Muhammad Ridhwan, menantu- menantu kami Ustaz Ahmad Shadan, Ustaz Iqbal Zain dan Ustaz M.Iqbal Hanif serta cucu-cucu kami yang sentiasa menjadi sumber inspirasi, penyeri hidup, jantung hati dan kekuatan jiwa kami. Moga Allah s.w.t merahmati, memberkati dan mengurniakan keluarga kita istiqomah dalam perjuangan agama, bangsa dan tanahair, *Amiin ya Robb*. Semoga buku ini dapat diambil faedah daripadanya demi masalah umat Islam di negara tercinta ini. Selamat membaca dan *wassalam*.

TunSuzana@Suzana Hj Othman

TOPIK

MELAYU, ISLAM, RAJA BERPISAH TIADA: PERJUANGAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

Mukadimah	1
1. Dasar British & Gagasan Malayan Union	7
2. Dari Palestin ke Tanah Melayu: British Mencatur Siasah	23
3. Harold MacMichael Mengadap Raja-Raja Melayu	37
4. Realiti Peribumi Melayu	49
5. Raja & Rakyat Memprotes Malayan Union	55
6. British Berunding Semula	71
7. Persekutuan Tanah Melayu 1948	81
8. Pembentukan Negara Bangsa	91
9. Paradigma Baru Dalam Caturan Politik Tanah Melayu	107
10. Cabaran Perpaduan Kaum Dalam Negara Bangsa	117
11. Peranan Raja-Raja Melayu	121
12. Rukun Negara Menjamin Perpaduan Kaum	133
14. Epilog: Kembali Ke Asas Kenegaraan Faham Islam	141
Rujukan	147
Biodata Penulis-Penulis	151

MUKADIMAH

Dalam proses perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu bermula selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua dalam tahun 1945, antara mercu tandanya adalah pemberian status warganegara kepada golongan imigran, memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam urusan politik Persekutuan Tanah Melayu, serta wujudnya politik kepartian berdasarkan kaum; telah mencetuskan banyak konflik-konflik politik serta perkauman kerana sering berlaku tuntutan-tuntutan yang bercanggahan diantara satu sama lain berdasarkan sejarah, latarbelakang, kepercayaan, amalan dan budaya kaum-kaum yang banyak berbeza, malahan bertentangan diantara satu sama lain.

Menurut Norma Mahmood: "*Perasaan perkauman dirangsangkan oleh proses penciptaan organisasi dan kewarganegaraan yang baru. Perubahan daripada penduduk kepada warganegara, penglibatan organisasi masyarakat dalam proses politik yang pada peringkat sebelumnya masyarakat dihindarkan daripada proses politik, membawa kepada tuntutan yang baru dan hebat.*"¹

Dalam konteks ini, apabila Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC (kemudian menjadi Barisan Nasional), sebagai wakil politik bagi tiga kaum terbesar dalam

¹ Norma Mahmood, *Rethinking Political Problem in South East Asia*, Universiti Malaya, 1994 5

Persekutuan Tanah Melayu, bersetuju untuk bekerjasama dalam perkongsian kuasa pentadbiran negara setelah memenangi pilihanraya demi pilihanraya umum, kepimpinan parti-parti tersebut sentiasa perlu mendepani cabaran-cabaran khususnya daripada perasaan tidak puas hati golongan bukan Melayu yang kini menjadi warganegara, terhadap status istimewa orang-orang Melayu, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, malahan peranan Institusi Raja-raja Melayu serta beberapa hak lain bangsa peribumi yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Walhal hak sah kaum-kaum lain yang wajar dan saksama juga ada dalam Perlembagaan.

Dalam sejarah kepimpinan Parti Perikatan@ Barisan Nasional yang panjang, sentiasa perlu mencari keseimbangan politik dalam semangat setiakawan, kepada tuntutan-tuntutan kaum yang berbeza, adakalanya bercanggah, dan ini bukanlah kerja yang mudah. Sebagai mewakili parti berteraskan kaum dalam UMNO, MCA dan MIC, setiap kepimpinan yang terlibat dalam kerajaan Perikatan bukan sahaja perlu memikirkan kehendak ahli-ahli dalam parti sendiri, malahan pada masa yang sama perlu mengimbangi tuntutan ahli-ahli parti lain dalam keluarga Perikatan, dan hal ini amat mencabar kerana silap langkah akan menyebabkan ahli-ahli berpindah lari ke parti-parti lain yang lebih bersedia memenuhi tuntutan-tuntutan mereka.

Dalam hal ini sikap bertolak-ansur dan bertoleransi tinggi sangatlah dituntut daripada setiap kepimpinan atasan dalam parti-parti yang berlainan agenda tetapi duduk sebumbung atas beberapa kepentingan yang dikongsi bersama. Penyelesaian-penyelesaian dalam bentuk '*formula-formula Perikatan*' terhadap isu- isu yang diselesaikan, yang dibuat atas semangat setiakawan, menjaga sensitiviti kaum dan mengambil sikap bersederhana dalam melayani sebarang tuntutan ahli- ahli parti masing-masing menyebabkan formula kerajaan Perikatan berjaya buat suatu tempuh yang lama, walaupun tidaklah sempurna. Namun formula begini sentiasa perlu bergantung kepada sikap dan pendirian wajar kepimpinan atasan dalam setiap komponen Perikatan serta ahli-ahli parti.

Pada peringkat awal, formula tersebut agak berjaya tetapi dengan kepimpinan silih berganti pada masa-masa kemudian, mulai wujud krisis-krisis dalaman

dan konflik-konflik kepartian yang tidak berkesudahan, malahan semakin menjadi-jadi mutakhir ini.

Ringkasnya kerjasama yang sedia wujud dalam perikatan UMNO-MCA-MIC semenjak sekian lama yang bergantung semata-mata pada kesefahaman politik dan sikap toleransi serta tolak ansur ahli-ahli parti dan pucuk pimpinan boleh berada dalam situasi tegang jikalau terdapat unsur-unsur yang mencabar teras-teras formula kerjasama tersebut sehingga boleh menjadi ancaman pada keseimbangan sosio-politik negara ini.

Senario yang paling dibimbangi adalah jikalau persepakatan ‘tradisi’ parti-parti berlainan kaum berpecah, kemudian wujud gabungan parti-parti politik yang mempunyai agenda ‘*bangsa Malayan bersatu*’ yang pernah dihasratkan oleh kuasa British, dalam bentuk barunya Malaysian-Malaysia² dengan matlamat memperjuangkan hak persamaan kaum. Kecelaruhan, polemik serta konflik-konflik perkauman yang tercetus sudah tentu akan membahayakan keselamatan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Bagaimana pula dengan parti-parti politik orang-orang Melayu sendiri? Realitinya kekuatan politik orang-orang Melayu telah banyak terhakis pada hari ini. Walaupun masyarakat Melayu adalah golongan majoriti dalam negara ini, malangnya kelebihan ini tidak dapat dimanfaatkan dalam kesatuan politik Melayu kerana wujud faktor-faktor seperti prinsip perjuangan serta ideologi berbeza, politik persukuan dan pesta keegoan melampau, wujudnya korupsi dan kronism sehingga menjejaskan matlamat melestarikan kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Polarisasi kaum yang semakin buruk sejak akhir-akhir ini menjadi satu lagi senario yang berpotensi mengancam keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negara ini yang timbul natijah dari dasar awal kerajaan Perikatan untuk mengekalkan identiti kaum dalam sistem sekolah vernakular. Tanpa inisiatif ke arah asimilasi kaum berteraskan penjatian pada

2 Malaysia untuk semua kaum yang kedudukannya samarata, agama menjadi pilihan peribadi.

nilai dan ciri-ciri watan, ikhtiar menyatupadukan masyarakat Malaysia sukar dicapai. Itulah realiti kehidupan masyarakat berbilang kaum di tanah air kita yang tercinta, maka apakah peranan Institusi Raja-raja Melayu dalam hal ini?

Melalui prerogatif, budi bicara serta kuasa tersimpan (*reserve power*) Yang di- Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu yang terpasak dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, hakikatnya baginda sekalian mempunyai kuasa PENGIMBANG yang mampu meredakan sebarang konflik atau '*stand-off*' yang wujud antara pelbagai parti politik. Perkara ini telahpun dibuktikan dalam kemelut politik di negeri Perlis, Selangor, Perak dan Terengganu selepas pilihanraya umum yang ke-12 pada bulan March 2008. Terbaru, apabila Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Shah telah berhasil meredakan gejolak politik tanahair yang sangat mengusarkan.

Dalam petikan akhbar New Straits Time, ucapan Tunku Naquiyiddin Tuanku Jaafar menyebut: "*Sebelum 8 March (2008), peranan kita selalunya berkisar sebagai penghias majlis-majlis (ceremonial) disebabkan parti yang memerintah sentiasa memperoleh majoriti undian dua pertiga di Parlimen dan majlis-majlis negeri.*"

Peranan Raja Melayu mula diaktifkan kembali selepas 8 March (PRU 12) apabila menggunakan kuasa perlembagaan yang diperuntukan untuk mempengaruhi secara aktif dalam perkara penubuhan kerajaan bersama dan perantikan menteri-menteri besar di Perak, Perlis, Terengganu dan Selangor.

"Rakyat jelata telah memberikan kita input tentang apa pandangan mereka dalam hal tersebut. Berdasarkan input mereka kita terpaksa bertindak."

"Dalam kedudukan Raja Melayu yang neutral, baginda berupaya menghalusi semua sudut pandangan dalam situasi-situasi tertentu."

*"Raja-raja Melayu perlu campurtangan jikalau ahli-ahli politik sibuk bertelingkah dan membaling-baling kerusi diantara satu sama lain dan kita rasa rakyat jelata merasa lega apabila kita (Raja-raja Melayu) masuk campur (meredakan konflik)."*³

3 Restore immunity of rulers, New Straits Time, Thursday, November 27, 2008

Kuasa dan prerogatif Raja-raja Melayu dalam bentuk sistem pemerintahan Perlembagaan Beraja⁴ inilah yang mampu meredakan sebarang konflik bukan sahaja yang bersumber dari percanggahan parti-parti politik yang pelbagai ideologi dan karenah masing-masing, malahan juga konflik-konflik perkauman yang kadangkala tercetus dalam sejarah suka-duka kehidupan masyarakat negara ini semenjak berkongsi satu bumbung tanah air dan kuasa politik di bawah kerajaan Yang di-Pertuan Agong.

Paling penting, agama Islam sebagai agama Persekutuan serta hak istimewa orang-orang Melayu sebagai bangsa asal yang sejumlah etosnya menjadi kerangka Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah perlindungan Majlis Raja-Raja Melayu dan tidak boleh sewenang-wenangnya dijadikan barang pertaruhan orang-orang politik.

DAULAT TUANKU!

4 Siri Wawancara MI'RAJ Wan Ahmad Fauzi (2020)

BAB 1

DASAR BRITISH DAN GAGASAN MALAYAN UNION

Suatu masa dahulu kehidupan orang-orang Melayu dalam sesebuah komuniti adalah berorientasikan seorang raja yang menguasai entiti politik, agama dan budaya, hatta mempunyai signifikan terhadap psikologi orang-orang Melayu yang menjadi rakyat baginda. Di sinilah terbitnya istilah ‘kerajaan’, merujuk adat tradisi orang-orang Melayu yang mengiktiraf, tertumpu serta berpaksi kepada raja sebagai pemegang kuasa politik masyarakat. Identiti, jatidiri, kemuliaan, maruah bangsa, martabat dan kedudukan, semua ini terikat dengan entiti kerajaan yang tonggakunya adalah Sang Raja.

Hikayat Melayu telah menggariskan hubungan raja dan rakyat melalui pengkisahan sejarah masyur; Wa’adat Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun sebelum terbentuknya kesultanan Melaka. Sapurba ini adalah menggariskan kedaulatan Raja Melayu yang bersifat AMANAH dan kuasa yang tertakluk dan terbatas pada perjanjian dan hukum. Wa’adat ini juga menetapkan adat Melayu dengan budaya ketertiban, kesopanan dan ketatasusilaan dalam hubungan dengan Sang Raja. Hal ini diberi penekanan dan fokus yang lebih mendalam apabila alim-ulama sufi yang datang ke Alam Melayu untuk berdakwah dan mentarbiyah masyarakat, mengajar hukum-hakam agama terkait peranan raja atau sultan sebagai *zilu’Llah fil ard* atau ‘bayangan Allah di mukabumi’, serta tanggungjawab rakyat untuk menumpahkan kesetiaan kepada raja dan watan tanahair, sedia berkhidmat

kerana raja adalah pemegang amanah kedaulatan yang pemilik mutlaknya adalah Allah ﷻ. Manakala mencintai serta memelihara watan juga adalah bahagian daripada ajaran agama Islam.

Begitulah resamnya selama beratus-ratus tahun. Melayu-Islam-Raja, tiga cabangan yang tidak terpisah diantara satu sama lain. Namun semenjak lebih 60 tahun yang lalu berlaku beberapa perubahan dasar pada lanskap politik Tanah Melayu sehingga memberi kesan serta cabaran yang hebat pada Institusi Raja-raja Melayu.

Perubahan sistem pemerintahan tradisional orang-orang Melayu boleh dijejak mulai zaman campurtangan British. Daripada tujuan asalnya semata-mata atas maksud ekonomi, iaitu mengadakan hubungan dagangan dengan negeri-negeri Melayu bagi mendapatkan sumber bahan-bahan mentah bagi membekalkan keperluan perkembangan industri Eropah yang sedang pesat berkembang bermula abad ke 18 Masihi, peringkat demi peringkat kerajaan British mula menukar dasar-dasarnya yang berkaitan dengan hubungan dengan kesultanan-kesultanan Melayu sehingga akhirnya membawa kepada campurtangan politik.

Pertapakan awal British di Semenanjung Tanah Melayu bermula di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786M⁵. Dalam tahun 1826M, jajahan British meliputi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang disatukan di bawah unit pentadbiran Presiden Negeri-negeri Selat. Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat yang pertama dan ketua pentadbiran Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Gabenor. Pada awalnya Negeri-negeri Selat ditadbirkan oleh Syarikat Hindia Timur, kemudian digantikan oleh Pejabat India apabila Syarikat Hindia Timur dimansuhkan dalam tahun 1858M. Dalam tahun 1867M, pentadbiran Negeri-negeri Selat berpindah pula ke ke Pejabat Tanah Jajahan di London bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran. Pada masa itu Negeri-negeri Selat dikenali sebagai Tanah Jajahan Mahkota Inggeris (*Crown Colony*) yang ditadbir secara langsung.

5 R. Bonney 1965, 'Francis Light and Penang,' JMBRAS XXXVIII 8

Pada mula era pertapakan kuasa British di rantau ini di akhir abad ke 18M, Tanah Melayu terlindung daripada campurtangannya kerana tidak tertakluk kepada Parlimen Imperial British sebagaimana Negeri-negeri Selat yang bertaraf tanah jajahan. Oleh itu dikecualikan Negeri-negeri Selat, pemerintahan kesultanan-kesultanan Tanah Melayu pada masa itu berpusat dan berpaksi pada autoriti Raja-raja Melayu yang telah wujud secara berkesinambungan semenjak beberapa kurun lebih awal. Raja-raja Melayu ini adalah berdaulat mengikut undang-undang antarabangsa dan hanya terikat melalui triti-triti diantara negeri-negeri Melayu dengan kuasa British tanpa menyentuh kedaulatan baginda sekalian.

Walaupun sejarah merujuk kepada Perjanjian Pangkor 1874M sebagai pemula kepada dasar campurtangan British di negeri-negeri Melayu secara resmi dengan perlantikan Residean Inggeris yang pertama⁶, bagaimanapun hakikatnya telahpun wujud campurtangan British seawal tahun 1819M di Singapura apabila Tengku Husin ditabalkannya sebagai Sultan dengan syarat mengesahkan kuasa British di Singapura (akan dihuraikan kemudian). Perang Naning 1831-32M, campurtangan British di Sungai Ujong dalam tahun 1857-1860M, pengeboman British ke atas Terengganu dalam tahun 1862M, perjanjian Anderson dengan Selangor dan Perak dalam tahun 1825M adalah antara beberapa contoh lain yang menjadi bukti dasar campurtangan British dalam hal ehwal politik negeri-negeri Melayu sebelum Perjanjian Pangkor ditandatangani.

Antara faktor campurtangan British di peringkat awal adalah untuk menyaingi pengaruh Belanda dan Siam selain melindungi kepentingan peniaga-peniaga mereka yang datang berdagang dengan pesatnya di rantau ini. Bagaimanapun selepas Perjanjian Pangkor, pihak British mula menjadi lebih berani dalam ikhtiarnya meluas serta melaksanakan dasar campurtangan di negeri- negeri

6 PerjanjianPangkorditandatanganiPulauPangkor,Perakpada20hbJanuari1874M. Terkandung 14 fasal dalam perjanjian tersebut, salah satunya ialah penerimaan Sultan terhadap seorang Residen Inggeris. Sultan hendaklah meminta dan mengikut nasihat Residen dalam setiap perkara kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Pada bulan November tahun yang sama, J. W.W Birch menjadi Residen British yang pertama.

Tanah Melayu. Kebetulan pada masa itu senario politik di Britain baru berubah dengan kemenangan Parti Konservatif mengalahkan Parti Liberal dalam pilihanraya tahun 1873M. Parti Konservatif yang diterajui oleh Disraeli⁷ telah menukar dasar tidak campurtangan kepada dasar campurtangan dalam negeri-negeri Melayu atas sebab ekonomi dan politik.⁸

Dasar campurtangan British pasca Perjanjian Pangkor telah mewujudkan tiga kategori pentadbiran, iaitu pertamanya pentadbiran Negeri-negeri Selat yang bersifat tanah jajahan Britain; keduanya Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dibentuk dalam tahun 1895M terdiri dari Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Pentadbirannya memperlihatkan elemen kedaulatan Raja Melayu tetapi hakikatnya ditadbir menerusi model tanah jajahan Ratu Inggeris yang mengutamakan golongan kapitalis dibawah sistem Residean British. Ketiga ialah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang terdiri dari negeri Kelantan, Johor, Terengganu, Kedah dan Perlis, dibentuk antara tahun 1910-1930M. Negeri-negeri ini diperintah secara tidak langsung di bawah sistem Penasihat British, iaitu dipimpin oleh pentadbir-pentadbir British⁹.

Perspektif Perundangan British

Ringkasnya, sebelum Perang Dunia Kedua Semenanjung Tanah Melayu terkandung sembilan kesultanan Melayu yang diterajui oleh Raja-raja Melayu dan seorang wakil kerajaan British yang bergelar Residen-Jeneral. Pada masa itu pentadbirannya terbahagi kepada tiga bentuk iaitu Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu.

⁷ Disraeli menjadi Perdana Menteri Britain pada tahun 1868 dan 1874-1880M. Dia berketurunan Yahudi dari Itali menurut akbar Haaretz, The Disraeli Legacy, 18/9/2008. Dia memperjuangkan hak bangsa Yahudi, menjadi ketua Parti Conservative dan menjadi "*paus, rahib dan ahli falsafah...*" yang membentuk ideologi Parti Conservative. Disraeli juga mengatakan, "*Jewish rights based on Jewish superiority*" pada sahabat partinya menurut akbar Times of Israel, 150 years ago UK's first and only Jewish Leader changed politics forever, 22/2/10

⁸ Ismail Mohd @ Abu Hassan, Introduction to Malaysian Legal History, 2004, hlm 56

⁹ Berbanding pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memiliki lebih kuasa otonomi dan tidak tertakluk kepada keseragaman institusi dan dasar .

Mengikut perundangan kerajaan British, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dimasukkan dalam kategori negeri-negeri pernaungannya, atau ‘protectorate’ yang ditakrifkan sebagai negeri-negeri naungan, iaitu yang dilindungi secara diplomasi dan ketenteraan daripada ancaman mana-mana pihak ketiga. Sebagai balasan, negeri-negeri pernaungan ini terpaksa melaksanakan beberapa tuntutan British dalam hal-ehwal pentadbiran dalaman negeri, yang mana tuntutan-tuntutan ataupun campurtangan tersebut berbeza mengikut triti-triti yang dibuat diantara kuasa British dengan negeri-negeri pernaungan tersebut.

Bagaimanapun menurut undang-undang antarabangsa ia tetap dianggap negeri-negeri yang berdaulat dan bukannya jajahan British¹⁰. Bermakna kuasa British adalah terhadap pada triti-triti yang dibuat dengan pemerintah tetapi Parlimen British tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menggubal undang-undang bagi pihak raja Melayu.

Sedangkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah ditakrifkan sebagai negeri-negeri yang dibawah perlindungan kuasa British atau ‘British protected states’. Dalam negeri-negeri ini, sebagaimana halnya dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, mereka hanya mempunyai hubungan luar secara langsung dengan kuasa British, dan mana-mana negara luar perlu melalui kerajaan British untuk membuat sebarang hubungan dengannya, malahan kuasa ketenteraan juga bergantung pada kuasa British. Bagaimanapun berbeza dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kuasa British hanya mengawal dasar-dasar luarnya tetapi pentadbiran dalam negeri adalah sepenuhnya di bawah pertanggungjawaban Raja-raja Melayu. Bermakna kuasa British tidak ada hak perundangan untuk mencampuri urusan dalaman bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

¹⁰ Dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerajaan British bertanggungjawab terhadap dasar luar dan keselamatan negeri-negeri dalam pesekutuan tersebut, sedangkan hal-ehwal negeri adalah di bawah pertanggungjawaban raja-raja yang memerintah. Bagaimanapun, secara praktis Residen Jeneral diberi kuasa untuk menasihati dan raja-raja perlu mengikut kepada nasihat-nasihat tersebut berdasarkan triti-triti yang dibuat. Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Sir Frank Sweetenham adalah Residen Jeneralnya yang pertama.

Dasar Awal British Terhadap Kaum Imigran

Dengan kewujudan tiga bentuk pentadbiran British di Tanah Melayu, ianya membawa implikasi kewujudan taraf kewarganegaraan penduduk, iaitu 'rakyat raja' yang bermaksud penduduk asal dan bumiputera, 'rakyat British' iaitu golongan bukan Melayu yang bermastautin di Negeri Selat sementara orang yang menerima perlindungan British (*British protected person*) adalah golongan bukan Melayu yang bermastautin dalam negeri-negeri Melayu tetapi bukan sebagai rakyat rajanya dan bukan rakyat British.

Pada zaman pertapakan British di Semenanjung Tanah Melayu tenaga buruh India dan Cina dibawa masuk bagi kehendak pentadbiran dan ekonomi mereka. Buruh India untuk kerja raya, peladangan getah dan perkeranian, kaum Cina untuk sektor perlombongan, perniagaan runcit dan keperluan pentadbiran Negeri-negeri Selat. Golongan imigran yang muncul di sini dianggap sebagai pemastautin sementara dan British telah mengenalkan Ordinan Orang Asing 1932 Masihi yang secara umumnya tidak memberikan hak kewarganegaraan kepada mereka. **Ini menunjukkan dasar kerajaan British pada masa itu adalah bersifat pro-Melayu iaitu menerima hakikat bahawa Tanah Melayu adalah untuk orang-orang Melayu.**

Prinsip tersebut menjadi pegangan British memandangkan orang-orang Melayu adalah peribumi, kaum asal yang telah beratus-ratus tahun menapak, berevolusi, berkerajaan yang diiktiraf seantero dunia, dan bersosio-budaya dengan cukup harmonis di sini sebelum kehadiran imigran Cina dan India yang kebanyakannya baru datang atas jemputan British yang memerlukan tenaga kerah untuk kegiatan ekonomi serta pentadbiran mereka di sini. Selain itu wujud gejala jenayah melalui kegiatan kongsi-kongsi gelap dari kalangan imigran Cina yang sentiasa menimbulkan masalah dan kegusaran di pihak British.

Apatah lagi dalam situasi masyarakat Melayu yang memegang kuat pada ajaran agama Islam serta beradat budaya watan, aspek-aspek ini sangat asing bagi kaum imigran yang mempunyai kepercayaan dan budaya mereka tersendiri, yang mana sesetengah daripada prinsip-prinsip serta amalan-

amalan mereka adalah bertentangan dengan cara hidup orang-orang Melayu sehingga tiada daya tarikan untuk proses asimilasi.

Ringkasnya, dengan keberadaan tiga kaum yang berbeza sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu Melayu, Cina dan India, yang mana kedatangan kaum imigran yang ramai ini hampir menyamai bilangan orang-orang Melayu sebagai penduduk asal, namun untuk menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebuah 'melting pot' sepertimana halnya di Amerika Syarikat adalah suatu yang mustahil. Apa yang jelas, terdapat perbezaan mendasar dari segi agama dan adat budaya pada ketiga-tiga kaum ini sehingga sukar disatukan.

Kemungkinan atas faktor-faktor ini, kuasa British lebih cenderung untuk mengamalkan prinsip '**Tanah Melayu untuk orang Melayu**' dan mereka berpendapat kaum imigran adalah golongan yang bersifat permastautin sementara dan akan kembali ke negeri-negeri asal mereka suatu masa nanti. Bagaimanapun dasar pro-Melayu oleh kerajaan British mengalami perubahan selepas berlakunya Perang Dunia Kedua disebabkan wujudnya beberapa perkara yang melibatkan kaum imigran, khususnya masyarakat Cina di Tanah Melayu.

Sekitar waktu itu Parti Kuomintang dari China telah memainkan peranan penting untuk menyebarkan fahaman komunisme di Tanah Melayu. Ejen-ejenya telah menubuhkan Parti Komunis Nanyang di Tanah Melayu tetapi diharamkan oleh kuasa British pada tahun 1930, kemudian menubuhkan pula Parti Komunis Malaya (PKM). **Tujuan sebenar penubuhan PKM adalah untuk menghalau British keluar dari Tanah Melayu dan menubuhkan Republik Komunis yang sudah tentu membuang sistem politik tradisional orang-orang Melayu.**

Pada awalnya kuasa British telah menunjukkan sikap tegas terhadap pergerakan komunis di Tanah Melayu yang majoriti ahlinya adalah orang-orang China, iaitu dengan mengharamkannya. Namun bertitik tolak daripada tercutusnya hubungan baik diantara kuasa British dengan negara China semasa perang di Eropah dalam tahun 1939 Masihi telah memberi kesan terhadap hubungannya dengan imigran-imigran Cina di Tanah Melayu.

Waktu itu British mula menunjukkan sikap toleransi dengan anggota-anggota PKM.

Dasar hubungan yang baik tersebut berterusan, malah dimantapkan apabila kerajaan British memerlukan kerjasama masyarakat Cina dalam usahanya mempertahankan Singapura dan Tanah Melayu daripada ancaman Jepun mulai tahun 1942 Masihi.

Sentimen anti-Jepun dikalangan masyarakat Cina bermula dengan penaklukan bersenjata Jepun di Manchuria dalam tahun 1932 dan sehubungan dengannya PKM telah mengambil kesempatan untuk menganjurkan organisasi anti-Jepun dan anti-imperialisme.

Apabila Jepun muncul di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 seterusnya berhasil menawan keseluruhan Tanah Melayu pada 15 Februari 1942, PKM telah menubuhkan Tentera Anti Jepun Rakyat Malaya (MPAJA) untuk menentang pendudukan Jepun. MPAJA mendapat sokongan padu daripada masyarakat Cina dan PKM segera menawarkan kerjasama dengan kuasa British.

Walaupun dasar British awal adalah menolak PKM, namun kemudian ia terpaksa bersikap pragmatik memandangkan British memerlukan kerjasama masyarakat tempatan untuk menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Dalam keadaan kritikal, British tiada banyak pilihan selain menerima tawaran PKM untuk bekerjasama dengannya menentang Jepun.

Peristiwa pengeboman Pelabuhan Pearl dalam tahun 1941 telah menyebabkan kuasa British nekad untuk membentuk pasukan bersenjata yang terdiri dari berbagai kaum di Tanah Melayu. Justeru sebagai persiapan menghadapi ancaman Jepun di Singapura, di bawah perjanjian British dengan PKM seramai 2000 orang Cina telah dilatih sebagai gerila. Di bawah kepimpinan MPAJA, keanggotaan mereka bertambah sehingga 7000 sepanjang tiga tahun pendudukan Jepun.

Hubungan sebagai sekutu perang diantara kuasa British dengan MPAJA dalam melawan pendudukan Jepun dimeterai dalam satu perjanjian penting apabila Ketua Panglima Perang Tentera Berikat British, iaitu Lord Louis Mountbatten

menggesa penggunaan MPAJA dalam kempen untuk mendapatkan semula Tanah Melayu.¹¹

Sebuah lagi organisasi ketenteraan yang ditubuhkan kuasa British untuk menentang pendudukan Jepun di Asia Tenggara ialah Force 136, yang mana rundingan antara kuasa British dengan pemimpin-pemimpin komunis telah meletakkan MPAJA di bawah penyeliaan pegawai Force 136. Dalam kerjasama ini, MPAJA memperoleh bantuan senjata, ubat-ubatan, kewangan dan latihan ketenteraan daripada tentera British.

MPAJA juga dibantu oleh masyarakat Cina setinggan dan luar bandar yang membentuk Kesatuan Anti Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJU). Selain MPAJA, MPAJU, bantuan terhadap penentangan Jepun juga diperolehi daripada Kesatuan China Seberang Laut dan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina di Singapura. Salah seorang dari mereka, iaitu Tan Kah Kee telah mengetuai sebuah pasukan yang bernama Dalforce yang berjuang dengan gigih dalam usaha terakhir mempertahankan Singapura dari ancaman Jepun.

Pembentukan Majlis Mobilisasi Cina Singapura (*Singapore Chinese Mobilization Council*) pada 31hb Disember 1941 yang menggabungkan semua kumpulan politik utama dalam masyarakat Cina demi menentang kemaraan Jepun terus menaikkan imej mereka pada pandangan para pentadbir British. Ikrar untuk bekerjasama dengan kuasa British dalam membendung ancaman pendudukan Jepun tersebut telah dimeterai dengan kenyataan “*untuk menghapuskan perbalahan silam dan perbezaan pendapat untuk membentuk barisan bersatu dengan matlamat yang sama iaitu menentang penceroboh.*”

Maka dalam menentukan dasar politik Tanah Melayu selepas perang, kerajaan British telah mengambil kira hubungan baiknya dengan masyarakat imigran Cina yang berlaku dalam situasi pendudukan Jepun selama tiga tahun dari 1942-1945, khususnya MPAJA yang diiktiraf sebagai gerakan anti-Jepun

¹¹ Smith, R.B. *Some contrast between Burma and Malaya in British policy towards South East Asia* 1942- 1946. *Perspective* 35(5), 1988, hlm 48-59

terbesar di Tanah Melayu. Bukti hubungan baik itu dapat dilihat daripada penganugerahan pingat Order Of The British Empire (O.B.E) kepada Chin-Peng kerana usahanya semasa perang¹².

Gerakan anti-Jepun yang semakin meningkat telah mendorong pentadbiran tentera Jepun menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu untuk menentang MPAJA. Hal ini telah menatijahkan ketegangan kaum di Tanah Melayu setelah kekalahan Jepun kemudian.

Perubahan Dasar British dan Gagasan Malayan Bersatu

Kesimpulannya di atas kerjasama masyarakat Cina dengan kuasa British semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1941- 1944 Masihi, ianya telah membawa kepada perubahan dasar daripada pro-Melayu kepada 'pro-Malayan', iaitu suatu wawasan baru yang bertentangan dengan dasar sebelumnya.

Konsep Malayan di sini mulanya diperkenalkan sebagai suatu takrifan geografi yang samar iaitu merujuk kepada kesultanan-kesultanan rumpun Melayu di rantau Nusantara¹³, namun kemudiannya berubah menjadi istilah politik iaitu bahagian Semenanjung Tanah Melayu yang samada di bawah penguasaan British mahupun yang menerima perlindungan dari kuasa tersebut.

British Malaya ditakrifkan sebagai Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Dalam makna lain semua negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang berada samada dalam penguasaan mahupun perlindungan British.

Awal kurun ke 20 Masihi adalah era pemantapan pentadbiran kerajaan British. Dari kalangan pegawainya, idea United Malayan telah bermula

12 Pillai, K.C.S, *Communist Insurgency in Malaysia*, Pacific Community 7(4), 1976, hlm 586-607

13 Istilah 'Malaya' mula digunakan oleh sebuah jurnal sejarah iaitu Straits Branch of the Royal Asiatic Society dalam ucapan pertama Presidennya dalam tahun 1878 Masihi. Malaya di sini dirujuk sebagai Semenanjung Melaka (iaitu Semenanjung Tanah Melayu) dan juga Kepulauan India Besar yang merangkumi rangkaian Pulau Khatulistiwa, bermula daripada Sumatera di bahagian barat sehinggalah ke New Guinea di bahagian timur

semenjak tahun 1874 Masihi. Pada masa itu Sir Andrew Clarke telah mula memikirkan penubuhan sebuah persekutuan untuk Tanah Melayu. Pada 1944 Masihi Robert Maxwell menyatakan:

“Telah diperkatakan bahawa adalah mustahil untuk seseorang itu mempunyai kerakyatan Malaya. Dia boleh menjadi rakyat di Negeri Selat atau diantara sembilan buah negeri Melayu tetapi ia tidak boleh mempunyai kerakyatan British Malaya secara keseluruhan. Dalam cara yang sama, nasionaliti Malaya juga adalah sesuatu yang mustahil. Ungkapan kewarganegaraan Malaya atau rakyat Malaya seperti yang telah digunakan adalah sebenarnya tidak bermakna.”¹⁴

Bagaimanapun kejatuhan Tanah Melayu kepada pendudukan Jepun dalam tahun 1941 Masihi telah membuka ruang kesempatan untuk kuasa British memulakan dasar yang baru, kerana senario selepas perang dianggap sebagai suatu konsep tabula rasa yang boleh dicorakkan secara bebas oleh para pentadbir British. Dan mereka berazam untuk menggunakan peluang keemasan ini dengan sebaik mungkin demi membentuk semula perjanjian-perjanjian dengan butiran-butiran baru.

Butiran-butiran baru tersebut perlu dibuat sejajar dengan perubahan-perubahan dasar British yang muncul natijah daripada situasi Perang Dunia Kedua, khususnya senario sosio-politik Tanah Melayu dan Singapura di sebalik era pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan hubungan baik yang tercetus diantara kuasa British dengan kuasa China.

Dalam hal ini, Ketua Panglima Perang Tentera Berikat British Naib Admiral Lord Louis Mountbatten (*Supreme Allied Commander South-East Asia*) telah mengemukakan syornya kepada Kabinet Perang British seperti berikut;

1. Apabila Tanah Melayu dikuasai semula, kerajaan British mempunyai peluang terbaik untuk membentuk dasar yang lebih tegas dan rasional berbanding dengan keadaannya sebelum perang.
2. Keseluruhan Tanah Melayu perlu diletakkan di bawah suatu pentadbiran bersekutu dengan nama seperti *Union of Malaya*.

¹⁴ Surat persendirian Maxwell, W, SP 13 t.t.h, The Malay and Malayan: Arkib Negara Malaysia

3. Adalah menjadi kesalahan terbesar untuk memberikan sebarang bentuk kuasa yang diwarisi (sistem raja-raja), samada untuk menggubal atau melaksanakan perundangan dalam negeri mereka.

4. Pemberian sebarang bentuk hak istimewa tidak boleh diperuntukan kepada satu kaum sahaja. Ini adalah kerana tindakan demikian akan menyebabkan berlakunya permusuhan antara kaum yang berpanjangan. Matlamat yang harus dicapai adalah menghapuskan pengkelompokan kaum dalam sebarang bentuk, samada secara politik, ekonomi dan sosial. Sebagai gantinya, ideal untuk mencapai kewarganegaraan Malaya.

5. Adalah amat penting untuk orang Cina dan India diasimilasikan secara yang sah dan perlu mempunyai tanggungjawab tempatan dan bukannya menjadi sekumpulan peneroka atau sumber bekalan buruh yang murah¹⁵.

Dalam hal ini, menurut Mountbatten, gagasan MPAJA yang di bawah kepimpinan komunis yang bercita-cita untuk menyingkirkan kerajaan British serta penubuhan Republik Malaya boleh dihapuskan jikalau kaedah lain digunakan untuk memberikan persamaan taraf kepada orang-orang Cina seperti yang dimiliki masyarakat Melayu.

Berikutan dengannya, selama masa pendudukan Jepun, kerajaan British menggunakan masa tersebut dengan sebaik mungkin untuk mendapatkan pandangan-pandangan tentang mana-mana dasar yang perlu diubah selepas British kembali berkuasa di negeri-negeri Tanah Melayu kerana British berkeyakinan penuh bahawa pendudukan Jepun adalah bersifat sementara.

Dasar terpenting yang diambil perhatian penuh adalah yang berkaitan dengan kedudukan kaum imigran Cina dan India yang ramai telah mejadi pemastautin tetap di negeri-negeri Melayu. Dalam hal ini kebanyakan pentadbir British amat cenderung kepada pembentukan gagasan *pan-Malayan*, iaitu persekutuan negeri-negeri Melayu yang seragam dengan pemusatan pentadbiran kepada satu kuasa pusat, hak kewarganegaraan

¹⁵ Cheah Boon Kheng, 1981, Sino-Malay conflict in Malaya 1945-1956: Communist vendetta and Islamic resistance. JSEAH 12 (1):108-117

kepada kaum imigran dan persamaan taraf diantara mereka dengan orang-orang Melayu sebagai penduduk asal di sini.

Begitu juga dengan masyarakat imigran Cina yang rata-ratanya menyokong penuh cadangan-cadangan tersebut dan sesekali tidak mahu Tanah Melayu dikembalikan kepada kedudukannya sepertimana zaman sebelum perang, iaitu kepada konsep Tanah Melayu untuk orang Melayu di bawah pertuanan Raja-raja Melayu dengan status mereka hanya sebagai rakyat British dalam Negeri-negeri Selat dan orang-orang perlindungan British dalam negeri-negeri Melayu yang lain. Golongan ini juga berpendapat bahawa Raja-raja Melayu harus didudukkan di bawah kerajaan British dan dihadkan kuasa mereka menjadi Raja-raja berperlembagaan, orang-orang Melayu tidak patut diberi apa-apa hak keistimewaan lagi.¹⁶

Pendapat di atas diperkukuhkan lagi dengan kemerosotan keyakinan British untuk meneruskan dasar pro-Melayu kerana mereka berpendapat berbanding dengan kaum Cina yang banyak membantu kuasa British dalam menghadapi pendudukan Jepun di Tanah Melayu, orang-orang Melayu mengambil sikap lewa, tidak pro-aktif, tidak bersama-sama kuasa British menentang Jepun malahan ada yang bekerjasama dengan mereka¹⁷. Salah satu fail British *Military Administration* melaporkan :

16 Dalam hal ini, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Persatuan Cina Seberang Laut yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock bersifat radikal tetapi mendapat perhatian penuh daripada British. Antaranya berpendapat bahawa instrumen raja Melayu dan jentera Melayu adalah tidak praktikal lagi kecuali penduduk Tanah Melayu ini keseluruhan ataupun kebanyakannya adalah orang-orang Melayu. Mereka tidak mengambil kira bahawa kaum imigran adalah bawaan British demi kemajuan ekonomi untuk kepentingan golongan kapitalis tanpa menghiraukan sentimen orang-orang Melayu. Persatuan ini juga berpendapat bahawa sebarang bantuan kepada orang Melayu tidak didasari atas hak istimewa mereka, tetapi kerana masyarakat Melayu banyak tertinggal dari sudut ekonomi berbanding kaum imigran. Baca Surat Maxwell, op. cit

17 Hal ini adalah kerana telah wujud kesedaran di kalangan orang-orang Melayu tentang kedudukan mereka yang walaupun tetap di bawah pertuanan Raja-raja Melayu, namun realitinya wujud pelbagai campurtangan British. Hal ini membangkitkan gerakan-gerakan penentangan British dan sebilangan orang Melayu telah bekerjasama dengan Jepun ataupun merelakan pendudukan Jepun kerana kuasa Jepun berjanji untuk menolong membebaskan Tanah Melayu dari penguasaan British. Terdapat juga kalangan orang Melayu yang membenci kedua-dua British dan Jepun, malahan menentang Raja-raja Melayu kerana menganggapnya sebagai boneka British. Golongan ini menuntut kuasa diserahkan pada rakyat jelata, dari sini lahirlah suatu pemikiran baru berteraskan konsep 'kedaulatan rakyat' yang bersumber dari pemikiran Barat.

“Sementara kebanyakan orang Cina bersemangat untuk bersama kita dan bersedia melakukan segalanya demi membantu kita, orang Melayu pula berkeberatan dan tidak bersemangat yang mungkin dilakukan dalam keadaan terpaksa¹⁸”.

Apatah lagi waktu itu terdapat usaha sesetengah pemimpin Melayu untuk bergabung dengan Indonesia. Tanah Melayu yang bersatu dengan Indonesia yang merdeka adalah alternatif kepada Tanah Melayu yang berterusan diletakkan bawah kuasa British. Maka orang-orang Melayu perlu diberikan ‘hadiah yang lumayan’ atas ‘pembelotan’ mereka kepada kuasa British!!

Maka dalam kerangka kepentingan strategik imperialisme kuasa British di Tanah Melayu, pada tahun 1943 Masihi Pejabat Perang telah membentuk Unit Perancang Tanah Melayu yang dipimpin oleh Major-General R. Hone. Unit ini ditugaskan untuk merancang pentadbiran Tanah Melayu dalam tempuh pentadbiran tentera serta pentadbiran awam yang kekal selepas pentadbiran tentera ditamatkan kelak.

Seawal penubuhannya, Unit Perancang Tanah Melayu telah bersedia dengan idea pro-Malayan sehingga perbincangan-perbincangan yang diadakan di kalangan para pegawainya telah membawa kepada penyusunan suatu deraf kertas kabinet yang diserahkan kepada Jawatankuasa Kabinet untuk dikaji mengenai rancangan *“mengkaji cadangan mengenai dasar jangka panjang terhadap Tanah Melayu dan Borneo dan memberikan cadangan terhadap Kabinet Perang.”*

Susulan daripadanya, suatu memorandum rahsia telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kementerian Kabinet yang terkandung antaranya petikan maklumat berikut :

“ Dalam keadaan serba baru dalam kepulauan kita ke Tanah Melayu terdapat peluang untuk mencapai kerjasama antara bahagian dalam wilayah itu secara yang lebih rapat lagi tanpa perlu melalui proses yang berpanjangan seperti yang dialami oleh penganjur dasar desentralisasi.”

18 ADM/327

“Pengalaman telah menunjukkan bahawa kepentingan kecekapan dan keselamatan perundangan dan pentadbiran memerlukan intergrasi yang lebih rapat di Tanah Melayu. Tindakan yang bersatu pada masa lalu memerlukan tindakan yang berasingan oleh sepuluh kerajaan..ia akan membentuk rasa tidak puas hati tempatan dan perkembangan perbezaan yang tidak sesuai untuk pentadbiran yang cekap.”

“Terdapat komuniti Asia bukan Melayu yang penting di negara ini yang telah memberikan sumbangan kepada kemajuannya dan memperoleh kepentingan yang tetap di negara ini. Terdapat raja Melayu yang sentiasa enggan menerima cadangan untuk menerima orang bukan Melayu dan Islam sebagai rakyat mereka.”

“ Di Tanah Melayu adalah sesuai sebagai langkah permulaan untuk membetulkan keadaan lama iaitu Kerajaan British tidak mempunyai kuasa perundangan terhadap negeri-negeri Melayu. Oleh itu perjanjian yang baru dengan setiap raja hendaklah dilakukan secepat mungkin selepas pendudukan semula yang membolehkan kuasa perundangan diserahkan kepada Kerajaan British.”

“Seluruh Semenanjung perlu disusun semula untuk membentuk kuasa pusat yang akan mewakili Negeri Melayu dan Negeri Selat (tidak termasuk Singapura). Yang akan mengetuai kuasa pusat itu adalah Gabenor dengan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan.”¹⁹

Pada tahap ini konsep dan wawasan ‘*bangsa Malayan bersatu*’ telah mula menampakkan bayangannya. Berdasarkan input daripada Jawatankuasa Kementerian Kabinet terhadap draf memorandum yang dikemukakan tentang polisi British terhadap masa hadapan Tanah Melayu, maka cadangan untuk rancangan *Malayan Union* telah diumumkan oleh Edward Gent, Penolong Setiausaha Rendah Tetap bagi Tanah Jajahan British, buat pertama kali di Parlimen United Kingdom pada Januari 1944 Masihi.

Susulan darinya maka pada tanggal 31 Mei 1944 Kabinet Perang telah meluluskan gagasan *Malayan Union*. Bagaimanapun tiada pemasyuran atau sebarang publisiti dibuat tentang keputusan tersebut kerana dikhuatiri mendapat tentangan daripada raja-raja dan masyarakat Melayu.

19 Dokumen Future Policy For British Colonial Territories in South East Asia

BAB 2

DARI PALESTIN KE TANAH MELAYU: BRITISH MENCATUR SIASAH

Kesan daripada Perang Dunia Pertama, politik Tanah Melayu adalah berada pada keadaan tabula rasa yang membuka peluang bagi kerajaan British untuk membatalkan segala triti-triti lama dengan Raja-raja Melayu dan membentuk pentadbiran baru. Kebetulan pada waktu itu British baru selesai menandatangani Piagam Atlantik yang mengikatnya kepada perjanjian membebaskan negeri-negeri taklukannya, maka ia mempunyai pilihan untuk mengembalikan pentadbiran negeri-negeri Melayu samada yang bersekutu mahupun yang tidak bersekutu kepada Raja-raja Melayu di negeri masing-masing.

Apatah lagi mengikut undang-undang antarabangsa, negeri-negeri Melayu bukanlah jajahan British, tetapi semata-mata merupakan negeri-negeri bawah perlindungannya, dan sembilan Raja-raja Melayu adalah diiktiraf sebagai pemerintah-pemerintah yang masih berdaulat yang terikat dengan kuasa British hanya melalui triti-triti yang berbeza diantara satu negeri Melayu dengan yang lain, namun tidak sampai menyerahkan kedaulatan kesultanan-kesultanan Melayu mahupun Raja-rajanya.

Jadi atas alasan apakah British enggan berbuat demikian?

Apa yang pasti mulai abad ke 20 Masihi telah wujud tiga kelompok baru dalam masyarakat Tanah Melayu yang memberikan anjakan paradigma yang besar

kepada lanskap sosio-politik di negeri-negeri Melayu ini. Kelompok yang dimaksudkan itu adalah :

1. Golongan bangsawan dan teknokrat yang berorientasikan Barat kerana telah dideadahkan dengan pendidikan tersebut. Walaupun dari satu segi ianya mendatangkan faedah kepada masyarakat Melayu dari aspek pentadbiran masyarakat yang lebih kemas dan bersistem, tetapi dari segi yang lain, mereka menjadi tidak sabar untuk membaratkan Tanah Melayu dengan harga pengorbanan sistem-sistem tradisional Melayu.

Dalam buku *Ikhtisar Perkembangan Islam*, 1982, halaman 551, Hj Dusuki telah menyebut tentang golongan ini:

“Golongan yang kedua pula adalah dari mereka yang menerima pendidikan Barat. Mereka ini mengambil sikap tidak sabar untuk membaratkan masyarakat demi mencapai kemajuan yang diidamkan. Bagi mereka modenisasi hanya semata-mata dengan menurut apa yang dilakukan oleh orang-orang barat, dan menurut nilai-nilai, pemikiran dan cara hidup mereka. Secara sedar atau tidak golongan ini sedang berusaha sedaya upaya untuk mencapai cita-cita itu. Mereka mendapat saluran yang kuat dari kedudukan mereka yang berpengaruh dalam masyarakat. Usaha-usaha mereka diperkuatkan oleh struktur masyarakat Malaysia berbilang bangsa dan susunan ‘feudal’ yang anggotanya mendapat didikan barat serta golongan birokrasi yang juga menerima didikan barat. Lebih-lebih lagi peradaban Barat ini telah ditakhtakan oleh kekuatan pengaruhnya di seluruh dunia.”

2. Kewujudan kaum imigran dengan jumlah yang ramai, dibawa oleh kerajaan British bagi membangunkan ekonomi negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu yang memberi keuntungan besar kepada golongan kapitalis. Walaupun pada awalnya kedatangan kaum imigran ini adalah berdasarkan status sementara, dan mereka hanya diberi taraf orang-orang perlindungan British di negeri-negeri Melayu, namun pada masa kemudian mereka telah bersedia dan menuntut untuk menjadi pemastatutin tetap tanpa berkompromi untuk meninggalkan adat resam, budaya dan bahasa negara asal mereka.

3. Kewujudan orang-orang Melayu yang kembalidarimengikutipengajiandi Timur Tengah, khususnya di Mesir sehingga terpengaruh dengan corak pemikiran pelopor-pelopor Muktazilah moden seperti Muhammad Abduh dan Jamaluddin al-Afghani. Golongan ini terpengaruh dengan revolusi anti monarki di Eropah dan telah tiris kepercayaan mereka kepada Institusi Raja-raja Melayu.

Keadaan ini diperkuatkan dengan realiti keadaan golongan bangsawan waktu itu yang ramai berorientasikan pemikiran Barat sehingga memberikan impak negatif kepada golongan ini.

Kewujudan tiga kelompok ini di Tanah Melayu telah memberikan kelebihan kepada kuasa British untuk memanipulasi keadaan dengan menggunakan golongan-golongan tersebut sebagai alat yang berkesan untuk mendapatkan cita-citanya.

Dan cita-cita terpendam British adalah tidak mahu negeri-negeri Melayu kembali kepada sistem-sistem asal, terutamanya dari aspek politik kerana mereka amat arif bahawa kesultanan-kesultanan Melayu lama adalah hakikatnya sebahagian dari mata rantai yang mendokong sistem khilafah Islamiyah yang beribu pejabat di Istanbul dalam kerajaan Othmaniyyah. Hasrat ini dipertegaskan oleh Lord Cromer, seorang Yahudi yang pernah menjadi gabenor British di Mesir :

“England bersedia untuk memberikan kemerdekaan kepada kesemua jajahannya selepas wujudnya suatu generasi yang mengamalkan budaya Inggeris (sekular dan liberal) yang bersedia untuk mengambil alih (dari Britain) tetapi tidak sekali-kali Britain hatta sesaat pun berhasrat membiarkan wujudnya kerajaan Islam yang merdeka”²⁰

Hal ini seterusnya diperkukuhkan melalui kenyataan seorang penulis Barat bernama A. Milner mengenai gerakan-gerakan nasionalis menuntut kemerdekaan seperti berikut :

20 Cromer, *Modern Egypt*, jld 11 (London & New York: Macmillan, 1908), hlm 565

“Akhirnya, dengan galakan pengaruh Inggeris, perlahan-lahan wujud di Malaya gerakan nasionalisme sekular. Gerakan-gerakan ini menyebarkan Fahaman Kenegaraan dan undang-undang (sekular) yang menolak bukan hanya sistem kerajaan beraja (tradisi), tetapi juga idealisme pemikiran Syariah dalam masyarakat yang (selama ini) diperintah oleh undang-undang Allah.”

Perlu diingat, British pernah menjadi kuasa imperialis dunia yang gah, amat berpengalaman dan digeruni suatu masa dahulu²¹. Dan kuasa ini juga banyak melibatkan diri dalam politik negara-negara Islam khususnya di Mesir dan Palestin.

Di Palestin sendiri, dasar kerajaan British amat cenderung untuk membantu Yahudi Zionis membentuk sebuah negara Yahudi di tengah-tengah bumi Islam di Timur Tengah, yang dikatakan boleh menjadi pengkalan penting bagi kuasa-kuasa imperialis Eropah untuk meluaskan pengaruh mereka di wilayah-wilayah Islam di Timur Tengah yang mempunyai kepentingan strategik itu. Malahan pihak atasan negara Britain melihat kerjasamanya dengan Yahudi Zionis sebagai persekutuan yang boleh menguntungkan kedua belah pihak²².

Kelahiran Liga Bangsa-Bangsa setelah hampir selesai Perang Dunia Pertama pada tahun 1917M telah memberi mandat kepada kuasa British untuk menguasai Palestin sebagai persediaan melahirkan negara haram Israel. Dengan keberhasilan kuasa British menakluki Palestin, tokoh-tokoh Zionis di England bersegera mencaplok peluang emas ini untuk mempengaruhi kerajaan Inggeris menyokong cita-cita mereka menduduki wilayah tersebut. Mereka tidak perlu menunggu lama kerana pada bulan September tahun yang sama, Lord Arthur James Balfour, Setiausaha Luar Negeri Britain

21 Dalam abad ke 19M, negara-negara Eropah telah menjadikan imperialism dasar pemerintahan mereka. Golongan imperialis ini merasa ‘bertanggungjawab’ untuk ‘mentamadunkan’ bangsa-bangsa timur termasuklah di wilayah-wilayah umat Islam, yang dituduh mereka sebagai puak-puak yang ‘liar dan gasar’.

22 Dalam Kongres Zionis ke 19 pada tahun 1935M, David Ben Gurion (1886-1973), Perdana Menteri Israel yang pertama telah membuat deklarasi bahawa: *“Sesiapa yang mengkhianati Great Britain mengkhianati Zionisme”*. Pada masa yang lain, beliau menyatakan bahawa: *“Tanah Yahudi itu mampu menjadi pertahanan laut dan darat kepada empayar tersebut (British).”*

telah mengutus surat kepada seorang pemodal elit Yahudi Eropah yang amat berpengaruh, iaitu Lord Rothschild, menyatakan bahawa kerajaannya menyokong penubuhan tanahair Yahudi di Palestin. Pengisytiharan ini kemudian dilulus dan iktiraf oleh majlis Liga Bangsa-Bangsa²³ pada bulan Julai 1922M. Semenjak pengiktirafan tersebut, Gerakan Zionisme yang mendapat nafas baru telah mempercepatkan proses penempatan semula orang-orang Yahudi dari merata tempat ke Palestin.

Sir Harold MacMichael dan Politik Palestin

Sir Harold MacMichael dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Palestin dalam tahun 1938²⁴. Inilah tugasnya yang amat penting bagi kerajaan Inggeris, sebelum meneruskan tugasannya mendapat persetujuan Raja-Raja Melayu terhadap pembentukan Malayan Union. Di masa pentadbiran beliau di Palestin, banyak peristiwa-peristiwa penting telah berlaku. Sumber Parlimen British mencatatkan dalam tahun 1928, penduduk Yahudi (imigran) hanyalah 17 peratus dari penduduk Palestin, namun mereka telahpun mempunyai kepentingan strategik dengan menyumbang biaya pentadbiran British sebanyak 44 peratus, jauh lebih tinggi dari Arab Palestin²⁵.

Dalam tahun 1918-1939, kebanyakan suntikan modal ini datang dari suntikan modal Yahudi sedunia dalam cita-cita mereka untuk menubuhkan negeri Israel yang bakal menggantikan Palestin²⁶. Mereka datang beramai-ramai setelah Pengisytiharan Balfour²⁷.

Penduduk Yahudi bertambah dari 24,000 dalam tahun 1882 sehingga menjadi 400,000 dalam tahun 1939, iaitu sepertiga dari penduduk Palestine hingga

23 Menjadi Bangsa-Bangsa Bersatu selepas Perang Dunia Kedua

24 Sir Harold MacMichael Collection, Middle East Centre, St Antony's College, Oxford, Ref GB165-0196 25 <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-185776/>. Ini adalah dokumen PBB, yang memasukkan dokumen terdahulu dari Liga Bangsa-Bangsa

25 <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-185776/>. Ini adalah dokumen PBB, yang memasukkan dokumen terdahulu dari Liga Bangsa-Bangsa

26 "*His Majesty's Government accept(s) the principle that Palestine should be reconstituted as the national home of the Jewish people*", ungkapan Pengisytiharan Balfour

27 Ibid

pembentukan Israel dalam tahun 1948²⁸. Ancaman kenegaraan ini telah menyebabkan para pemimpin Arab Palestin menyuarakan kebimbangan mereka, antaranya melalui akhbar tempatan, *Al-Jamiyah Al-Islamiah*, keluaran Ogos 21 dan September 2, 1932, “...oleh kerana Yahudi itu peka, dan pemimpin kita tidur, puak Yahudi membeli tanah-tanah kita,” dan “...orang Arab tidak akan mengiktiraf penjualan ini sebagai sah, walaupun Yahudi mempunyai geran tanah tersebut... apabila keadaan politik berubah, orang Arab akan meminta tanah-tanah tersebut dikembalikan”²⁹.

Petikan dari *al-Jamiah al-Arabiah*, 16hb September, 1932 “... tidak dinafikan, penjualan tanah (kepada Yahudi) inilah mengancam masa hadapan Palestin.” al-Difa’ pula mencatatkan dalam bulan November 5, 1934: “...orang Arab khuatir akan masa hadapan dimana dibayangkakan anak cucu-cicitnya merempat di negeri sendiri, kerana hilang tanah airnya...”.

Dari tahun 1931, pemimpin-pemimpin Zionis Yahudi mahukan supaya tanah-tanah pemilikan Yahudi itu bergabung untuk membentuk nukleus wilayah Zionis; dan mereka menggantikan tanah Arab dengan tanah-tanah lain jauh dari tanah kaum Yahudi. Arab kehilangan tanah kepada Yahudi kerana faktor ekonomi, mereka tidak dapat bersaing dengan kepandaian kaum Yahudi dalam perniagaan dan lain-lain sebab.

Sebelum Perang Dunia Kedua, pembinaan institusi, lembaga-lembaga, persatuan-persatuan, perkembangan ekonomi, perkembangan kewangan dan pemilikan tanah telah memberikan keyakinan yang kuat pada kaum Yahudi Zionis untuk membentuk negeri merdeka Israel. Ia juga disertakan dengan pengembangan militer yang dilakukan secara senyap. Perbezaan utama antara kaum Yahudi dan Arab ialah kesanggupan puak Yahudi Zionis, untuk masa yang singkat, meletakkan kepentingan kaum mereka melebihi kepentingan individu.

28 <https://www.un.org/unispal/history2/origins-and-evolution-of-the-Palestin-problem/part-i-1917-1947/>. Sebuah dokumen PBB mengenai soal Palestin

29 <https://israeled.org/a-zionist-state-in-1939/>, artikel “A Zionist State in 1939”, terbitan Centre for Israel Education

Menjelang tahun 1939, kaum Arab di Palestin telah mula menyedari realiti ini, malangnya mereka tiada kecukupan dana untuk menghadapi ancaman kaum Yahudi, malahan tiada unsur-unsur penyatuan bangsa bagi menentang pergerakan kaum Yahudi yang mempunyai matlamat yang jelas.

Asakan demi asakan yang datang dari pendatang-pendatang haram Yahudi secara beramai-ramai dengan tidak mempedulikan hak turun-temurun dan sensitiviti golongan peribumi Palestin (Islam dan Kristian) telah mencetuskan konflik-konflik yang hebat³⁰. Rusuhan terjadi berulang kali diantara masyarakat peribumi dengan pendatang-pendatang haram Yahudi pada tahun 1929M, 1933M, 1936-1938M³¹. Konflik serta pertempuran antara masyarakat peribumi Palestin dengan pendatang haram Yahudi telah menerbitkan *Suruhanjaya Peel* yang mencadangkan supaya Palestin dibahagikan kepada dua bahagian; wilayah Arab dan wilayah Zionis Yahudi.

Harold MacMichael tampil menyokong cadangan suruhanjaya tersebut. British menghadkan pembelian tanah oleh Yahudi pada tahun 1939, kerana, "... *pemilik tanah Arab perlulah dilindungi dari kebodohnya sendiri*"³². MacMichael telah berhubung dengan Dr Chaim Weisman, ketua Zionis Palestine mengenai Suruhanjaya Peel. Dalam surat terakhirnya kepada Kerajaan Inggeris, selaku Gabenor Palestine dalam tahun 1944, "... *kemasukan Yahudi yang tiada sekatan adalah berbahaya bagi imej kerajaan Inggeris, ia mengancam keselamatan Timur Tengah dan kaum Arab yang risau akan kebanjiran Yahudi...*", "... *Saya mencadangkan pemisahan Yahudi dan Arab kepada negeri-negeri masing-masing. Penghijrahan Yahudi kedalam negeri Yahudi akan menjadi masalah mereka (Yahudi) sendiri ...*"³³

30 Mereka adalah dari keturunan Arab Mesir, Syria, Iraq dan Romawi yang pernah menakluki Jerusalem di zaman-zaman Sebelum Masihi. Kebanyakan mereka telah memeluk Islam, terutamanya di zaman penguasaan khalifah-khalifah Islam selama hampir 1200 tahun lamanya, dan menjadi penduduk peribumi Palestin sehingga ke hari ini.

31 Permasalahan Palestin ini telah disinggung oleh Dr Burhanuddin Helmi, penulisannya dituduh sebagai menggugat kedudukan British. Ramlah Adam, Sumbanganmu Dikenang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 126.

32 <https://israeled.org/a-zionist-state-in-1939/>, artikel "A Zionist State in 1939", terbitan Centre for Israel Education

33 CO 733/461/75872S

British memulangkan mandat mereka kepada Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1947 kerana mereka bersikap lepas tangan kepada dua kaum yang bertelagah itu; orang Arab tidak mahu diperintah Yahudi. Bangsa-Bangsa Bersatu yang terus meluluskan penubuhan negara Israel di Palestin berdasarkan syarat pembahagian seperti yang dicadangkan serta berbagai syarat lain. Maka pada 14hb Mei 1948M lahirlah sebuah negara haram Israel di bumi Palestin.

Malang bagi kaum peribumi Arab Palestin, selepas sahaja Israel disyiharkan sebagai negara berdaulat dan merdeka, sekalian syarat-syarat yang pada awalnya dipersetujui semuanya telah dicabuli. Malahan pucuk pimpinan negara haram Israel telah mengumumkan dasar pengluasan jajahan yang kemudiannya membawa kepada penaklukan seluruh wilayah Arab Palestin.

Dalam hal ini, apabila Perdana Menteri negara (haram) Israel yang pertama, iaitu David Ben Gurion membuat pengumumannya, beliau enggan mengisytiharkan sempadan negara Israel dengan membandingkan keengganannya itu dengan apa yang pernah berlaku kepada 13 jajahan asal Amerika Syarikat yang juga enggan mengisytiharkan sempadan negara tersebut semasa deklarasi kemerdekaannya, iaitu bagi membolehkan mereka meluaskan jajahan Amerika Syarikat kemudiannya kepada 50 negeri daripada Lautan Atlantik ke Lautan Pasifik.

Dalam tahun 1968M, Moshe Dayan, Ketua Turus Angkatan Tentera Darat Yahudi pernah menyebut; *“Semenjak tempuh 100 tahun yang lalu, kaum kita telah memulakan proses pembentukan sebuah negara dan (pengumpulan semula) bangsa, dan meluaskannya, meningkatkan bilangan orang-orang Yahudi dan penempatan- penempatan tambahan yang dapat meluaskan sempadan negara ini. Jangan sesiapa pun dari kalangan orang-orang Yahudi mengatakan bahawa proses ini telah tamat. Jangan sesiapa pun mengatakan bahawa kita telah hampir sampai ke penghujung jalan.”*

‘Law of Return’ atau ‘Undang-Undang Kepulangan’ 1950M merupakan suatu contoh dasar negara (haram) Israel yang zalim, iaitu dengan memberikan hak eksklusif kepada semua penganut agama Judaisme dari mana-mana ceruk

rantau dunia hak kerakyatan secara otomatis, sedangkan penduduk peribumi Palestin diwajibkan memohon kerakyatan mereka dengan dikenakan berbagai syarat yang ketat.

Dalam hal ini Professor Israel Sahak, Pengerusi Liga Israel untuk Hak Sipil dan Kemanusiaan telah menegaskan:

“Orang-orang yang dilahirkan dan sepanjang hayat mereka tinggal di Jerusalem tidak dibenarkan kembali ke bandar mereka sendiri jikalau mereka bukan dari kaum Yahudi. Namun jikalau esok seorang Belanda menganut Judaisme (sudah tentunya mengikut cara Judaisme Ortodoks), maka dia bukan sahaja akan dibenarkan tinggal di Jerusalem, malahan akan mendapat sebuah apartment di Ramat Eschkol (sebuah penempatan di Jerusalem yang dibina atas tanah yang dirampas daripada orang-orang Palestin).”

Percubaan tentera-tentera Arab untuk mematahkan penaklukan Yahudi dengan cepat dapat ditumpaskan dan seterusnya menekan peribumi Arab Palestin sehinggalah beratus-ratus ribu rakyatnya menjadi pelarian. Pengusiran secara besar-besaran ini disebut sebagai ‘Nakbah’³⁴, manakala mereka yang tetap tinggal di wilayah Palestin ramai terdedah kepada penderaan dan hambatan mental dan fizikal yang zalim, rakus dan berlanjutan sehingga ke hari ini.

Iktibar dari Palestin: British Mencatur Siasah di Tanah Melayu

Apakah segala pengalaman percaturan politik British di Palestin yang sangat berharga diabaikan sama sekali dalam agihan jual beli politiknya dengan kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu?

Berbekalkan pengalamannya di Palestin, kerajaan British berkeyakinan penuh Sir Harold MacMichael sebagai tokoh yang layak bagi memaksa Raja-raja Melayu menyerahkan negeri-negeri mereka kepada British melalui Malayan Union, iaitu menukarkan status negeri-negeri perlindungan Inggeris kepada tanah jajahan mereka.

³⁴ “Jangan dilupakan Peristiwa Nakbah”, Sinar Harian, 15/5/2019

Sudah tentu tidak, British telah pun mempunyai objek-objek pertaruhan dalam tangannya, iaitu kewujudan golongan bangsawan berorientasikan barat dan kaum pendatang di Tanah Melayu yang boleh dicatur rapi. Manakala untuk kaum pendatang, pengalaman British membantu agenda Zionis dalam penubuhan tanahair Yahudi di Palestin serta kemasukan pendatang-pendatang haram Yahudi secara beramai-ramai di sana mampu dijadikan iktibar, dan di *'fine tune'* mana-mana yang perlu untuk menyesuaikan dengan agenda British yang tersirat di Tanah Melayu ini.

Perhatikan statistik berikut; sebelum Perang Dunia Kedua, pihak Inggeris telah membawa masuk kaum imigran China dan India dalam bilangan yang ramai, pada tahun 1931, sejumlah 1,704,452 orang Cina yang direkodkan menetap di Tanah Melayu, mengatasi orang Melayu yang hanya 1,645,516 dan orang India berjumlah 621,847. Manakala pada tahun 1947, peningkatan ketara yang direkodkan sejumlah 2,614,667 orang Cina di Tanah Melayu, berbanding orang Melayu yang hanya 2,543,569, walaupun jumlah tersebut meliputi orang-orang Melayu Indonesia dan orang-orang Asli; manakala orang India berjumlah 599,616³⁵.

Pihak British telah melanggar sendiri perjanjian mereka dengan Raja-raja Melayu dengan polisi keterbukaan mereka: “... *Sebagaimana yang diketahui, Sembilan Negeri Melayu, menurut perjanjian, mempunyai pelindung, iaitu Kerajaan Inggeris, tetapi prinsip ini dilanggar oleh Inggeris dengan memberi polisi pintu terbuka yang membuka seluas-luasnya Malaya kepada imigran China ... dan India.*”³⁶

Manakala sebagai timbal balas sumbangan positif imigran China dalam aktiviti perekonomian, British memberi laluan kepada mereka untuk terlibat sama dalam ruang perdebatan nasionalisme di Tanah Melayu.³⁷ Kaum China yang berpendidikan Inggeris dan tinggal di Negeri-Negeri Selat (iaitu rakyat British), merujuk negara ini sebagai Malaya dan menuntut hak berpolitik sebagai rakyat Malaya.

35 CO 1030/308, Independence of Malaya Movement;

36 Ibid

37 Ibid

Keadaan ini sangat menggusarkan orang-orang Melayu. Pada mereka, ‘*Malaya*’ adalah rekaan penjajah dan tidak mempunyai keabsahan undang-undang dan tuntutan-tuntutan kaum China dianggap sebagai ‘talibarut’ Inggeris.³⁸ Orang-orang Melayu tidak mahu tunduk pada gesaan penjenamaan ‘*bangsa Malayan*’, “... *siapakah bangsa Malayan, yang suka menghasut, mencucuk, membuat pesona kerajaan supaya jangan mengutamakan bangsa Melayu, seboleh-bolehnya bangsa mereka sahaja yang diampu kerajaan ...*”³⁹

Dalam tahun 1941, Tanah Melayu telah ditakluki oleh Jepun. Ianya memberikan implikasi kegagalan pihak British dalam melaksanakan kewajiban-kewajiban mereka seperti yang terkandung dalam triti-triti dengan Raja-raja Melayu.⁴⁰ Apa yang kuasa Inggeris lakukan hanyalah menawarkan Raja-raja Melayu untuk berundur ke Singapura, tetapi tidak ada sorang raja pun yang menyambut tawaran tersebut atas dasar ‘*Raja dan rakyat berpisah tiada*’^{41,42}.

Bagi kuasa Jepun pula, mereka memastikan Raja-raja Melayu memberikan kerjasama, mana-mana raja yang pro-British akan digantikan. Bagaimanapun pada bulan April 1943, Jepun telah memulangkan kuasa Raja-raja Melayu dengan pengiktirafan rasmi.⁴³ Semenjak itu, kuasa Jepun telah membuat hubungan yang baik dengan Raja-raja Melayu bagi mendapatkan sokongan Melayu yang setia kepada raja-raja mereka⁴⁴.

38 Tan Liok Ee, *The Rhetoric of Bangsa and Minzu: Community and Nation in Tension, The Malay Peninsula, 1900-1955*, Center of Southeast Asian Studies Monash University, Victoria, 1988, hlm 9.

39 Siapakah bangsa Melayu, Akhbar, 8/1/1934, sebuah akhbar Melayu di Perak. Dipetik dari Ahmad Fauzi Basri, *Analisis Jilid 1 Bil 1*

40 Hak Ching On, *British Policy and Chinese Politics in Malaya 1942 -1955*, University of Hull

41 Kobkua Suwannathat-Pian, “*British colonial rule, Japanese occupation, and the transformation of Malay kingship 1930s-1957*”, *New Zealand Journal of Asian Studies* 11, 1 (June 2009)

42 Mohd Helmi Abd Rahim1 , Normah Mustaffa1 , Fauziah Ahmad1 & N. Lyndon, A “*Memoryscape*” *Malayan Union 1946: The Beginning and Rise of Modern Malay Political Culture*, *Asian Social Science*; Vol. 9, No. 6; 2013

43 Yazid Mat, Hazman Hassan, “*Menjelang 200 Tahun Kerajaan Perlis Di Bawah Tujuh Orang Raja, Institusi Raja Perlis Antara Kesinambungan dan Perubahan*”, *Prosiding Seminar Institusi Raja: Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*, 2014, UniMaP

44 Ibid

Pihak Jepun menyedari bahawa mereka tidak boleh mentadbir Tanah Melayu tanpa sokongan kuat daripada orang-orang Melayu⁴⁵, maka usaha dilakukan untuk membuat hubungan baik dengan masyarakat Melayu sebagaimana yang dibuat dengan raja-raja mereka. Pihak Jepun menggalakkan semangat kebangsaan Melayu melalui rapat-rapat umum, persidangan-persidangan dan latihan dalam bidang pentadbiran termasuk menghantar anak-anak Melayu ke universiti-universiti di Jepun, bagi menolong pihak Jepun mengurus pentadbiran Tanah Melayu⁴⁶. Ini termasuklah menolong institusi-institusi agama Islam di Tanah Melayu⁴⁷ dan juga persidangan-persidangan Islam, sebagai contohnya, mengenai keperluan untuk ‘membebaskan Tanah Suci (Mekah dan Madinah) dari pegangan kaum Inggeris’ pada tahun 1943.⁴⁸

Berbanding dengan pentadbiran Inggeris, pentadbiran Jepun melibatkan kesemua kelas masyarakat, termasuk Melayu elit dan rakyat kebanyakan. Pendidikan Jepun berlaku secara intensif melalui sekolah-sekolah kepimpinan ala- Jepun, seolah-olah mendidik orang-orang Melayu disiplin untuk berorganisasi, yang terbukti memberikan manfaat yang besar apabila kelebihan ini diguna pakai di era penentangan Malayan Union⁴⁹. Polisi Jepun ke atas pendidikan telah membawa kesan penting, iaitu penyatuan kelompok-kelompok Melayu yang dahulunya bersatu mengikut negeri, menjadi satu bangsa Melayu untuk Tanah Melayu!⁵⁰ Bagaimanapun hal ini tidak menolak fakta bahawa di zaman Jepun wujud kepayahan bekalan makanan dan keperluan asas.

45 Fauziah Fathil, *Japanese Propaganda in War-time Malaya: Main Issues in Malai Shinpo and Syonan Shinbun*, *Journal of Media and Information Warfare*, Vol. 10, 1-23, Dec 2017

46 Mohd Helmi Abd Rahim, Normah Mustaffa, Fauziah Ahmad & N. Lyndon, *op.cit*

47 Fauziah Fathil, *op. cit*

48 Abu Talib Ahmad, ‘*Japanese Policy*’, p. 116

49 Kobkua Suwannathat-Pian, *op.cit*. Tunku Abd Rahman menyifatkan pendidikan ala-Jepun inilah yang menyiapkan orang Melayu untuk kemerdekaan. Boleh dikatakan semua pejuang Melayu adalah dilatih diatas semangat *Nippon Seishin* or ‘*Semangat Jepun*’ melalui latihan tentera dan disiplin yang ketat bersulam syarahan-syarahan mengenai nilai-nilai etika dan moral Jepun dan tanggungjawab bersama.

50 *Ibid*.

Berbanding masyarakat Melayu yang rata-rata mendapat layanan agak baik dari kuasa Jepun, imigran China tidak bernasib baik. Ramai dari kalangan mereka mengalami kesengsaraan dan pengalaman pahit akibat kekejaman tentera Jepun, lanjutan daripada Perang China-Jepun. Di Tanah Melayu, perniagaan orang China dirampas dan semua sekolah vernakular ditutup, sedangkan kelas pengajian al-Quran dan sekolah agama diteruskan sebagai strategi Jepun membendung kegiatan penentangan terhadap mereka oleh masyarakat Melayu peribumi.

Atas sebab inilah, rata-rata gerakan penentangan Jepun adalah majoritinya dari kaum China, khususnya yang menganggotai Bintang Tiga (Partai Komunis Malaya)⁵¹, penentangannya bersifat perang gerila. Bermula 15 Ogos 1945, iaitu tarikh pengunduran Jepun secara tiba-tiba dari Tanah Melayu, sekonyong-konyong berlaku kekosongan politik selama lebih kurang 20 hari sehingga pendudukan kembali tentera British pada 3 September berikutnya.

Dalam masa vakum inilah Bintang Tiga telah mengambil kesempatan keluar dari hutan, membuat onar dan kekacauan, mengamuk, menyerang dan membunuh orang-orang Melayu dan kaum lain seramai sekitar 2,500 orang atas tuduhan menjadi talibarut Jepun⁵². Ahli-ahli Bintang Tiga melaksanakan undang-undang sendiri, menggunakan mahkamah yang dikendalikan oleh komunis untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap sesiapa yang dituduh bekerjasama dengan Jepun, khususnya orang-orang Melayu, menaikkan lagi api kemarahan dengan mengejek-ejek budaya Melayu serta menghina Islam⁵³.

Orang-orang Melayu bersatu di belakang pemimpin-pemimpin mereka menentang Bintang Tiga. Antara penentangan paling sengit berlaku di Sungai Manik, Perak dan pergaduhan itu merebak ke seluruh negeri. Pada masa itulah penentangan Melayu dizahirkan melalui antaranya, keperwiraan Kiyai

51Ibid

52Dato' J. J. Raj, Jr, *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2000, him. 57; SP. 18/9C/225. *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, Bil. 7, 1958. him. 24

53BMA/TS Com No 58/9, "Report on the Military Government, 12-30 September, 1945", Deputy Chief Civil Officer of Malaya

Salleh Abdul Karim, yang memimpin Tentera Selempang Merah di Johor⁵⁴ dan tentera ‘parang panjang’, di Perak.

Sejurus pihak British menduduki kembali Tanah Melayu pada 3 September 1945, tanpa berlengah lagi mereka terus membentuk *British Military Administration* (BMA) yang dipimpin oleh Lord Louis Mountbatten bagi menstabilkan keadaan Tanah Melayu selepas berakhirnya Perang Dunia II. Kerajaan ini bersifat sementara hingga kembalinya kuasa British 6 bulan kemudiannya. Orang Melayu yang trauma dengan keadaan Tanah Melayu yang bergejolak, telah menyambut kembali kemunculan British dengan harapan segalanya akan kembali kepada keadaan sediakala, iaitu zaman pra-Perang Dunia II. Tetapi alangkah melesetnya sangkaan mereka!

Pentadbiran Ketenteraan British (BMA) telah berusaha memulihkan keamanan Tanah Melayu dengan mengarahkan semua senjata yang telah diberikan kepada pihak MPAJA semasa pendudukan Jepun dikembalikan kepada mereka. Malangnya MPAJA enggan berbuat demikian, malahan kegiatan jenayah, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum terus semarak di masa-masa berikutnya!

Keadaan infrastruktur, prasarana, kemudahan kesihatan dan sosio-ekonomi Tanah Melayu yang mengalami kerosakan oleh tentera Jepun juga gagal dipulihkan oleh pihak BMA sehingga mendatangkan kehampaan di kalangan penduduk Tanah Melayu, membuka ruang seluasnya pada elemen-elemen subversif dan radikal untuk mengambil kesempatan politik...

54 Harian Metro, 20/5/2020

BAB 3

HAROLD MACMICHAEL MENGADAP RAJA-RAJA MELAYU

Pada 15 Ogos 1945, Tentera Imperial Jepun telah menyerah kalah kepada Tentera Berikat. Instrumen menyerah kalah ini ditanda tangani pada 2 September 1945 atas kapal perang USS Missouri di Pelabuhan Tokyo. Sejurus kemudian Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration – BMA*) tiba dari India untuk mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dan Singapura. Pada hari berikutnya semasa pihak British sedang dalam proses pendudukan semula di Tanah Melayu, Kabinet British memberikan kebenaran untuk dasar Tanah Melayu yang baru dan bersetuju dengan suatu misi yang digelar ‘*misi MacMichael*’ bersempena nama Harold MacMicheal yang dipertanggungjawabkan mengepalai misi tersebut, iaitu untuk mendapatkan tandatangan sembilan orang Raja-raja Melayu untuk mengiktiraf pembentukan MALAYAN UNION.

Tanpa berlengah lagi Pejabat Kolonial telah mengarahkan Harold MacMichael ke Tanah Melayu bagi tujuan tersebut. Oleh kerana waktu itu adalah era Pentadbiran Tentera British (BMA), ianya diambil kesempatan penuh oleh MacMichael bagi mendapatkan tandatangan semua Raja-raja Melayu melalui apa juga cara yang difikirkan patut termasuk menekan dan memeras ugut. Polisi kerajaan Inggeris ini mirip polisi mereka di Palestin, bezanya, Tanah Melayu ada raja-rajanya yang masih berdaulat dan diiktiraf oleh semua kuasa dunia.

Dasar Inggeris tidak dibuat secara tiba-tiba. Ia dibuat melalui *instrumen Whitehall* (Kementerian Luar) dan Pejabat Perang melibatkan perancangan yang teliti dan memakan jangkamasa panjang termasuk mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Tan Cheng Lok yang sedang berlindung di India pada tahun 1943 ketika berlakunya Perang Dunia II. Kedua-dua kementerian ini membentuk *Malayan Planning Unit*, sebuah badan penyelidik dan penyelaras.⁵⁵

Banyak perkara dibincangkan termasuk soal kerakyatan (*jus soli*) dibawah tema '*Malayan Malaya*', bahasa rasmi iaitu Bahasa Inggeris, pelupusan kuota penjawat awam, kebebasan ekonomi, kesamarataan semua kaum dimana Cheng Lok menekankan kaum China ini kaum yang dominan di Tanah Melayu dan sebuah tanah jajahan tunggal Inggeris iaitu *Malayan Union* adalah perlu bagi memenuhi aspirasi perbincangan-perbincangan tersebut.⁵⁶ Dasar ini rahsia dan tidak dikongsi dengan Raja-raja Melayu.⁵⁷

Pada 10 Oktober 1945, George Henry Hall, Setiausaha Kerajaan Negeri Tanah Jajahan telah membuat pengumuman di Parlimen British, berkaitan rancangan kerajaan British untuk penubuhan *Malayan Union* dan kerakyatan *Malayan Union*. Rancangan *Malayan Union* diisytiharkan dalam Warta Kerajaan sebagai Kertas Putih 6274.

"Polisi kami ialah untuk menyatukan Malaya dan institusi kerakyatan Malaya, yang memberi hak kerakyatan yang sama bagi sesiapa yang menganggap Malaya sebagai Tanah Air mereka. Untuk maksud itu, maka perjanjian-perjanjian baru akan dibuat dengan Raja-Raja Melayu..."

Sir Harold MacMichael telah dilantik untuk melawat Malaya sebagai Wakil Khas Kerajaan Baginda King untuk mendapatkan persetujuan dengan Raja-raja Melayu. Apabila Baginda King mendapat kedaulatan (diserahkan oleh Raja-Raja

55 Ramlah Adam, "*Umno Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*", Kelantan, Nawi Book Store, halaman 2 56
Tan Cheng Lok, "*Malayan Problems*", TANNSCO, 1947. Beliau adalah bekas Ahli Dewan Undangan di Melaka. Dokumen ini ada didalam koleksi CIA, badan perisikan AS, dan dikeluarkan untuk edaran awam pada 29/4/2013. Rujukan CIA-RDP82-00457R007500440005-3

57 CO 273/675/16, Malaya: New constitutional measures, Hansard Report Vol. 414, No. 13, 10 October 1945.

Melayu), maka Order-in-Council dikeluarkan bagi membentuk Malayan Union. Maka akan dibentuk kerakyatan Malayan Union, memberi kelayakan kerakyatan kepada yang lahir di Malayan Union atau selepas bermastautin selama jangka masa yang sesuai ... Mereka akan menjadi rakyat Malaya, dengan segala hak dan tanggung jawab kerakyatan. Tiada siapa yang berhak berdasarkan kedudukannya yang lalu...”⁵⁸

Walaubagaimanapun, pihak Inggeris tetap berwaspada tentang kemungkinan terdapat Raja Melayu yang tidak bersetuju untuk menurunkan tandatangan, sudah tentu rencana Malayan Union akan gagal. Atas sebab ini, pihak Inggeris telah memilih tokoh strategiknya Sir Harold MacMichael untuk melaksanakan misi penting ini berdasarkan pengalamannya sebagai Gabenor Inggeris di Palestin.

Sebagai persediaan menghadapi pelbagai reaksi Raja-raja Melayu, MacMichael berusaha ‘membaca’ keadaan Tanah Melayu dan memahami bahawa Raja-raja Melayu mengambil kira martabat serta prestij wakil Inggeris yang akan mengadap baginda sekalian. Atas hal ini, MacMichael telah meminta pihak Inggeris membekalkannya perkara-perkara yang sesuai bagi menjaga martabatnya sebagai wakil Raja Inggeris; antaranya melantiknya sebagai ahli *Majlis Privy* (Majlis Di Raja), membolehkannya menggunakan gelaran “*Right Honorable*”, perjalanannya haruslah menggunakan kapal perang di-Raja yang besar, ketibaannya perlulah disambut dengan majlis yang gilang gemilang, pendaratannya haruslah di Pelabuhan Swettenham (Pelabuhan Kelang) bukannya di Negeri-negeri Selat, dia harus menginap di *King House* (Carcosa Seri Negara) dan kenderaannya harus limosin dan bukan kenderaan tentera⁵⁹.

Laporan mengenai keadaan semasa Raja-raja Melayu yang baru diperolehi juga telah diberikan kepada MacMichael, yang menyatakan bahawa Raja-raja Melayu akan bekerjasama dengan kerajaan Inggeris⁶⁰. Laporan ini juga

58 SP18/8B/16 (Arkib Negara Malaysia).

59 Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 109

60 Ibid

mempunyai senjata yang mustajab bagi pihak Inggeris, iaitu mana-mana Raja Melayu yang enggan bekerjasama akan diturunkan dari takhta. Manakala senarai nama pengganti yang layak menggantikan mana-mana raja yang diturunkan juga telah disediakan⁶¹.

Harold MacMichael Melaksanakan Misinya

MacMichael memulakan lawatan tugasnya dengan mengadap Sultan Ibrahim di Johor pada 18 Oktober 1945. Johor dipandang sebagai negeri Melayu yang paling berpengaruh. Baginda hanya diberi masa satu malam sahaja untuk membaca dokumen tersebut, baginda bersangka baik pada pihak British akan menjaga kepentingan sah orang Melayu⁶² dan menurunkan tandatangannya pada 20 Oktober 1945 tanpa mendapatkan pertimbangan Majlis Menteri atau badan perundangan Johor. MacMichael gembira dengan perkara ini dan berpendapat, tidak sukar untuk pihak British mendapatkan persetujuan dari Raja-raja Melayu yang lain.⁶³ Raja-raja Melayu diberi amaran bahawa perjanjian ini adalah rahsia.⁶⁴

Selepas itu MacMichael mengadap Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah. Beliau berkata kepada Sultan, "*Sultan Johor sudah menandatangani dan menyerahkan kuasanya pada Raja Inggeris*", tambah beliau, "... tandatangan sahaja dan jangan degil...", jawab baginda, "... Beta ingin melindungi hak-hak yang sah bagi rakyat beta...". Dalam tempoh dua hari MacMichael menunggu, Sultan Hishamuddin terus diugut untuk menurunkan tandatangan baginda. Baginda tetap membantah bahawa Britain tidak boleh sama sekali menerima kebanjiran pendatang asing sebagai rakyat, jikalau berlaku sekalipun, imigran ini mesti mempunyai kaitan bangsa dan agama yang rapat dengan orang-orang Melayu. sedangkan orang-orang China tidak termasuk dalam golongan tersebut. Akhirnya pada 24 Oktober 1945 baginda terpaksa menurunkan tandatangannya.⁶⁵ Di Pahang, MacMichael juga mengambil masa dua hari

61 Dr Ahmad Kamal Ariffin, *Malayan Union dan Persekutuan 1948*

62 Harold MacMichael, *Report on Mission to Malaya*, Malayan Union Government Press, 1946

63 Ibid

64 Ibid

65 Ibid

untuk mendapatkan tandatangan Sultan Abu Bakar, iaitu pada 2 November 1945.

Kedatangan MacMichael ke Negeri Sembilan untuk misi yang sama telah mendapat tentangan hebat dari Yang di-Pertuan Besar, Tunku Abdul Rahman. Sebagai seorang peguam, baginda faham akan implikasi perjanjian ini yang bakal menjejaskan kedudukannya sebagai Yang di-Pertuan Besar dan rakyat Melayu secara keseluruhannya. Baginda merasa bahawa ia menyentuh isu sensitif yang akan menjejaskan maruahnya sebagai pemerintah di Negeri Sembilan. Baginda menuntut untuk pergi ke London bagi meminda sendiri terma perjanjian tersebut di hadapan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan⁶⁶.

Pengapit baginda, iaitu empat Dato Undang iaitu Undang Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau menentang dengan kerasnya taktik yang digunakan bagi memaksa Yang di-Pertuan Besar menandatangani perjanjian ini. Dato Jelebu berpendapat, “... *Malayan Union merupakan suatu perkara yang sudah jadi dan sungguhpun ditentang, ia berkata dalam keadaan seperti ini, tidaklah ada bezanya samada ia menurunkan tandatangan atau tidak...*” Namun demikian, MacMichael terus menekan sehingga Tunku Abdul Rahman akhirnya terpaksa menurunkan tandatangan pada 14 November 1945.⁶⁷

Setelah berjaya di Negeri Sembilan, seterusnya MacMichael mengadap Sultan Abdul Aziz, Sultan Perak pada 20 November 1945. MacMichael berpendapat dari laporan yang berada ditangannya, Sultan Abdul Aziz merupakan seorang raja yang bijak dan tegas, bukan mudah untuk meyakinkan baginda, dan sangkaan MacMichael adalah tepat. Sultan Abdul Aziz bertitah, “... *pemberian hak kewarganegaraan yang samarata akan mengakibatkan kepupusan bangsa Melayu, kerana mereka akan ditenggelamkan oleh kaum pendatang asing.*”⁶⁸

Tambah baginda lagi, orang India dan Cina yang mendapat hak kerakyatan di dalam Malayan Union ini adalah merupakan sesuatu yang tidak ternilai.

66 Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence, 1930-1957*, hlm. 63.

67 Harold MacMichael, *Report on Mission to Malaya*, Malayan Union Government Press, 1946
68 CO 537/1542

Ini kerana mereka akan mendapat apa-apa keistimewaan rakyat tempatan tetapi tidak perlu mengubah hatinya terhadap kesetiaan pada negara asal mereka. Sultan Perak melahirkan rasa tidak puas hatinya tentang hal ini dan berharap agar pihak British menimbangkan hal ini dengan semasak-masaknya. Di samping itu baginda juga menuntut kedatangan penghijrah disekat sehinggalah orang Melayu mencapai 75% dari jumlah penduduk Tanah Melayu⁶⁹.

Sultan Abdul Aziz meminta diberi lebih masa untuk berbincang dengan para pembesar Perak mengenai perjanjian ini. Beberapa pembesar tidak bersetuju dengan terma perjanjian tersebut sedangkan yang lain menyerahkannya kepada kebijaksanaan Sultan. Dalam keadaan yang mendesak dan menekan, Sultan akhirnya terpaksa berkenan pada perjanjian tersebut pada 22 November 1945, bagaimanapun baginda menyertakan sekali nota bantahan⁷⁰ pada perjanjian tersebut bersama tandatangannya.

Selepas Perak, MacMichael mengadap Sultan Badlishah di Kedah pada 29 November 1945. Sultan Badlishah tidak mahu menandatangani perjanjian Malayan Union dan membangkitkan Fasal 3, Perjanjian Kerajaan Kedah dengan Kerajaan Inggeris yang berbunyi, "*Yang Maha Mulia Raja Inggeris tidak akan memindahkan haknya menaungi Kedah dan jajahannya kepada negeri lain atau Negeri-negeri Selat tanpa persetujuan bertulis Baginda Sultan yang memerintah.*"⁷¹

Sultan dan MacMichael bertikam lidah. MacMichael menyatakan Kedah harus menurut telunjuk Inggeris: "... adalah nasib baik kerajaan Baginda King tidak memutuskan bahawa dizaman pemerintahan demokratik ini, kesultanan sudah ketinggalan zaman ...". Sultan membidas kenyataan tersebut dan menyatakan pada hemat baginda, ini suatu tipu muslihat Inggeris untuk menukarkan taraf Negeri-negeri Melayu dari sebuah negeri naungan kepada tanah jajahan Inggeris. Baginda menambah, ini juga usaha kuasa Inggeris untuk

69 Ibid

70 Harold MacMichael, Report on Mission to Malaya, Malayan Union Government Press, 1946

71 Ibid

memanjangkan lagi tempoh penjajahan mereka di Tanah Melayu sambil bertitah, “... *kaedah yang digunakan oleh kerajaan Inggeris seakan-akan sama dengan kaedah menggertak yang digunakan oleh kerajaan Jepun.*”⁷² MacMichael membalas, “*Sultan Johor sudah menandatangani...!*”, lalu ditempelak kembali oleh Sultan Badlishah yang mengagetkan MacMichael, “...*tidak semestinya Kedah akan mengikuti Johor...!*”⁷³

Apabila Sultan bermesyuarat dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, mereka sebulat suara menyatakan bantahan mereka terhadap Perjanjian Malayan Union selepas perbincangan tiga hari, dengan menggunakan pelbagai helah dan kepintaran supaya Sultan tidak menurunkan tandatangannya. Bagaimanapun setelah diugut dengan keras oleh MacMichael, wakil Majlis Mesyuarat Negeri mencadangkan Sultan menurunkan tandatangan baginda kerana tidak ada jalan lain lagi⁷⁴. Pada 2 Disember 1945, MacMichael mengingatkan, “... *kedudukan baginda sebagai Sultan adalah bergantung pada kesanggupan baginda menandatangani perjanjian ini...*”. Jika tidak ugut McMichael, baginda akan digantikan, dan baginda menyatakan perkara ini sebagai, “...*instrumen penyerahan diri.*” Dengan berat hati baginda menandatangani perjanjian itu seraya bertitah, “... *inilah saat yang paling pahit dan paling pedih dalam hidup Beta.*”⁷⁵

Seterusnya, Sultan Badlishah telah menyuarakan rasa tidak puas terhadap cara tandatangan baginda diperolehi dan bagaimana protesnya terhadap perjanjian ini diketepikan, Dia (MacMichael) bertanya beta samada beta faham implikasi penuh kalimat “*duress (paksaan)*” yang digunakan pada kawat beta kepada Setiausaha Tanah Jajahan (S of S); dia memberitahu maksudnya menggunakan kekerasan. Beta memberitahu, itulah maksud beta. Dia memberitahu ganas sangat bunyinya. Beta memberitahu, ia hanyalah menggambarkan sikap tingkahlaku Wakil Khas Kerajaan Inggeris.

72 Dr Ahmad Kamal Ariffin, *Malayan Union dan Persekutuan 1948*

73 A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 57

74 *Ibid*

75 *Ibid*

Dia memberitahu kawat tersebut haruslah mengikut saluran yang betul. Beta bertanya kepadanya, adakah mana-mana Fasal yang menghalang beta berhubung terus dengan Setiausaha Tanah Jajahan. Dia memberitahu beta cara ini lebih sopan. Beta memberitahunya beta sudah menghantar laporan beta bagi rujukannya. Dia memberitahu bahawa beta telah membatalkan tandatangan beta. Beta menjawab, bahawa tandatangan beta didapati bukan dengan suka hati beta tetapi melalui paksaan dan telah beta protes sebelum menandatangani; mungkin perkara itu tidak dinyatakan pada Setiausaha Tanah Jajahan. Dia memberitahu jikalau beta ada bangkangan terhadap perjanjian tersebut, beta patut menyuarakannya masa itu dan tidak sepatutnya menandatangani. Mengapa tunggu dua bulan, tanya beliau?

Beta menjawab, jika Kerajaan British tidak mengiktiraf beta sebagai Sultan, maka bangkangan beta tiada nilai kerana Kerajaan British tidak mahu berurusan dengan beta lagi. Dan jika orang lain yang diangkat Inggeris sebagai Sultan, (sudah tentu) baginda (sultan lantikan Inggeris) bersyukur dengan tuah badan, mungkin tidak akan berusaha untuk Negeri. Beta menunggu kerana beta percaya Wakil Khas Kerajaan Inggeris bergerak dibawah Setiausaha Tanah Jajahan dan beta mengetahui beliau tidak berhak untuk bertindak tanpa adab!!! Dia bertanya beta, apakah yang beta harapkan dari tindakan Setiausaha Tanah Jajahan. Beta memberitahu bahawa beta mahukan Setiausaha Tanah Jajahan mengetahui keadaan sebenar.⁷⁶

Setelah menghadapi tentangan Sultan Kedah dan tetap berhasil memperolehi tandatangan baginda melalui ugutan, MacMichael meneruskan misinya ke Perlis untuk mengadap Raja Perlis, Tunku Syed Putra Jamalullail. Raja Perlis tidak mahu menandatangani perjanjian itu, baginda tidak mahu menyerahkan kedaulatannya pada kerajaan Inggeris. Pada hemat baginda bersalahan dengan Perjanjian Inggeris-Perlis yang dimeterai pada tahun 1930. Baginda disokong oleh pembesar-pembesar Perlis yang membantah akan tekanan MacMichael. Akhirnya MacMichael menggunakan cara yang sama, dengan mengugut

76 S10 Arkib Negara Kuala Lumpur: Stray letters relating Malayan Union Sultan Badlishah's letters, hlm 4-12

untuk menurunkan baginda dari takhta dan menggantikan dengan raja lain yang sanggup menandatangani. Dengan berat hati, baginda juga terpaksa menurunkan tandatangannya pada 4 Disember 1945.⁷⁷ Setelah demikian, Raja Perlis juga menghantar kawat bantahan kepada Pejabat Jajahan di London mengenai perlakuan MacMichael.⁷⁸

Destinasi seterusnya ialah ke Kelantan pada 15 Disember 1945. Negeri ini diperintah oleh Sultan Ibrahim. Sebagaimana di negeri lain, terdapat bantahan dari baginda mengenai perjanjian yang begitu berat sebelah kepada baginda dan rakyat Kelantan. MacMichael menggunakan senjata ampuhnya yang sama, iaitu untuk menggunakan kuasa yang diberi oleh kerajaan Baginda King untuk tidak mengiktiraf mana-mana Raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan. Baginda terpaksa mengalah dan menandatangani Perjanjian Malayan Union pada 17 Disember 1945.⁷⁹

Negeri terakhir yang dikunjungi dalam tugas MacMichael ini ialah Terengganu. Beliau mengadap Sultan Ismail. Baginda Sultan agak keberatan untuk menandatangani perjanjian tersebut kerana baginda sedar bahawa tindakan itu bercanggah dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Trengganu.⁸⁰ Fasal XIV Undang-Undang Tubuh Negeri Trengganu menjelaskan bahawa, *“Maka tiada lulus dan sah tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau haknya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya. Maka jika Raja cuba-cuba lalui larangan dan tegahan itu nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya. Dan diangkat gantinya pula.”*

77 Yazid Mat, Hazman Hassan, “Menjelang 200 Tahun Kerajaan Perlis Di Bawah Tujuh Orang Raja, Institusi Raja Perlis Antara Kesenambungan dan Perubahan”, Prosiding Seminar Institusi Raja: Seminar Raja dan Kerajaan Perlis, 2014, UniMaP

78 Ibid

79 Dr Ahmad Kamal Ariffin, *Malayan Union dan Persekutuan 1948*

80 A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 57

Akhirnya Ketua Menteri Terengganu, menyatakan persoalan sebenarnya adakah kerajaan British boleh dipercayai? Pada pendapat beliau Fasal itu ialah untuk kes seperti perlepasan Singapura dan tidak ada kena mengena dengan persoalan sekarang. MacMichael pula terus mengumpam, "... *Kerajaan Maha Mulia King tidak mengiktiraf Undang-Undang Tubuh Negeri...*"⁸¹ Akhirnya, Sultan Ismail juga turut menandatangani perjanjian pada 21 Disember 1945.

Kesemua Raja-raja Melayu merasa gusar dengan pemberian hak kerakyatan, antaranya mengemukakan alasan pemberian kerakyatan ini akan menyebabkan Tanah Melayu dibanjiri oleh orang asing khasnya orang Cina.⁸² Setelah selesai tugasnya mendapatkan tandatangan sembilan Raja-raja Melayu, Sir Harold McMichael pulang ke England pada 6 Januari 1946. Walaupun nampak singkat, realitinya tidak mudah untuk MacMichael menyelesaikan tugasnya. Bagaimanapun reaksi yang timbul selepas selesai misi ini memeranjatkan semua pihak, hatta pegawai veteran Pejabat Tanah Jajahan di England.

Kertas Putih Malayan Union

Walaupun hakikatnya kebanyakan raja Melayu tidak bersetuju dengan cadangan pembentukan Malayan Union, namun Pentadbiran Tentera British (BMA) telah bersiap sedia untuk menggunakan pendekatan 'menggugut', khususnya mendakwa mana-mana raja Melayu yang enggan menandatangani Perjanjian MacMichael ini dengan tuduhan berkerjasama dengan pihak Tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan akan diturunkan takhta, serta digantikan dengan bangsawan lain yang mereka dakwa akan memberikan sepenuh kerjasama dengan menurunkan tandatangan pada perjanjian MacMichael.

Harold MacMichael tidak mengambil masa yang lama untuk mendapatkan tandatangan kesemua pemerintah Tanah Melayu hasil daripada kaedah ugutan yang amat bersesuaian dengan keadaan ketenteraan masa itu. Beliau

81 Harold MacMichael, Report on Mission to Malaya, Malayan Union Government Press, 1946

82 CO 537/1542

berjaya mendapatkan satu persatu ‘persetujuan’ Raja-raja Melayu ke atas cadangan Malayan Union dalam masa yang agak singkat, bermula dari 20 Oktober 1945 sehingga 21 Disember 1945.

Apatah lagi dengan mengambil kira faktor emosi dan sentimen semasa di tanahair yang baru sahaja selesai berperang beserta desakan kesuntukan masa yang tidak memungkinan Raja-raja Melayu berbincang dan menghalusi lebih lanjut dengan para pembesar tradisional tentang gagasan Malayan Union. Sesetengah raja Melayu pula berbaik sangka meletakkan sepenuh kepercayaan pada kuasa British untuk tidak mengkhianati mereka dalam soal maruah dan kedaulatan Raja-raja Melayu kerana selama inipun British menunjukkan sikap bersahabat dengan negeri-negeri Melayu. Malangnya, kuasa British telah membuat onar dengan melupakan semua perjanjian-perjanjian terdahulu yang mengakui hak kedaulatan baginda sekalian.

Setelah menerima perjanjian-perjanjian itu, pihak British menerbitkan Kertas Putih pada akhir bulan Januari 1946 yang mendedahkan rancangan Malayan Union. Cadangan yang dikemukakan adalah berkenaan kesatuan semua negeri-negeri Melayu (Bersekutu dan Tidak Bersekutu) beserta Penang dan Melaka yang akan diletakkan di bawah satu kerajaan pusat yang dikenali sebagai Malayan Union. Singapura tidak dimasukkan dalam gagasan ini atas alasan ekonomi, struktur kaum dan kepentingan strategik bagi kerajaan British dan akan kekal sebagai negeri jajahannya. Wilayah-wilayah Borneo juga dimasukkan dalam rancangan asal tetapi kemasukan itu kemudian dikeluarkan daripada cadangan terakhir kerana ketidaksediaan pihak kerajaan Borneo yang pada masa itu berkeadaan kurang stabil.

Kertas putih Malayan Union telah diluluskan oleh House of Lords, Westminster dan disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu pada tanggal 24 Januari 1946. Wan Ahmad Fauzi (2018) membahaskan kedudukan Perjanjian MacMichael 1945 di sisi undang-undang dengan panjang lebar. Menurut beliau, meskipun banyak sarjana mendakwa Perjanjian MacMichael 1945 satu bukti penjajahan Tanah Melayu, pernyataan itu hanyalah persepsi yang dipengaruhi oleh kerangka pemikiran Westminster, sebaliknya dalam Perjanjian tersebut kedaulatan

Raja-Raja diakui serta dijelaskan matlamatnya yang sebenar. Perjanjian MacMachael 1945 bertujuan untuk mendapatkan sumber kuasa daripada Raja-raja Melayu bagi membolehkan perkembangan perlembagaan berlaku, bukannya pelucutan kuasa raja secara kekal. Tidak dapat disangkal bahawa skim yang ingin diperkenalkan oleh British seperti termaktub dalam *Malayan Order in Council* 1948 disanggah, Perjanjian itu akhirnya juga dibatalkan.

BAB 4 REALITI PERIBUMI MELAYU

Proses pembentukan Malayan Union dari peringkat konseptual sehingga pengambilan tandatangan Raja-raja Melayu dibuat tanpa mengambil kira input dan respon daripada golongan mereka, walhal yang menjadi barang pertaruhan adalah hakikatnya kedaulatan bangsa, agama, watan dan semua institusi-institusi tradisional Melayu yang telah berakar umbi semenjak beratus-ratus tahun lamanya.

Bermakna yang menjadi agihan, pertaruhan tawar-menawar politik British dengan kaum imigran adalah semata-mata nasib dan masa hadapan orang-orang Melayu di tanah tumpah darah mereka, sedangkan kaum imigran bukan sahaja tidak perlu mempertaruhkan apa-apa, malahan belum pernah membuktikan kesetiaan kepada Raja-raja Melayu dan Tanah Melayu, rata-rata kesetiaan mereka masih kepada negara asal.

Atas nama kerjasama dengan kuasa British dalam menghadapi peperangan dengan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1942 sehingga 1945 Masihi, iaitu tempuh yang bukan pun lama, adalah ciri 'kelayakan' yang dianggap cukup oleh kerajaan British untuk menghadiahkan kaum imigran dengan taraf kesamarataan dengan penduduk peribumi asal iaitu orang-orang Melayu. Tuntutan kaum imigran bolehlah dikatakan melampau kerana mahukan taraf kewarganegaraan umum tanpa perlu berpisah dengan bahasa dan budaya ibunda, tanpa perlu berasimilasi dengan orang-orang Melayu sebagai 'bangsa

teras', tanpa perlu membuktikan kesetiaan kepada raja Melayu, namun tetap mendapat layanan istimewa dari kerajaan British tanpa menghiraukan sensitiviti orang-orang Melayu dan Raja-raja Melayu.

Sedangkan kedudukan dan hak istimewa orang-orang Melayu sebagai bangsa peribumi seharusnya bukan sesuatu yang perlu diperdebat, dipertikai dan dipersoalkan lagi kerana itu adalah hakikat sebenar. Umpama status orang British di United Kingdom, orang Jepun di negeri Jepun, orang Thailand di negeri Thailand, orang Russia di negeri Russia, orang Afrika di benua Afrika, orang China di negeri China, orang India di negeri India dan banyak lagi.

Semua mereka mempunyai kedudukan dan hak istimewa sebagai penduduk asal dan bangsa teras yang membuka negara, mencorakkan tamadun, menegakkan institusi-institusi negara, mengembangkan sosio-budaya, memakmurkan ekonomi, mencorak pendidikan masyarakat, berkhidmat kepada pemerintah, serta mempertahankan kedaulatan negara.

Setiap bangsa mempunyai keunikan yang tersendiri. Umpama unit-unit keluarga bangsa dalam masyarakat dunia yang mempunyai identiti, fitrah, citarasa dan adat kelaziman yang berbeza. Begitulah perumpamaan suatu bangsa itu yang mana perkembangan ahli-ahli 'keluarga' bangsa adalah dibentuk dan disuburi oleh unsur-unsur yang banyak dikongsi bersama secara turun-temurun seperti ciri genetik, kedaerahan, sejarah, latarbelakang, adat-resam, bahasa, hubungan dan kejiwaan bangsa serta falsafah, nilai, kepercayaan dan agama yang membentuk, mencorak, mewarnai dan meletakkan halatujunya. Perkara-perkara inilah yang mengideantikkan seseorang manusia itu kepada bangsanya.

Maka jadilah setiap bangsa itu seperti unit-unit keluarga yang berasingan, setiap satunya berciri dan beridentiti khusus, mempunyai persamaan dari sudut latarbelakang sejarah, pengamalan dan pengalaman tanahair yang dikongsi bersama, mempunyai perspektif dan persepsi yang serupa, mencetuskan semangat ketaatan dan setiakawan utuh sehingga gagasan, wawasan dan harapan setiap bangsa-bangsa ini memberikan makna yang besar kepada kewujudan, kehidupan dan kejiwaan setiap ahli atau rakyatnya.

Apakah harga yang perlu dibayar untuk menjadi ahli kepada suatu keluarga bangsa? Apakah bentuk khidmat serta pengorbanan yang perlu dilakukan bagi mendapatkan taraf keahlian/kewarganegaraan satu negeri yang berlainan bangsa? Apakah tuntutan hak persamaan orang-orang luar yang asing daripada kelompok bangsa peribumi yang belum pernahpun terbukti kejujuran dan kesetiaan mereka kepada watan layak mendapatkan keahlian keluarga bangsa?

Orang-orang Melayu bukanlah bangsa yang bersifat '*asabiyyah*'.⁸³ Buktinya takrifan bangsa Melayu itu sendiri telah melalui proses evolusi peradaban yang panjang, yang mana jikalau suatu masa dahulu, ianya bersifat etnik dalam wilayah- wilayah tertentu di Nusantara, namun belakangan menjadi ciri 'mana-mana kaum etnik dari rumpun Nusantara yang beragama Islam, berbahasa dan beradat-istiadat Melayu', sehingga terbitlah istilah Melayu-Pattani, Melayu-Brunei, Melayu-Acheh, Melayu-Mindanao, Melayu-Palembang, Melayu-Minang, Melayu-Bugis dan banyak lagi.

Malahan pada hari ini secara realitinya, ciri etnik rumpun Nusantara sendiri telah dihilangkan dari identiti Melayu, sehingga yang tinggal hanyalah ciri 'beragama Islam, berbahasa dan beradat-istiadat Melayu' sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan negara Malaysia sehingga jikalau seorang India atau China yang mengambil ciri-ciri tersebut adalah dianggap sebagai orang-orang Melayu, atau '*masuk Melayu*' dari sudut perundangan.

Begitulah fleksibelnya orang-orang Melayu yang merelakan orang-orang asing masuk menjadi ahli keluarga bangsa dengan syarat-syarat yang minimal sedangkan faktor etnik tidak lagi diambil kira. Walaupun hakikatnya semenjak beratus-ratus tahun dahulu nenek-moyang orang-orang Melayulah yang bersambung-sambung membuka tanah di bumi bertuah ini, menabur airmata, keringat dan darah untuk membangunkan

83 Sifat '*asabiyyah*' adalah sikap mencintai kaum dengan melampau, sehingga sanggup membiar dan merelakan kezaliman yang dilakukan oleh kaumnya, sekaligus menghina dan mencemuh kaum-kaum lain. Sikap ini bukan dari ajaran Islam kerana ia boleh menimbulkan permusuhan dan pecah-belah yang memudaratkan..

perkampungan-perkampungan Melayu sehingga tumbuh membesar menjadi negeri-negeri Tanah Melayu, memakmurkan ketamadunan dan peradaban Melayu Islam, menumpahkan kesetiaan dan khidmat kepada raja, agama dan watan, menentang pencerobohan dan campurtangan kuasa-kuasa asing seperti Portugis, Siam, Belanda, hatta British, bersama-sama meredah pengalaman suka- duka sebagai satu bangsa yang berjatidiri dan beridentiti sama, berpayung di bawah Institusi Raja-raja Melayu.

Itulah hakikat sejarah perkembangan Tanah Melayu yang menerbitkan daulah-daulah Islamiyyah, iaitu kesultanan-kesultanan tradisional Melayu yang beridentiti unik mengikut ukuran fitrah dan kejiwaan bangsa Melayu. Dengan bimbingan alim-ulama yang muktabar lagikan mursyid, serta dokongan para pembesar Melayu tradisional, Raja-raja Melayu berperanan sebagai pemegang amanah kedaulatan watan.

Sekurang-kurangnya dalam kerajaan-kerajaan Tanah Melayu sebelum era campurtangan British, kaum imigran yang datang di zaman-zaman awal rela berasimilasi dengan penduduk peribumi Melayu, pandai mengambil hati mereka dengan bahasa Melayu, tidak kekok untuk bercampur gaul dengan masyarakat Melayu, walaupun mereka tidak menganuti Islam. Di kalangan mereka ada yang selesa membina kehidupan di tengah-tengah perkampungan Melayu ataupun diberi petempatan sendiri dan bercampur gaul dengan orang-orang Melayu yang menghormati adat resam mereka, contohnya orang-orang Siam, Portugis dan kaum Baba-Nyonya.⁸⁴

Apakah secara cuma-cuma bangsa Melayu perlu memberikan tiket kerakyatan tanah air dan hak persamaan taraf kepada mana-mana bangsa asing yang datang beramai-ramai menghampiri jumlah rakyat peribumi, dengan perbezaan identiti, kepercayaan dan adat budaya umpama langit dan bumi, malahan enggan tunduk pada pertuanan Raja-raja Melayu dan tidak menghormati kaum peribumi? Bukankah hal ini merupakan suatu bentuk ancaman?

84 Kaum Portugis (serani) dan Baba Nyonya yang dimaksudkan di sini adalah keturunan daripada bangsa bukan Melayu yang datang beberapa kurun lebih awal khususnya di Negeri-negeri Selat, berkahwin dengan orang-orang tempatan dan melahirkan ramai zuriat.

Raja Melayu mana yang sanggup mengambil golongan seperti ini menjadi rakyat baginda? Tidak cukupkah dengan jaminan keselamatan, dibiarkan bebas berekonomi, malahan tidak dituntut untuk berasimilasi dengan rakyat peribumi, mengapa kini bersikap melampau menuntut daripada kuasa British untuk mendapatkan hak politik dan kesamarataan dengan orang-orang Melayu! Malahan lebih biadap apabila menyokong supaya kedaulatan Raja-raja Melayu dilupakan terus dan diserahkan kuasa kepada pihak British!!

Bagaimana pula dengan unsur kemunculan kongsi-kongsi gelap yang tumbuh bagai cendawan lepas hujan di negeri-negeri Melayu selari dengan kemunculan kaum imigran Cina, yang mana hal ini diakui sendiri oleh para pentadbir British sehingga menjadi sebab dasar pro-Melayu oleh pihak mereka sebelum Perang Dunia Kedua? Atau tentang kewujudan gerakan komunis yang mengancam situasi politik Tanah Melayu? Atau tentang ketidakadilan dasar British sehingga berlaku ketidak seimbangan taraf ekonomi orang-orang Melayu dengan kaum imigran yang jauh berbeza, walhal yang dikerjakan adalah hasil bumi negeri- negeri Melayu? Atau dasar British yang membawa masuk kaum imigran dengan jumlah yang begitu ramai sehingga mengancam monopoli kependudukan orang- orang Melayu, walhal dasar awal British dalam membawa mereka masuk ke Tanah Melayu adalah bersifat sementara, dan akan mengembalikan ke negeri-negeri asal (umpama dasar kerajaan Malaysia yang membawa masuk pekerja asing ke negeri ini dengan kontrak sementara).

Apakah hal-hal ini telah diambil kira dalam pertimbangan kuasa British untuk memberikan hak politik, kerakyatan dan persamaan taraf peribumi kepada kaum imigran? Keizinan siapakah yang sebenarnya perlu diminta bagi mendapatkan hak- hak tersebut, kuasa British yang hakikatnya terhad kepada triti-triti yang dibuat dengan Raja-raja Melayu, ataupun Raja-raja Melayu sebagai tuan asal dan sebenar yang berdaulat mengikut pentakrifan undang-undang antarabangsa, terutamanya dalam hal-ehwal pentadbiran dalam negeri?

Kepada siapa sebenarnya khidmat yang telah dicurahkan oleh golongan imigran ini? Kepada Raja-raja Melayu atau semata-mata kuasa British??

Hakikatnya, jikalau sekadar membantu kuasa British yang mengeksploitasi sumber-sumber alam di Tanah Melayu demi kepentingan golongan kapitalis barat, kemudian bersekutu pula dengan pihak British menentang penjajahan Jepun selama tiga tahun, lalu dijadikan justifikasi untuk mendapatkan hak politik dan persamaan taraf dengan masyarakat peribumi, apakah terlalu murah harga yang perlu dibayar untuk masuk menjadi ahli keluarga bangsa Melayu?

Itulah sebabnya sepanjang proses perencanaan *Malayan Union*, orang-orang Melayu, Raja-raja Melayu dan pemuka-pemuka Melayu telah tidak dilibatkan sama, input dan respon mereka langsung tidak diambil kira, segala penggubalan dasar dibuat secara senyap, rahsia dan *low profile*. Yang diselidiki dan dihalusi hanyalah pendapat-pendapat pentadbir-pentadbir British di Tanah Melayu, orang-orang politik di Westminster, laporan-laporan media British dan Singapura (yang bersikap berat sebelah dan prejudis kepada orang-orang Melayu), kaum China dan India, malahan kerajaan China. Kuasa British berbuat demikian tidak lain melainkan sedar bahawa rancangan mereka untuk menubuhkan *Malayan Union* merupakan bentuk provokasi melampau yang boleh mencetuskan penentangan hebat daripada golongan ini.

Oleh itu agenda British adalah untuk memaksakan rancangan mereka, bak kata orang Inggeris, '*just bulldoze and ram through*', sebagaimana yang pernah dilakukan pada banyak perjanjian yang dimeterai dengan Raja-raja Melayu sebelum ini, dibuat melalui kaedah manipulasi, tekanan, ugutan, malahan '*fire-power*' kerana kerajaan Inggeris pernah menjadi kuasa imperialis yang hebat suatu masa dahulu, dihormati, dimuliakan malahan digeruni.

Dan keyakinan inilah yang dipegang oleh kuasa British dalam membentuk gagasan *Malayan Union*. Bagi mereka, agenda *Malayan Union* perlu dilaksanakan tanpa perlu 'memandang kiri-kanan lagi', dan apa jua penentangan yang bakal timbul akan mampu diamankan, umpama gigitan semut yang tidak akan memberi banyak bekas. Alangkah jauh melesetnya jangkaan British.....

BAB 5

RAJA & RAKYAT MEMPROTES MALAYAN UNION

Konsep dan gagasan bangsa Malayan bersatu sebagai teras *Malayan Union* yang dicetuskan oleh sebahagian para pentadbir British dan disokong penuh oleh masyarakat imigran adalah sebenarnya konsep politik yang *artifisial* kerana ia tidak dikaitkan dengan falsafah, prinsip dan dasar mana-mana kaum peribumi asal yang bermastautin di Tanah Melayu. Paling menjolok adalah tiada sebarang rundingan dibuat dengan kerajaan-kerajaan Melayu sebagai tonggak pelindung bangsa, agama dan watan Tanah Melayu!

Bagaimanapun perkara ini tidak diendahkan oleh kerajaan British yang pernah digeruni sebagai kuasa imperialis dunia yang hebat suatu masa dahulu. Kemunculan kaum imigran yang datang secara beramai-ramai mulai akhir abad ke 19 Masihi natijah daripada dasar British yang mengutamakan kepentingan golongan kapitalis dan perkembangan ekonomi yang pesat telah kemudiannya tidak dihantar kembali ke negeri-negeri asal mereka. Malahan bilangan mereka yang ramai dan sikap mereka yang pro-British dalam masa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah dijadikan hujah kuat untuk menghadiahkan mereka dengan pemberian hak yang sama seperti orang-orang Melayu sebagai penduduk asal di sini termasuk hak kewarganegaraan umum.

Kuasa British bukan sahaja tidak meminta pandangan Raja-raja Melayu, golongan pembesar tradisional serta orang-orang Melayu, malahan membuat

persediaan demi persediaan secara senyap. Ini samalah seperti pengalaman perjanjian Inggeris-Belanda yang dibuat di London pada tahun 1824 Masihi yang bukan sahaja tidak diambil kira pandangan-pandangan pemerintah Melayu dan Indonesia Lama, walhal yang diagih-agihkan sebagai kawasan dibawah pengaruh Inggeris-Belanda itu adalah hakikatnya kerajaan-kerajaan di Kepulauan Melayu yang berdaulat belaka, malahan perjanjian tersebut tidak diumumkan kepada pemerintah-pemerintahnya yang sebenar!

Sudah tentu perkara ini terjadi kerana kuasa British telah sedia maklum bahawa tindak-tanduk mereka adalah berlawanan dengan kehendak dan kepentingan pemerintah-pemerintah tradisional tersebut sehingga akan mencetuskan protes dan konflik, pemberontakan, malahan peperangan. Dan seboleh-bolehnya masalah-masalah seperti ini mahu dibenamkan.

Penjitaan kehendak kuasa British dalam membentuk *Malayan Union* telah membawa kepada arahan menyediakan proses-proses perundangan bagi mencapai maksud tersebut. Ini berikutan selama ini hubungan-hubungan yang wujud diantara kuasa British dengan negeri-negeri Melayu hanyalah tertakluk pada triti-triti yang dibuat dengan individu raja sbagai punca kuasa tertinggi sesebuah kerajaan, sehingga membolehkan dasar luar negeri Melayu dikuasai kerajaan British, selain nasihat daripada pegawai British yang perlu diikuti dalam semua perkara kecuali urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu (bagi negeri-negeri bersekutu). Namun begitu, menurut Wan Ahmad Fauzi (2020), British gagal untuk menguatkuasakan nasihat ke atas Raja-raja Melayu, kerana bagi para pembesar Melayu adat Melayu merangkumi sistem politik. Akhirnya British berhasil mendapatkan tandatangan sembilan orang Raja- raja Melayu bagi Perjanjian MacMichael 1945 tetapi *Malayan Union Order in Council* 1946 diluluskan oleh *House of Lords*, Westminster tidak pernah dipersetujui oleh Raja-raja Melayu.

Malayan Union dan Reaksi Pelbagai Pihak

Malayan Union dibentuk secara rasmi pada 1 April 1946 merupakan penggabungan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri- negeri Selat yang tidak termasuk Singapura,

menjadikan 11 negeri semuanya, di bawah satu kerajaan pusat. Ianya mengubah status semua negeri-negeri Melayu dari taraf pernaungan/perlindungan British kepada tanah jajahannya. Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan akan berada di bawah kawalan Pesuruhjaaya Tinggi British, manakala Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England.

Dalam urusan pentadbiran negeri, seorang Residen British akan mengetuai Majlis Negeri. Raja-raja Melayu pula dihadkan kekuasaan masing-masing sebagai anggota Majlis Raja-Raja yang membincangkan aspek agama Islam dan adat-istiadat orang-orang Melayu sahaja.

Buat pertama kalinya undang-undang baru telah diperkenalkan yang memberikan status kewarganegaraan kepada semua orang yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura, disebut sebagai *JUS SOLI*, serta pendatang yang berumur 18 tahun ke atas serta bermastautin selama 10-15 tahun juga layak diberikan kewarganegaraan, manakala yang berumur kurang 18 tahun yang ibubapanya adalah warganegara juga turut mendapat kewarganegaraan. Selain itu syarat kewarganegaraan Malayan Union adalah memperakui kesetiaan kepada Malayan Union dan tidak lagi kepada Raja-raja Melayu sebagaimana adat Melayu.

Bagaimanapun umur Malayan Union tidaklah panjang, sesingkat masa yang diambil untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu secara tergopoh-gapah dan paksaan. Sejurus Kertas Putih Malayan Union diluluskan oleh House of Lords, Westminster dan disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu pada tanggal 24 Januari 1946, ianya terus disambut dengan protes-protes lantang dari segenap lapisan masyarakat Melayu. Malahan protes telahpun bermula sejurus kedatangan Harold MacMichael ke Tanah Melayu!!⁸⁵

Bertentangan dengan jangkaan British, penduduk Melayu yang lazimnya merupakan kaum yang bertoleransi tinggi, mudah bertolak ansur dan amat

85 Pada 15hb Disember 1945, 10 ribu orang berhimpun di Kota Bharu semasa MacMichael datang untuk mendapatkan tandatangan Sultan.

bertimbang rasa, apabila dihadapkan dengan rancangan pembentukan kesatuan bangsa Malayan bersatu dalam gagasan Malayan Union, tiba-tiba menjadi seperti singa lapar yang dikejutkan dari lena tidurnya. Buat pertama kalinya, orang-orang Melayu dari seluruh negeri-negeri di Tanah Melayu seperti golongan bangsawan, para pentadbir, alim-ulama, malahan Raja-raja Melayu telah bersatu hati menentang Malayan Union.

Dalam keadaan ini, akhbar Melayu memainkan peranan yang amat berkesan sebagai sumber berita utama bagi orang Melayu mengenai perkembangan-perkembangan semasa yang berlaku di tanahair. Tambahan pula, selain daripada radio yang terhad penggunaannya, tidak ada media lain yang boleh menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Justeru orang Melayu dengan begitu pantas telah menggembeling tenaga untuk memberi sokongan kepada Raja-raja yang telah diperdaya dan dirampas kuasa.⁸⁶ Akhbar-akhbar Melayu menunjukkan perkara yang bakal menimpa orang Melayu jika Malayan Union menjadi realiti. Akhbar Melayu berjaya menyatupadukan pendapat umum orang Melayu di Negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat untuk menentang dasar tersebut.

Pihak British sudah menjangkakan akan berlakunya protes-protes dari rakyat dan Raja-raja Melayu, tetapi mereka tidak bersedia untuk berhadapan dengan protes besar-besaran yang padu melibatkan semua golongan masyarakat Melayu, rakyat biasa dan bangsawan, pasukan beruniform dan perkhidmatan awam khususnya para guru lelaki dan perempuan, golongan ulama, petani, nelayan di kota dan desa serta persatuan-persatuan Melayu yang berhimpun beramai-ramai di seluruh Tanah Melayu.⁸⁷ Orang-orang Melayu menggunakan pengalaman ‘latihan mereka di kem-kem kepimpinan Jepun’ untuk berorganisasi secara efektif.

Orang Melayu merasa amat terkejut apabila diberitahu bahawa “kebudayaan dan identiti bangsanya” akan luput dengan adanya cadangan kerakyatan yang

86 Zakiah Hanum, 1987. Tercabarnya maruah bangsa: Satu himpunan pemikiran wartawan akhbar Majlis 1945-1948, Petaling Jaya: Penerbitan Lajmeidakh Sdn Bhd.

87 A.J. Stockwell, British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948

sama bagi kesemua kaum di negara ini. Istilah ‘Melayu’ tidak akan digunakan lagi tetapi digantikan dengan ‘*Malayan*’.⁸⁸

Menurut Warta Negara rata-rata Raja-raja Melayu melahirkan rasa tidak puashati dengan cara MacMichael mendapatkan tandatangan baginda sekalian. Sultan Ibrahim dari Kelantan mendedahkan, dalam perjanjian yang ditandatangani, baginda tidak diberi peluang langsung oleh MacMichael untuk menelitinya dan berunding dengan Ahli Majlisnya.⁸⁹

Reaksi Sultan Perak kepada Kertas Putih pula adalah seperti berikut; Baginda berpendapat bahawa kesetiaan sewaktu menjadi warganegara Malayan Union mestilah ditumpukan kepada Raja-raja Melayu sekiranya mereka tinggal di Negeri-negeri Melayu dan pada Baginda King, jika mereka tinggal di Negeri Selat. Sultan Perak juga mahu setiap permohonan yang berdasarkan kerakyatan hendaklah diteliti.⁹⁰ Di Perak rapat umum diadakan yang juga disertai oleh pembesar-pembesar Perak.⁹¹ Manakala Sultan Kelantan pula mencadangkan antara kelayakan mendapatkan hak kerakyatan Malayan Union adalah mengetahui bahasa Melayu sekurang-kurangnya darjah lima sekolah Melayu dan mesti menumpahkan kesetiaan kepada Raja Melayu.⁹²

Pada 14 Disember 1945, kira-kira 30,000 orang Melayu Kelantan berhimpun penuh sesak di Padang Besar Kota Bharu dan mengadakan perarakan bagi menunjukkan bantahan mereka terhadap Malayan Union. Mereka membawa sepanduk-sepanduk kain yang bercogankata “*Semenanjung Tanah Melayu Hak Orang Melayu*”, “*Peliharalah Hak Kami*”, “*Kami Tidak Rela Bangsa-bangsa Lain Diberi Hak dan kemudahan-kemudahan kepunyaan orang-orang Melayu*”, “*Kembalikan hak kami*”, “*Jahanamkan Malayan Union*” dan “*Kerajaan British pecah amanah*”. Seorang wakil pemuda Melayu Kelantan telah berucap, “*Kami pohonkan keadilan Kerajaan British terhadap kaum Melayu dan hendaklah*

88 Ibid

89 Warta Negara, 22 Februari 1946

90 Nor Azlah Sham bt Rambely, “Pembentukan Kerakyatan Malayan Union 1946: Reaksi, Isu Dan Tuntutan Bangsa Melayu”, Universiti Utara Malaysia

91 Warta Negara, 4 April 1946

92 CO 537/1542

*Kerajaan British sentiasa menjaga hak dan maslahat bangsa Melayu. Peliharalah hak-hak kami.”*⁹³

Tunku Abdul Rahman juga mengeluarkan Majalah Watan dengan tujuan menentang Malayan Union. “*Kesatuan Melayu Kedah*” di bawah pimpinan Tuan Haji Hussein Che Dol dan Ayub bin Abdullah mengadakan satu rapat raksasa di Alor Setar untuk menunjukkan tentangan padu orang Melayu menentang Malayan Union. Pada 19 Januari 1946, hampir 50,000 orang sepanjang dua batu berarak mengelilingi bandar Alor Setar dan berkumpul di Padang Court untuk mendengar ucapan Haji Hussein Che Dol dan Senu Abdul Rahman.⁹⁴

*“Adalah mungkin bagi pendatang-pendatang mendapat kerakyatan Malaya selepas lima tahun permastautin tetap di Malayan Union atau Singapura. Rakyat British yang mendapat kerakyatan Malayan Union tidak kehilangan kerakyatan British mereka..”*⁹⁵

Pada 3 Februari 1946, perhimpunan kali kedua diadakan di tempat yang sama selepas terbit Kertas Putih, iaitu pada 22 Januari 1945. Ia menghuraikan rancangan Malayan Union dan kandungan Kertas Putih kepada masyarakat kampung. Mereka menolak secara total akan Malayan Union.⁹⁶ *“Mereka juga mahukan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu yang diasaskan oleh Undang-Undang Tubuh masing-masing.”*⁹⁷ *Barulah menurut mereka, Melayu akan bertambah kuat dan maju.”*

Golongan pemuda Melayu yang di dalam angkatan bersenjata, tentera darat, tentera laut dan polis kelihatan diam tetapi rupa-rupanya, *‘api dalam sekam’*. Beberapa pucuk surat ikrar persediaan mereka untuk menyertai saudara-saudaranya orang Melayu telah disampaikan kepada pengarang akhbar Melayu. Surat-surat itu ada yang bertulis dengan darah.⁹⁸

93 Majlis, 20 Disember 1945, hlm 6

94 Hansard Parlimen Inggeris, “Proposed Union (Representations)”, HC Deb 20 February 1946 vol 419 c259W

95 SP 18/8B/16 Arkib Negara Malaysia

96 Arkib Negara

97 Warta Negara, 21 Jan 1946

98 <https://melakakini.my/akhbar-akhbar-melayu-tentang-malayan-union/>

Apa yang paling menakjubkan adalah suara-suara protes juga kedengaran dari beberapa orang bekas pegawai tadbir British seperti Frank Union, George Maxwell, R.O Winstedt, Cecil Clementi dan Laurence Guillemard yang membidas tindak-tanduk Harold MacMichael kerana menggunakan ugutan untuk memperolehi tandatangan Raja-raja Melayu. Pegawai-pegawai ini bertindak melobi Tanah Melayu di Parlimen serta menulis surat-surat kepada akhbar nasional menuntut Perdana Menteri Britain menghentikan inisiatif menukar status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada tanah jajahan.

Bekas pegawai British yang bernama Cecil Clementi membidas bahawa kehadiran Gabenor Malayan kelak adalah sebagai suatu penaklukan dan melanggar perjanjian dengan Raja-raja Melayu. Clementi juga membantah usul bahawa Gabenor British yang akan mempengerusikan mesyuarat mengenai agama Islam yang sudah tentu akan mendapat tentangan hebat daripada orang-orang Melayu. Beliau juga menegaskan bahawa pelaksanaan kewarganegaraan Malayan Union akan mencetuskan konflik perkauman sepertimana hal yang terjadi di Palestin. Seorang lagi bekas pentadbir British iaitu Haynes pula membantah bahawa gagasan Malayan Union telah tidak dirujuk kepada penduduk peribumi Tanah Melayu dan keinginan mereka tidak pernah diambil kira. Bagaimanapun kerajaan British tetap berdegil dengan pendiriannya dan apa jua bantahan yang diterima daripada bekas pegawai-pegawai pentadbir Tanah Melayu yang dianggap sebagai memegang prinsip pro-Melayu telah tidak diendahkannya.

Pada 28 Februari 1946 Arthur Creech Jones, pegawai pentadbir di pejabat Tanah Jajahan British telah membuat laporan kepada kabinet tentang kewujudan penentangan orang-orang Melayu terhadap gagasan Malayan Union, lalu mengemukakan dua alternatif. Pertama, bahawa keseluruhan dasar bangsa Malayan bersatu diteruskan tanpa sebarang pindaan, iaitu tidak mempedulikan bantahan-bantahan masyarakat Melayu. Alternatif kedua, bahawa cadangan kerakyatan patut ditangguhkan sehingga rundingan dibuat dengan masyarakat Melayu. Bagaimanapun Kabinet British tetap berdegil dengan pendirian mereka dan memilih pilihan pertama iaitu meneruskan

rancangan pembentukan Malayan Union walaupun telah mendapat tentangan hebat daripada orang-orang Melayu.

Bantahan-bantahan orang-orang Melayu terhadap pembentukan Malayan Union semakin menjadi-jadi apabila British tetap menunjukkan sikap keras kepalanya. Selepas pendudukan Jepun yang berjaya menewaskan kekuatan British di Singapura dalam masa yang singkat sahaja, orang-orang Melayu mulai sedar bahawa kuasa tersebut tidaklah sekuat mana yang disangkakan, tambahan pula waktu itu mereka mendapat inspirasi daripada semangat kemerdekaan yang sedang bertiup kencang dari Indonesia.

Kumpulan Tujuh Anak Johor Menegur Sultan

Sejurus Kertas Putih Malayan Union dikeluarkan, mesyuarat Jemaah Menteri Besar Johor⁹⁹ telah diadakan serta merumuskan bahawa perjanjian yang ditandatangani Sultan Ibrahim tidak sah, bercanggah dengan Fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor kerana tidak disertai jemaah menteri baginda. Sehubungan itu, mesyuarat juga berpendapat:

” ... jika sah penyerahan itu tergugurlah dengan sendirinya taraf perajaan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor itu sebagai raja dan pemerintah negeri Johor serta tidaklah wajib lagi rakyat Johor mentaati akan baginda Yang Maha Mulia itu.”¹⁰⁰

Bekas Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu waktu itu, Sir George Maxwell¹⁰¹ yang mendapat berita tentangan rakyat terhadap Malayan Union telah menggalakkan sahabat baiknya, Dato' Onn Jaafar untuk meneruskan perjuangan menentang Malayan Union. Dato' Onn Jaafar merupakan seorang pembesar serta nasionalis Johor yang aktif berjuang dan berkarismatik.¹⁰²

99 Abdullah Zakaria bin Ghazali, “Mencabar Sejarah Malaysia, Kata Yang Tidak Bercakap Dalam Muzium”

100 SP 84/23, “Titik Permulaan Penentangan “Malayan Union”

101 (1920-1926). Beliau berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Mahkamah di Singapura dan Residen Negeri Perak (1919-1921).

102 Beliau merupakan seorang bangsawan Johor dari keturunan Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad@ Tun Seri Lanang. Ayahndanya, Dato' Jaafar bin Haji Muhammad dan dua orang adik-beradiknya, Dato' Abdullah serta Dato' Mustapha pernah menjadi Menteri Besar Johor.

Maxwel juga telah menasihatkan Dato' Onn untuk menghubungi Menteri Besar Johor, Ungku Abdul Aziz bagi mendapatkan nasihat undang-undang daripada peguam di Singapura mengenai keabsahan Perjanjian 1945 yang dikatakan bercanggah dengan Undang- undang Tubuh Kerajaan Johor. Sir George Maxwell juga mengesyorkan Dato' Onn Jaafar membawa kes Perjanjian 1945 di mahkamah London.

Sir George Maxwell berpendapat, jika perjanjian dengan Johor tidak sah¹⁰³, bermakna semua perjanjian dengan negeri Melayu lain turut menjadi tidak sah. Cabaran keabsahan Perjanjian 1945 oleh Persatuan Melayu Johor ini membawa kepada perbincangan dalam kalangan pegawai British di London; antaranya, Robert R.J. Turner, Sir George Maxwell dan Lord Marchwood.¹⁰⁴

Persatuan Melayu Johor juga mempersoalkan keabsahan perjanjian di antara Sultan Ibrahim dengan Sir Harold MacMichael ini, mempertanggungjawabkan tugas bantahan kepada tujuh orang ahlinya, yang dikenali sebagai Kumpulan Tujuh¹⁰⁵. Mereka mengeluarkan dan mengedarkan risalah membantah Sultan Ibrahim Johor menurunkan tandatangan ke atas Perjanjian MacMichael. Mereka juga mengirim surat kepada Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam di Kuala Lumpur mencabar keabsahan Perjanjian MacMichael 1945.¹⁰⁶

Pejabat Hal Ehwal Awam pula memanjangkan surat Kumpulan Tujuh, resolusi dan memorandum mereka kepada Pejabat Kolonial London pada 4 Mac 1946. Bantahan ini juga dikemukakan kepada Sultan Johor yang ketika itu berada di Grosvenor Park Lane, London. Bantahan ini menimbulkan perbincangan

103 Sir George Maxwell's Papers, draf telegram Sir George Maxwell kepada Dato' Onn, Batu Pahat, 8 Mac 1946.

104 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "*Johor sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO*", hlm. 38.

105 CO 537/1540, "*Negotiations with Sir MacMichael Agreement with Sultan of Johore*", surat T.A. Newbolt kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946, terlampir surat yang ditandatangani Dato' A. Rahman bin Mohd. Yasin, Tuan Haji Hassan bin Haji Mohd. Yunos, Doktor Awang b. Hassan, Inche Kosai b. Haji Mohd. Salleh, Inche Suleiman b. A. Rahman, Inche Ahmad b. Suleiman, Inche Safiah binti Suleiman kepada The Chief Civil Officer, Headquarters, British Military Administration (Malaya), Kuala Lumpur, 25 Februari 1946.

106 CO 537/1540, "*Negotiations with Sir MacMichael Agreement with Sultan of Johore*", surat T.A. Newboul kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946.

hangat di Pejabat Kolonial. W.S. Morgan dalam minitnya mencatatkan jika tindakan Sultan Johor menurunkan tandatangan bercanggah dengan undang-undang Johor, ini akan menyemarakkan lagi tentangan terhadap Malayan Union, dan penduduk Johor akan menolak Perjanjian, menentang Kesatuan, dan mengambil tindakan terhadap Sultan.¹⁰⁷

Polemik ini juga telah memanaskan perdebatan di Parlimen Inggeris di London hingga ahli parlimen Inggeris menanyakan Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, “... *adakah benar beberapa Sultan diturunkan oleh rakyatnya lantaran menandatangani Perjanjian Malayan Union ..*”¹⁰⁸

Resolusi ini dicetak di Singapura, dan telah diedarkan kepada orang Melayu di Johor.¹⁰⁹ Antara kenyataannya adalah Sultan bertindak melanggar Fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, seterusnya dicatatkan;

“... *dia berdosa memecahkan amanah diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat raja durhaka ia kepada raja dan kerajaan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.*”¹¹⁰

Namun demikian, Kumpulan Tujuh menyerahkan kepada pembaca menilai risalah yang diedarkan itu. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

“...*menjemput akan saudara-saudara kami sekalian laki-laki dan perempuan rakyat isi negeri Johor memberi timbangan yang halus dan cermat apa-apa yang kami sekalian menetapkan ini dengan fikiran diberi tuan-tuan sendiri yang tenang dan hati yang lapang yang dikurniakan Tuhan kepada tuan-tuan jangan bergantung dan jangan berpegang kepada perkataan kami sekalian sahaja ...*”¹¹¹

107 CO 537/1540, “Negotiations with Sir H. MacMichael Agreement with Sultan of Johore”, minit W.S. Morgan, 14.2.1946.

108 Hansard Parlimen Inggeris, “Proposed Union (Representations)”, HC Deb 20 February 1946 vol 419 c259W

109 Abdullah Zakaria bin Ghazali, op.cit

110 Fasal 15, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Fasal 15 ini juga dicatatkan dalam Risalah Kumpulan Tujuh, 1 Februari 1946.

111 Risalah Kumpulan Tujuh, 1 Februari 1946

Penubuhan UMNO & Status Malayan Union

Melalui Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar telah berjaya menggerakkan orang-orang Melayu untuk bangkit menghadapi musibah besar yang melibatkan seluruh bangsa Melayu. Beliau menjelajah ke seluruh Tanah Melayu memberi syarahan di rapat-rapat umum. Rapat umum ini dilaporkan sepenuhnya di dalam akhbar-akhbar Melayu yang kadang kala menyiarkan ucapan beliau secara "*verbatim*", iaitu secara sepenuhnya. Beliau disambut dengan begitu hangat di mana jua beliau berucap.

Perjuangan penentangan *Malayan Union* berkembang ke peringkat kebangsaan dengan penubuhan badan induk untuk menjadi pemangkin menentang *Malayan Union* secara tersusun. Pemimpin dan cendekiawan Melayu pada peringkat negeri-negeri bersetuju untuk menganjurkan Kongres Melayu. Susulannya, pada 1-4 March 1946, sebanyak 41 buah persatuan Melayu dan 107 wakil Melayu dan Orang Asli telah berhimpun di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur bagi menghadiri Kongres Melayu seTanah Melayu.

Kongres tersebut telah membincangkan pembentukan gerakan nasional Melayu serta kempen terselaras untuk menentang Malayan Union. Dato' Onn merayu kepada kesemua entiti dan lembaga bangsa Melayu, bersatu supaya melicinkan upaya melawan *Malayan Union* dan supaya bangsa Melayu boleh didengari sebagai satu suara.

Walaupun mendapat tentangan daripada orang Melayu, kerajaan British terus berdegil untuk mengisytiharkan Malayan Union dan perlantikan Gabenor pada 1 April 1946. Dato' Onn memanggil mesyuarat tergepar di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini mengambil keputusan: orang Melayu memulau upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, meminta Raja Melayu tidak menghadiri majlis upacara perlantikan Gabenor Malayan Union, dan berkabung melilit kain putih pada songkok hitam selama tujuh hari.¹¹² Dengan keputusan itu

112 UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956, hlm. 27

Dato' Onn menghadap Raja-raja Melayu menyampaikan keputusan mesyuarat. Raja-raja Melayu bersepat untuk tidak menghadiri majlis tersebut. Walaupun dipulau, upacara perlantikan Gabenor Malayan Union diteruskan. Sir Edward Gent diisytiharkan sebagai Gabenor Malayan Union yang pertama pada 1 April 1946.¹¹³ Berikutnya pada 16 April 1946, Raja-raja Melayu telah bersidang di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak, dan memutuskan sebulat suara untuk tidak mengiktiraf Perjanjian Malayan Union. Duli-duli Yang Maha Mulia akan menyampaikan hasrat baginda sekalian kepada Kerajaan Inggeris.¹¹⁴

Menurut George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan, "*Saya telah dimaklumkan oleh Sultan Perak bahawa semua Raja-raja Melayu memberi notis bahawa mereka tidak menganggap sah perjanjian yang mereka tandatangani dengan Sir Harold MacMichael...*" di Parlimen Inggeris teretus perbincangan-perbincangan panas, sebahagian ahli-ahli parlimen sendiri mempertikaikan keabsahan perjanjian itu, memetik artikel dari 'Times' yang ditandatangani oleh bekas-bekas pentadbir Inggeris di Malaya.¹¹⁵

Renteten berikutnya adalah perlantikan ahli jawatankuasa khas untuk menderaf perlembagaan bagi penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, PEKEMBAR atau UMNO. Susulan daripadanya, pada 11 Mei 1946, Kongres Melayu se-Malaya ketiga telah diadakan di Istana Balai Besar Johor Bharu dan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah diisytiharkan, Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Presidennya yang pertama. Kongres tersebut juga telah mengisytiharkan bahawa perjanjian-perjanjian MacMichael tidak sah dan mendesak bahawa Malayan Union dimansuhkan. Dalam hujahnya di kongres tersebut, pemimpin Melayu, Za'ba menyatakan, "*Melayu adalah bangsa, dan bukan kaum. Sehubungan itu pertubuhan ini hendak menegaskan dan menyatakan perkara tersebut.*"¹¹⁶

113 Malayan Union, 2037/1946, The Malayan Tribune, 2 April 1946.

114 Malay Mail, April 16

115 Hansard Parlimen Inggeris, Proposed Union, HC Deb 17 April 1946 vol 421 cc2670-2

116 Adnan Haji Nawang, Za'ba dan Melayu, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1998, hlm. 23- 24. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "*Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO*", hlm. 29

UMNO ditubuh secara rasmi, menjadi suara tunggal bangsa Melayu yang harus diambil kesah oleh Inggeris lantaran sokongan istana pada pertubuhan ini. Dato' Onn sendiri menghubungi Sultan Johor di London untuk menyembah maklum mengenainya. Selaku Presiden UMNO, dalam perbincangan Cadangan Kerakyatan Perlembagaan Malayan Union, Dato' Onn menyatakan; *“Adalah sia-sia mengambil sebarang pendapat selagi persoalan yang ditimbulkan oleh penaklukan Inggeris diselesaikan. Persoalan kerakyatan itu sendiri tidak menggusarkan Melayu. Tetapi kebebasan orang luar yang tidak dilahirkan disini mendapat kerakyatan, itulah yang merisaukan bangsa Melayu.”*¹¹⁷

Kenyataan ini disokong oleh Persatuan Melayu Pahang, Wataniah Pahang dan Darul Ehsan Club, Jeram. Kesepakatan penentangan keseluruhan orang Melayu terhadap Perlembagaan Malayan Union jelas terbukti apabila satu laporan rasmi Usulan Kerakyatan Malayan Union dibentangkan oleh Gabenor Malayan Union pada 18 April 1946, bagi pihak British meminta pandangan daripada orang perseorangan dan organisasi politik. Orang Melayu sebulat suara membantah dalam memberikan pandangan dan perbincangan untuk membaiki usulan tersebut. Bagi mereka selagi kuasa dan hak Raja-raja Melayu tidak dikembalikan, maka segala perbincangan tentang usulan kerakyatan dalam Perlembagaan Malayan Union tidak akan diendahkan.¹¹⁸

Antara yang menyokong tindakan ini termasuklah Persatuan Melayu Perlis, Kesatuan Belia Semenanjung, Malayan Union Penang Branch, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Presiden the Malay Matrons' Association Selangor, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Malay Chamber Kuala Lumpur, Kesatuan Melayu Sabak Bernam, Persatuan Melayu Kelantan, Muslim Peoples Association Selangor, dan Persatuan Melayu Kedah. Kebanyakan persatuan ini menganggap oleh kerana kuasa Raja Melayu telah dirampas oleh British, maka mereka enggan mengulas dengan lebih lanjut tentang hal ini, soal kerakyatan hanya akan dirundingkan sekiranya hak orang Melayu dan Raja Melayu dikembalikan.¹¹⁹

117 SP 18/8B/16 - Arkib Negara Malaysia, hlm 3. Masa itu majoriti pendatang terutamanya kaum China, mula datang secara beramai-ramai ke Tanah Melayu pada tahun 1930an.

118 P/PN 1/33 Arkib Negara Malaysia

119 Ibid

Dalam masa yang sama kekacauan antara Melayu dan China masih berlaku sekaligus mengorbankan nyawa kedua-dua belah pihak,¹²⁰ walaupun pentadbiran British telah kembali. Kuasa British lebih berminat untuk menjaga keamanan bandar-bandar dan kepentingan ekonomi Inggeris seperti ladang-ladang getah syarikat besar tanpa mempedulikan nasib orang-orang Melayu yang perlu terus berjuang demi kelangsungan hidup sebagai bangsa yang beragama Islam.

Kerajaan British menjadi kaget dengan perubahan sikap masyarakat Melayu yang selama ini dianggap lemah dan mudah 'dimakan'. Tekanan demi tekanan, penentangan demi penentangan, malahan laporan Gabenor Malayan Union yang pertama, iaitu Edward Gent dan Gabenor Jeneral Malaya Malcolm MacDonald tentang kemarahan orang-orang Melayu yang membuak-buak telah menyebabkan pihak British bertindak menghantar satu perwakilan ahli Parlimen British bagi meninjau reaksi masyarakat Melayu yang sebenar terhadap pembentukan Malayan Union.

Pada 30 Mei 1946, orang ramai di Kedah keluar mengalu-alukan kedatangan Kapten Gammas, Lt. Col. Rees-William dan Sir Theodore S. Adams diiringi oleh Dato' Onn Jaafar. Mereka berkumpul di pekan-pekan kecil serta sepanjang jalan dari sempadan Kedah-Seberang Prai ke Alor Setar. Di Bumbung Lima, mereka menahan Dato' Onn, menggesa membuat ucapan dan ditahan sekali lagi di Guar Chempedak dan di Padang Lumat. Pada ketika itu, di mana-mana sahaja orang melihat Dato' Onn mereka akan melaung "*Hidup Melayu!*" dan "*Hidup Dato Onn!*". Pokok-pokok di sepanjang jalan sejauh 40 batu bertampal dengan poster-poster mengutuk Malayan Union.¹²¹ Ahli jawatankuasa tersebut terkejut melihat reaksi yang amat lantang dari orang-orang Melayu untuk menghentikan Malayan Union, di mana mereka pergi pasti disambut dengan gegak gempita ribuan umat Melayu dengan slogan-slogan anti Malayan Union.

120 Hansard Parlimen Inggeris, "Racial Disturbances", HC Deb 10 April 1946 vol 421 cc321-3W. Ia melibatkan korban 70 orang Melayu di sebuah masjid di Perak pada 6 Mac 1946. Pergaduhan di Batu Malim, Raub, 11 Februari 1946 dan beberapa pergaduhan lagi masa Bintang Tiga dibincangkan di Parlimen Inggeris. Peranan Pentadbiran Tentera British juga disinggung.

121 Perbadanan Perpustakaan Kedah

Pada hari yang sama, Lt Col Rees William menghantar telegram kepada Setiausaha Tanah Jajahan, George Hall supaya menggubal perlembagaan baru menggantikan Malayan Union. Apa yang dilihat di merata-rata tempat di Tanah Melayu sudah cukup meyakinkan ahli parlimen British supaya Malayan Union perlu ditarik balik dengan serta merta.¹²²

¹²² Ibid

BAB 6 BRITISH BERUNDING SEMULA

Tentangan-tentangan hebat daripada orang-orang Melayu terhadap *Malayan Union* yang diperakukan bukan sahaja oleh pentadbir-pentadbir tertinggi British di Tanah Melayu, malahan disokong pula oleh anggota delegasi ahli Parlimen British, kuasa tersebut akhirnya terpaksa akur untuk menilai semula *Malayan Union* dan mencari pentadbiran alternatif.

Pada tahap ini, British lebih berminat untuk menjaga imejnya yang baru pulih di kalangan orang-orang Melayu, sebelumnya tercalar dengan sebab penubuhan *Malayan Union*. Justeru kuasa tersebut mengambil pendirian buat sementara waktu untuk bersikap lebih sensitif pada tuntutan orang-orang Melayu yang meminta hak mereka sebagai peribumi tidak dikorbankan. Namun British sekali-kali tidak akan melupakan tuntutan golongan imigran sebagai instrumen berkesan untuk mendapatkan cita-citanya memecahkan dominasi sosio-politik orang-orang Melayu yang sudah tentunya beragama Islam. Buat seketika, hasrat tersebut dipendam bagi memberi ruang kepada orang-orang Melayu tenang kembali.

Untuk langkah seterusnya, kerajaan British telah menubuhkan dua jawatankuasa bagi mendapatkan pandangan-pandangan semua pihak yang berkepentingan, iaitu Jawatankuasa Kerja Penggubalan Perlembagaan yang mengambil input daripada perwakilan Melayu dan Jawatankuasa Cheeseman yang mendapatkan pandangan-pandangan daripada semua pihak lain.

Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan pada 25 Julai 1946 dan terbahagi kepada tiga perwakilan, iaitu perwakilan kerajaan British seramai 6 orang anggotanya, 4 anggota perwakilan Raja-raja Melayu yang dinasihati oleh seorang pegawai British dan 3 anggota perwakilan UMNO untuk merangka satu deraf perlembagaan baru yang sesuai dijalankan di Tanah Melayu, khususnya yang dapat diterima oleh orang Melayu dan British.

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA PP 1946

Perwakilan Kerajaan British :

A.T Newbould (*Ketua Setiausaha Malayan Union*)
K.K. O' Connors (*Peguam Negara Malayan Union*)
W.D Godsall (*Setiausaha Kewangan*)
Dr W.Linehan (*Perkhidmatan Awam Tanah Melayu*)
A.William (*Perkhidmatan Awam Tanah Melayu*)
D.C Watherston (*Setiausaha*)

Perwakilan Raja Melayu :

Raja Kamarulzaman Raja Ngah Mansur
Dato' Hamzah Abdullah
Haji Mohamad Sheriff Osman
Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud

Perwakilan UMNO :

Dato' Onn Jaafar
Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
Haji Megat Yunus

Dalam Jawatankuasa Kerja, terdapat pegawai pemerhati dan Penasihat Undang-undang iaitu Theodore Adams (*Penasihat Raja-raja Melayu*), Ronald Bradell (*Penasihat Undang-undang UMNO*) dan Ralph Hone (*Pemerhati dan wakil Gabenor Jeneral*). Dalam membincangkan faktor-faktor yang akan diambil kira bagi tujuan pengubahsuaian dasar British terhadap gagasan Malayan Union, kuasa British dari awal-awal lagi telah memberikan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi oleh Jawatankuasa Kerja seperti berikut, iaitu:

1. Keperluan untuk mewujudkan kerajaan pusat yang kuat bagi memastikan pentadbiran yang ekonomikal dan berkesan untuk negara ini.
2. Keperluan untuk mewujudkan kerakyatan umum bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal yang sebenar dan sebagai objek kesetiaan mereka.
3. Keperluan untuk mengekalkan keindividualan setiap negeri Melayu dan negeri Selat.
4. Keperluan untuk menjaga kedudukan istimewa orang-orang Melayu.
5. Keperluan untuk menjaga kestabilan kewangan negara.¹²³

Bagi kuasa British, walaupun *Malayan Union* dimansuhkan, namun ia tetap bertegas untuk mewujudkan sebuah bangsa Malayan bersatu, iaitu hak kerakyatan umum harus dimiliki oleh semua kaum dan bukan hanya eksklusif untuk orang-orang Melayu sahaja.

Kuasa British jugamenegaskan: *“tujuan utama kerajaan British memperkenalkan dasar bangsa Malayan bersatu adalah untuk memastikan hak politik di Tanah Melayu dipanjangkan kepada semua yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal mereka yang sebenarnya. Implikasinya adalah bahawa kini hak politik tidak lagi menjadi milik orang Melayu sahaja tetapi juga milik orang Cina dan India yang mempunyai semangat ‘Malaya’.”*¹²⁴

Selanjutnya, kuasa British mengambil prinsip bahawa pembatalan perjanjian MacMichael akan hanya dipertimbangkan apabila perwakilan Melayu bersetuju memberi jaminan akan menerima kewujudan kerajaan pusat yang kuat dari segi perundangan. Setelah rundingan tarik tolak, akhirnya persepakatan dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja untuk menubuhkan sebuah negara persekutuan yang mempunyai kuasa yang kuat sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan yang dicadangkan, disamping hak-hak negeri dalam sistem politik persekutuan.¹²⁵ Corak kerajaan yang lahir inilah yang kemudiannya membentuk Malaysia pada 1957.

123 _____, Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu, hlm110

124 CO 537/1549

125 Report of the Constitutional Consultative Committee, Kuala Lumpur: Government Printer, 1947

Ringkasnya, **kerajaan British sentiasa memastikan bahawa hasrat sebenarnya yang tersirat, iaitu memecahkan dominasi sosio-politik tunggal orang-orang Melayu ke atas Tanah Melayu** dapat dilaksanakan melalui pembentukan kerajaan pusat yang kuat dari segi senarai kuasa dan perundangan, yang mana isu kerakyatan umum adalah antara yang akan menjadi pegangan, kuatkuasa dan kawalannya.

Respon Jawatankuasa Cheeseman

Kuasa British juga telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa untuk mendengar pandangan-pandangan daripada masyarakat bukan Melayu tentang pengubahsuaian butiran-butiran dalam gagasan Malayan Union. Jawatankuasa Perunding Cheeseman telah dibentuk pada bulan Disember 1946 dengan tujuan meneliti cadangan perlembagaan untuk Persekutuan Tanah Melayu dari perspektif bukan Melayu.

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA CHEESEMAN

H. R Cheeseman (Pengerusi)

S,B Palmer

M.C.R Doraisamy Aiyer

C.F Gomes

A. Artbutnott

C.P.R Menon

Leong Yew Koh

J.S Goonting

Jawatankuasa Cheeseman mengadakan beberapa sesi umum selain rundingan dengan ahli-ahlinya. Daripada input-input yang diterima,¹²⁶ secara umumnya kaum bukan Melayu menyokong dasar pembentukan bangsa Malayan bersatu. Apa juga isu yang dianggap memberi kelebihan kepada orang-orang Melayu menjadi topik-topik panas, tercetus perdebatan, konflik dan percanggahan pendapat tentang takrifan hak persamaan kaum, syarat kerakyatan, isu bahasa, pemisahan Singapura daripada negara persekutuan, komposisi Majlis Perundangan Persekutuan, dasar imigresen dan kuasa Raja-raja Melayu.

¹²⁶ Keseluruhannya Jawatankuasa Cheeseman menerima 80 pucuk surat, memorandum dan penyampaian secara lisan, 30 daripadanya adalah daripada individu dan 45 daripada persatuan.

PKMM dan AMCJA

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 Masihi di Ipoh, Perak, merupakan parti politik Melayu yang pertama ditubuhkan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Matlamat utama penubuhan PKMM ialah untuk menuntut kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu dan menentang sebarang bentuk penjajahan Inggeris selain berusaha mengatasi masalah masyarakat dari aspek pelajaran, sosial dan ekonomi serta kebebasan mencetak dan bersuara.

Pada bulan November, PKMM telah menubuhkan cawangan-cawangannya di Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Melaka dan Singapura selain menyebarkan pengaruhnya melalui akhbar-akhbar hariannya iaitu Suara Rakyat, Pelita Malaya dan Semboyan Baharu dan terbitan bulanan iaitu majalah Berjuang dan *Voice of the People*.

PKMM mempunyai dua cawangan pemuda dan pemudi iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang dipimpin oleh Shamsiah Fakeh. Pada awal pembentukannya, apabila Mokhtaruddin Lasso menjadi Presidennya yang pertama, beliau berkecenderungan membawa PKMM ke arah prinsip-prinsip komunisme. Ini dapat dilihat daripada lapan resolusi yang dikeluarkan oleh PKMM pada 30 November 1945 yang dianggap oleh pihak kerajaan Malayan Union sebagai diinspirasi oleh rancangan 'Sembilan Perkara' Parti Komunis Malaya.

Bagaimanapun Ahmad Boestamam telah dapat merenggangkan API dari PKMM di bawah Mokhtaruddin Lasso dan pengaruh komunisme serta mengeluarkan manifesto yang berasingan dari PKMM. Apabila Kesatuan Melayu Muda (KMM)¹²⁷ bergabung dengan PKMM, Dr Burhanuddin Helmi telah mengambil alih pucuk pimpinan sebagai Presidennya yang kedua.

127 Ditubuhkan pada Mei 1937 di Kampung Baru Kuala Lumpur. Ditubuhkan atas asas ideologi demokratik-sosialisme. Berjuang melawan penjajah dan kaum bangsawan. Semasa pendudukan Jepun di Malaya pada Disember 1941 KMM membuat hubungan baik dengan Jepun. Bagaimanapun pada tahun 1942 KMM diharamkan oleh Jepun kerana menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Perjuangan KMM dihidupkan kembali dengan kemasukan semula kuasa British di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun dalam tahun 1945.

Berbeza dengan kepimpinan Mokhtaruddin Lasso yang cenderung pada konsep komunisme, perjuangan PKMM di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin berwawasan mendapatkan kemerdekaan penuh dari Britain serta memperjuangkan Tanah Melayu sebagai bahagian dari Indonesia Raya. Gagasan ini didokong oleh pelajar dan lepasan guru dari Maktab Perguruan Sultan Idris mulai akhir tahun 1920an dan individu dari Sumatera dan Kepulauan Jawa termasuk Sukarno. Bagaimanapun rencana Dr. Burhanuddin gagal disebabkan berlakunya gejolak politik dalaman Indonesia.

Perlembagaan Persekutuan yang disetujui Raja-raja Melayu, UMNO dan British dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja telah dibincangkan dalam persidangan PKMM yang berlangsung pada 29 Disember 1946 di Melaka. Dr. Burhanuddin al-Helmi menyatakan penggubalan Perlembagaan Persekutuan tidak berlandaskan suara rakyat kerana jawatankuasa tersebut tidak mengambil pandangan mereka; dan tidak memerdekakan Tanah Melayu, tetapi hanya menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu seperti mana sebelum ini yang berada di bawah campurtangan British.¹²⁸

Teguran Dr. Burhanuddin al-Helmi ini dijawab oleh Dato' Onn dalam mesyuarat agong UMNO yang berlangsung di Alor Setar, Kedah pada 10 Januari 1947. Dalam jawapan tersebut, antara lain Dato' Onn menyatakan yang orang Melayu masih belum bersedia untuk menguruskan negara jika merdeka. Perlembagaan Persekutuan dibentangkan dalam persidangan UMNO di Alor Setar ini, dan Dato' Onn dalam ucapannya menggesa ahli mesyuarat menerima perlembagaan tersebut, jika tidak beliau akan meletakkan jawatan.¹²⁹

PKMM juga telah menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) iaitu gabungan parti-parti politik radikal Melayu di seluruh Malaya iaitu :

1. API (Angkatan Pemuda Insaf)
2. AWAS (Angkatan Wanita Sedar).
3. BTM -Barisan Tani Malaya (BATAS).

128 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Cabaran Institusi Beraja Di Malaysia Dari Dahulu Hingga Kini"

129 Ibid

4. JKM- Jabatan Kerja Melayu
5. Hizbul Muslimin.
6. GERAM -Gerakan Angkatan Muda.
7. Kesatuan Buruh Melayu SeMalaya.
8. Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU).
9. Kesatuan Opera Melayu.
10. Persatuan Pemandu Teksi.
10. PETA -Pembela Tanah Air.
11. MATA- Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA).

Pada 16 Mac 1947, PUTERA telah bergabung pula dengan All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA)¹³⁰ yang bertujuan menguatkan penentangan terhadap deraf perlembagaan Jawatankuasa Kerja. Mereka telah mengemukakan ‘Perlembagaan Rakyat’ yang merupakan gabungan cadangan PUTERA dan AMCJA untuk dilaksanakan dalam perlembagaan baru Tanah Melayu.

Berdasarkan pelbagai reaksi yang timbul daripada pelbagai pihak, maka Pejabat Tanah Jajahan di London memutuskan untuk mengadakan perbincangan semula dengan perwakilan Melayu melalui Jawatankuasa Kerja pada 17 April 1947 Masihi dan beberapa pindaan telah dibuat.

Bagaimanapun pindaan-pindaan tersebut masih belum memenuhi sepenuhnya tuntutan PUTERA-AMCJA, lalu mereka bertindak melaksanakan demonstrasi-demonstrasi di seluruh Tanah Melayu pada bulan September dan Oktober 1947 untuk menunjukkan bantahan terhadap pindaan deraf perlembagaan Jawatankuasa Kerja serta menunjukkan kekuatan mereka. Bagaimanapun demonstrasi-demonstrasi tersebut tidak mendapat layanan

130 Dalam usaha menentang deraf perlembagaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja, suatu pertubuhan yang dikenali sebagai All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) telah dibentuk pada 22 Disember 1946. AMCJA dipimpin oleh Dato’ Tan Cheng Lock sebagai Presiden dan John Eber sebagai Setiausaha. Antara pertubuhan yang menyertai AMCJA ialah Malayan Democratic Union, Malayan Indian Congress, Pan-Malayan Federation of Trade Union, Malayan People Anti-Japanese Ex-Services Comrades Association dan Parti Komunis Malaya. AMCJA telah mendesak supaya British membatalkan semua persetujuan yang telah dicapai antara British dengan Raja-raja Melayu dan UMNO. Mereka juga mahu AMCJA diterima sebagai wakil bukan Melayu.

British.¹³¹ Pada 24 November Malcolm MacDonald telah membuat keputusan tentang dua prinsip yang menjadi panduan kepada kerajaannya, iaitu ;

1. Persoalan perlembagaan Tanah Melayu dianggap telah diselesaikan dan akan beroperasi secepat mungkin.
2. Kerajaan British tidak akan mengambil sebarang risiko untuk merosakkan keyakinan masyarakat Melayu yang telah kembali pulih terhadap kerajaan itu (berikutan persetujuan British untuk membatalkan perjanjian MacMichael) (CO 537/2141)

British akhirnya menerima pindaan deraf perlembagaan Jawatankuasa Kerja yang dijadikan asas perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Maka Kerajaan Inggeris pun menerbitkan CO 725/100/13: Federation of Malaya Order in Council, 1948. Ia mengandungi: (a) Persekutuan Negeri-Negeri Melayu, Ringkasan Cadangan Perlembagaan (b) Instrumen Undang-Undang. Pada 21 Januari 1948, Raja-raja Melayu dan wakil Kerajaan British menandatangani Perjanjian Negeri-Negeri sebagai persediaan ke arah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.¹³² Dengan ini terbatallah Malayan Union dan Raja-Raja Melayu mendapat kembali kedaulatan mereka seperti tahun 1941, iaitu sebelum zaman Jepun.

Dari satu aspek, pemulihan keyakinan orang-orang Melayu terhadap kuasa British selepas kesilapan membentuk Malayan Union dan wujudnya sikap tolak-ansur mereka, telah menyebabkan British tidak mahu lagi mengambil risiko membuka ruang kepada tuntutan-tuntutan melampau dari kaum imigran sehingga boleh menghakis kembali keyakinan tersebut.

Namun kerajaan British juga sama sekali tidak akan berkompromi dalam hal mengembalikan dasar pro-Melayu, iaitu Tanah Melayu untuk orang-orang Melayu sebagaimana sebelum Perang Dunia Kedua dahulu. Apapun kuasa

¹³¹ Perjuangan PKMM kemudiannya telah dianggap oleh pihak British sebagai 'berbau' komunis dan dengan itu beberapa pemimpinnya telah ditangkap serta dipenjarakan. Akhirnya pada 18 Jun 1948, PKMM (dan beberapa parti lain) telah diharamkan apabila darurat diisytiharkan oleh pihak berkuasa British dengan persetujuan Yang Dipertua UMNO, Dato' Onn Jaafar.

¹³² CO 725/100/13: Federation of Malaya Order in Council, 1948.

British sedar bahawa walaupun Malayan Union telah terkubur dalam sejarah politik orang-orang Melayu, namun gagasan bangsa Malayan bersatu yang menjadi teras induk kepada Malayan Union telah dapat diberi nafas baru dalam bentuk penganugerahan kerakyatan kepada kaum imigran dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Realitinya Tanah Melayu kini tidak lagi menjadi milik mutlak orang-orang Melayu dan ini adalah kemenangan kuasa British yang muktamad!

BAB 7 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Suatu kelebihan Raja-raja Melayu adalah amat cermat dalam memerhatikan terma dan implikasi perjanjian-perjanjian dan surat-surat dengan pihak Inggeris pada masa Inggeris kurang memberi tumpuan kepada perjanjian yang mereka sendiri tandatangani. Semenjak Perjanjian Pangkor 1874, pihak Inggeris berpendapat bahawa kedudukan sah mereka di Negeri-negeri Melayu adalah semata-mata mengikut triti-triti yang diikat dengan Raja-raja Melayu.¹³³

Sebagai contoh, melalui kuatkuasa undang-undang, pihak Inggeris telah menetapkan melalui Pejabat Tanah Jajahan bahawa tidak ada jajahan lagi di Tanah Melayu selepas Negeri-negeri Selat, sedangkan di kebanyakan wilayah empayar British, adalah tertakluk di bawah Akta Bidang Kuasa Asing Parlimen Inggeris, menjadikan mereka tanah jajahan Inggeris. Hal ini memberikan implikasi perundangan bahawa Negeri-negeri Melayu adalah tetap berdaulat @ tidak dijajah, yang wujud hanya campurtangan British.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dibuat sebagai menurut permintaan Raja-raja Melayu dan orang-orang Melayu melalui UMNO ke atas jaminan-jaminan dan tanggungjawab-tanggungjawab Inggeris melalui triti-triti

¹³³ J. de V. Allen, A. J. Stockwell, and L. R. Wright, "A Collection of Treaties and other Documents affecting the States of Malaysia 1761-1963. Vols. I and II." Oceana Publications Inc, 1981.

kerajaan Inggeris dengan Raja-raja Melayu sebagai pemilik kedaulatan negeri baginda masing-masing. Ia melibatkan dua perjanjian;

Pertama:

Perjanjian Negeri bagi memansuhkan Perjanjian MacMichael dan Malayan Union 1946.

Kedua:

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Perjanjian Negeri-Negeri 1948 mempunyai dua matlamat penting, iaitu mempersiapkan negeri-negeri di Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri tanpa nasihat British, dan yang kedua adalah bagi maksud penubuhan sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang kuat. Hal ini terkandung dalam *preamble* Perjanjian Negeri 1948:

*“to facilitate fresh arrangements for the peace, order and good government and to provide for the constitutional development of every Malay State under the protection of the Britanic Government and for its future government.”*¹³⁴

Malayan Union dibubarkan secara rasmi pada 21 Januari 1948 dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya*), dianggotai oleh sembilan buah Negeri-negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat, menjadikan jumlah ahlinya sebanyak sebelas buah negeri. Singapura kekal menjadi tanah jajahan British yang berasingan.

Pihak Inggeris bertanggungjawab atas hal ehwal luar negeri, dan seorang Pentadbir Inggeris diletakkan “*untuk menolong dan melicinkan pemerintahan Baginda Sultan*”, walaupun pada hakikatnya lebih banyak menguntungkan Inggeris dari segi ekonomi. Raja-raja Melayu bagaimanapun berkuasa penuh di atas agama Islam dan adat resam Melayu. Sebuah Majlis Raja-Raja ditubuhkan bagi membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara-perkara tertentu, dan rang undang-undang perlu mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. Begitu juga bagi peringkat negeri, sultan

134 Ibid

bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

Terkait hal kedaulatan Raja-raja Melayu, Klausa 15 dalam setiap Perjanjian Negeri-negeri Melayu 1948 telah menetapkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu adalah sebagaimana sebelum zaman pendudukan Jepun, iaitu pada tarikh 1 Disember 1941.¹³⁵ Contohnya dalam Perjanjian Negeri Kedah 1948, kedaulatan DYMM Sultan Kedah ditakrifkan:

“Prerogatif, kuasa-kuasa dan pegangan Baginda keatas Negeri Kedah dan jajahan takluknya adalah seperti apa yang Baginda nikmati pada 1 Disember 1941, tertakluk kepada peruntukan Perjanjian Persekutuan dan Perjanjian in”,

“kedaulatan pada setiap seorang Raja-raja Melayu adalah, pada Baginda, DYMM Sultan negeri tersebut menurut Adat Melayu.”¹³⁶

Fasal yang sama disebut bagi perjanjian semua negeri-negeri lain, sekaligus membatalkan perjanjian MacMichael yang membentuk Malayan Union.¹³⁷ Bermakna, kedaulatan Raja-raja Melayu seperti pada tarikh 1941 inilah yang telah mengabsahkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, ia kemudian menggantikan Perjanjian Persekutuan 1948 sehinggalah penginstitutionan Perlembagaan Tanah Melayu 1957.

Kedaulatan Raja Menurut Adat Melayu

Pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu bermula semenjak zaman kesultanan Melaka adalah bercirikan ajaran agama Islam dan adat Melayu. Manakala adat Melayu yang menjadi satu unsur teras jati diri Melayu adalah adat resam yang memegang prinsip ‘*patuh syariat*’.

Prinsip ini dapat dibuktikan dalam catatan Sejarah Melayu seperti berikut:

“Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun pergilah mengadap Paduka Bubunnya. Maka sembah Menteri Jana Putera, “Tuanku, akan adat kami segala

¹³⁵ Ketetapan ini kemudian dimasukkan dalam Laporan Suruhanjaya Reid 956-1957: Nota 26

¹³⁶ Laporan Jawatankuasa Kerja 18 Nov 1946, CO 537/1530 No 50823 Part III

¹³⁷ Provenance: Statutory instruments for, 1948, I, i, no 108, The Federation of Malaya Order in Council, 1948

*Islam, apabila sembahyang, mengadap ke matahari mati, jikalau ada kurnia duli Pra Cau, biarlah patik-patik kepada ketumbukan yang lain. Perang mengadap ke matahari mati pemali.”*¹³⁸.

Penyebutan ‘*akan adat kami segala Islam*’, dalam Sejarah Melayu menunjukkan bahawa adat resam Melayu itu adalah adat watan yang tidak bercanggah dengan hukum syara’.¹³⁹ Apa yang perlu diperingatkan adalah hakikat bahawa kesultanan-kesultanan Tanah Melayu telah wujud beratus-ratus tahun sebelum kedatangan British, dan kesultanan- kesultanan ini telahpun mempunyai sistem politik dan perundangan yang kemas dan tersusun.

Menurut Wan Ahmad Fauzi (2018a), Adat Melayu secara umumnya merangkumi penilaian masyarakat watan Tanah Melayu kepada hukum alam, tatacara kehidupan bermasyarakat, peraturan-peraturan etika secara universal dan warisan amalan yang masih dianggap sesuai dalam kehidupan mereka sehari-harian. Dari bingkai lebih besar, adat Melayu adalah apa yang ditakrifkan sebagai adab budaya dan undang-undang pada hari ini selain daripada hukum hakam seperti diwahyukan dalam *al- Qur’an* dan *al-Sunnah*; merangkumi sistem, peraturan, ethos dan nilai yang tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam seperti diwarisi daripada amalan masyarakat dan Kerajaan Melayu pada masa silam.

Tegas Wan Ahmad Fauzi (2018a), *wa’adat* Sang Sapurba adalah satu prinsip sosial yang menunjangi sistem politik Melayu Tua. Selagi prinsip itu terpelihara maka kekhalfahan Raja Melayu akan terus dipertahankan oleh rakyat Raja Melayu, khususnya orang-orang Melayu. Apabila Raja Melaka menganut agama Islam, proses penjernihan adat Melayu daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam berlaku secara berperingkat demi peringkat. Ajaran Islam diasimilasi dalam sistem politik watan sehingga mereformasikan adat Melayu itu sendiri. Adat Melayu lama kelamaan diterima dalam bentuk yang tidak bercanggah dengan al-Qur’an dan al-Sunnah.

¹³⁸ Mohd Taib Osman, Sejarah Melayu, hlm 110

¹³⁹ Wan Ahmad Fauzi, Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurispiden, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan”, Abad Sinergi, 2018, hlm 21

Dalam konteks kedaulatan Raja Melayu pasca 1941, baginda kekal berposisi sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah ﷻ sebagaimana yang diwarisi oleh semua kerajaan-kerajaan di Tanah Melayu daripada kesultanan Melaka, yang mana kerajaan-kerajaan ini pernah menjadi bahagian dari jajahan kesultanan tersebut sehingga terubur dalam tahun 1699,¹⁴⁰ belakangan menjadi sembilan kerajaan-kerajaan Melayu yang berdaulat dalam proses perkembangan sejarah tanahair sebelum peristiwa bersejarah pemersatuan kerajaan-kerajaan ini menjadi Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Justeru, amat mustahak difahami sebagai pemegang amanah kedaulatan mutlak milik Allah ﷻ, ianya memberikan implikasi tidak membenarkan Raja-raja Melayu meluluskan undang-undang atau dasar atau keputusan yang bercanggah dengan hukum syarak.¹⁴¹

Kesimpulannya, unsur pengamanahan untuk menjunjung syariat Islam bukanlah suatu yang baharu bagi negara bertuah ini, ianya telah menjadi prinsip dan corak pemerintahan kesultanan-kesultanan Melayu semenjak beratus-ratus tahun dahulu, berteraskan konsep '*zilullahi fil ardh*' (bayangan Allah di mukabumi) dan sistem Syura, ditinta secara rasmi dalam hukum kanun negeri-negeri, bermula seawal zaman kesultanan Melaka, menjadi bukti pemakaian undang-undang syariat dan adat bersendi kitabullah.

Dengan terbatalnya Malayan Union dalam tahun 1948 dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu, fungsi Raja Melayu untuk menjunjung Syariat Islam telah dilestarikan sehingga ke hari ini melalui peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 yang akan kita lihat nanti.

¹⁴⁰ Kesultanan Melaka terubur dalam tahun 1699 berikutan peristiwa Sultan Mahmud Mangkat di Julangan. Setelah itu, jajahan-jajahan Melaka semua telah melanjutkan pemerintahan sebagai kerajaan-kerajaan tersendiri yang berdaulat, namun tetap mengambil ciri jati diri watan yang diwarisi dari kesultanan Melaka, yang mana unsur teras utamanya adalah peradaban Islam dan adat Melayu yang patuh syariah.

¹⁴¹ Wan Ahmad Fauzi, *op.cit.*, 2018.

Terma-terma Persekutuan Tanah Melayu

Dengan termeterainya perjanjian kuasa British dengan sembilan Raja-raja Melayu yang berdaulat, pemersekutuan Negeri-negeri Tanah Melayu telah diabsahkan untuk seterusnya melaksanakan terma-terma yang dipersepakati. Apakah yang membezakan Perjanjian Persekutuan 1948 dengan bingkai yang 'memegang' Institusi Raja-raja Melayu dalam kerajaan-kerajaan tradisional?

Buat pertama kalinya, kuatkuasa dan prerogatif Raja-raja Melayu ditetapkan secara bertulis didalam kerangka Perlembagaan Negeri, Perjanjian-perjanjian Negeri dan Perlembagaan Persekutuan 1948.¹⁴² Inilah perbezaan yang paling besar sekali berbanding halnya pada 1941, kerana pada masa itu melainkan Johor dan Terengganu, Negeri-negeri Melayu tidak mempunyai Undang-Undang Tubuh secara dokumen moden yang mentakrifkan kuasa Raja-raja.¹⁴³ Dalam Perjanjian 1948, secara dasarnya Raja-raja Melayu mula menerima bahawa kedaulatan, bidang kuatkuasa serta prerogatif baginda sekalian dinyatakan secara hitam putih dalam dokumen perundangan tertinggi Tanah Melayu, iaitu Perlembagaan Negeri-negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contohnya Perjanjian Kedah, perjanjian-perjanjian Negeri-Negeri Melayu yang lain adalah sama; *"DYMM Sultan memerintah Kedah menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negeri yang bertulis yang akan bertepatan dengan peruntukan- peruntukan Perjanjian ini dan Perjanjian Persekutuan yang akan di masyhurkan oleh DYMM Sultan pada masa yang sesuai pada hemat Baginda."*

Keperluan Fasal diatas telah mendorong Negeri-negeri Melayu, selain dari Johor dan Terengganu, menggubal Undang-Undang Tubuh negeri masing-masing. Perlembagaan Negeri ditafsirkan sebagai Undang-Undang Tubuh Kerajaan, 'Kerajaan Negeri' dan Sultan menjadi dua entiti yang berbeza.¹⁴⁴

142 Kobkua Suwannathat-Pian, "British Colonial Rule, Japanese Occupation, And The Transformation Of Malay Kingship 1930s-1957", *New Zealand Journal of Asian Studies* 11, 1 (June 2009)

143 Pada ciri-ciri perlembagaan tempatan di zaman kesultanan Melaka contohnya, jawatan-jawatan penting yang disebut seperti Bendahara, Temenggong, Laksamana, Penghulu Bendahari dan Syahbandar perlu dilihat dalam bingkai yang lebih besar daripada individu, ianya adalah institusi yang diperjelaskan melalui adat Melayu. Rujuk Wan Ahmad Fauzi, *Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan*, *Akademika* 87(3), Oktober 2017:179-195

144 Anthony Milner, "Identity Monarchy: Interrogating Heritage for a Divided Malaysia"

Undang-Undang Tubuh kedua-dua negeri tersebut, disamping memperihalkan kedaulatan Sultan masing-masing, juga mempunyai fasal-fasal yang melarang Sultan dari sewenang-wenangnya melepaskan sebahagian atau sepenuhnya Negerinya,¹⁴⁵ dinyatakan pada kedua-dua Undang Tubuh negeri tersebut. Fasal-fasal inilah yang digunakan oleh Bangsa Melayu untuk menentang Malayan Union.¹⁴⁶ Kedua-dua Undang-Undang Tubuh ini menjadi contoh untuk negeri-negeri Melayu lain bagi penggubalan Undang-Undang Tubuh masing.

Nasihat British diperkenalkan, dan Raja-raja Melayu mengambilnya dari Pegawai Suruhanjaya Tinggi dan Menteri Besar melainkan keatas urusan agama Islam dan adat Melayu. Kedua-dua perkara ini tidak dibincangkan oleh Penasihat British kerana ia adalah luar bidang kuasa mereka. Ia diperkenalkan oleh Inggeris sebagai platform yang berwibawa bagi memperkenalkan dasar-dasar yang boleh memelihara kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.¹⁴⁷

Secara ringkasnya bentuk kerajaan yang lahir selepas ini adalah kerajaan pusat yang kuat dengan kuasa legislatif diatas kewarganegaraan, kewangan dan hal ehwal luar negeri dan mengawas pentadbiran setiap negeri. Pegawai Suruhanjaya Tinggi adalah ketua pentadbiran Persekutuan. Beliau dibantu oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan. Pegawai Suruhanjaya Tinggi harus berunding dengan Majlis Raja-Raja akan dasar kerakyatan and akan memberi Majlis Raja-Raja salinan setiap rang undang-undang yang akan dibawa kepada Majlis Perundangan Persekutuan.¹⁴⁸

145 Fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Fasal 14 Undang-undang Tubuh Kerajaan Trengganu 1911

146 CO 537/1540, "Negotiations with Sir MacMichael Agreement with Sultan of Johore", surat T.A. Newbolt kepada Pejabat Kolonial London, 4 Mac 1946

147 Ibid

148 Kobkua Suwannathat-Pian, "British Colonial Rule, Japanese Occupation, And The Transformation Of Malay Kingship 1930s-1957", New Zealand Journal of Asian Studies 11, 1 (June 2009)

Kuasa pelaksana (*executive powers*) di setiap negeri adalah melalui Raja atau pegawai negeri yang bertindak dibawah nama baginda. Untuk maksud itu, baginda dibantu dan dinasihati oleh Menteri Besar yang mengetuai Jemaah Menteri (EXCO kerajaan). Badan Perundangan negeri adalah Majlis Mesyuarat Negeri yang diberi kuasa keatas semua undang-undang negeri selagi ia tidak dibawah kuasa Persekutuan, termasuklah Islam dan adat Melayu. Undang-Undang tersebut berkuatkuasa hanya selepas mendapat perkenan Sultan.¹⁴⁹ Bentuk kerajaan ini, dengan sedikit ubahsuai, menjadi asas Kerajaan Persekutuan Malaysia 1957.

Terkait hal kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu, syarat-syarat kerakyatan adalah melalui kuatkuasa undang-undang ataupun pendaftaran. Kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang adalah seperti berikut:

1. Jus soli terbuka kepada hanya rakyat Raja dan rakyat British. Rakyat Raja adalah orang Melayu dan orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri-negeri Melayu yang mempunyai sultan. Rakyat British pula adalah mereka yang lahir di Melaka dan Pulau Pinang
2. Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British
3. Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
4. Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa Melayu (naturalisasi) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan

Kewarganegaraan secara pendaftaran:

1. Pemohon yang lahir dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada 20 tahun dari tarikh permohonannya
2. Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu

149 Ibid

Jika ditinjau pada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, seramai 2,294,000 orang Melayu menjadi rakyat Persekutuan secara automatik. Sedangkan daripada jumlah 2,011,000 penduduk bukan Melayu, hanya 320,000 sahaja diterima sebagai rakyat. Bagaimanapun sekitar tahun 1952 British telah membuat pindaan kepada Undang-Undang Perjanjian Persekutuan terkait pendaftaran kerakyatan dengan melonggarkan syarat untuk menjadi warganegara Persekutuan selama setahun, samada melalui sistem undang-undang atau pendaftaran, antaranya tidak perlu menguasai bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan pindaan ini, dalam tempoh tersebut sahaja jumlah kaum Cina yang menjadi warganegara Persekutuan mencanak naik sehingga 822,567 orang.

Pada hari ini keabsahan kewarganegaraan sebahagian besar kaum bukan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dari aspek perundangan dipertikai. Isu sama ada setiap daripada mereka mendapat Kad Pengenalan Kewarganegaraan secara sah menurut tatacara yang ditetapkan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mahupun Perlembagaan Persekutuan mula dibangkit.

Hal ini berlaku kerana masih ramai dalam kalangan mereka sungguhpun bertaraf warganegara Malaysia tetapi masih mempertikaikan prinsip Perlembagaan yang menjamin kedudukan bangsa asal di Tanah Melayu.¹⁵⁰ Peningkatan rakyat Persekutuan dari kaum China yang berlaku secara mendadak adalah hasil dari inisiatif parti MCA yang melaksanakan '*citizenship drive*' selama setahun, mengambil kesempatan daripada pelonggaran syarat untuk menjadi warganegara. Parti MCA ditubuhkan dalam tahun 1949, sejurus selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

150 Peningkatan rakyat Persekutuan dari kaum China yang berlaku secara mendadak adalah hasil dari inisiatif parti MCA yang melaksanakan '*citizenship drive*' selama setahun, mengambil kesempatan daripada pelonggaran syarat untuk menjadi warganegara. Parti MCA ditubuhkan dalam tahun 1949, sejurus selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

BAB 8 PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA

Mukadimah kepada perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menzahirkan hasrat kerajaan British dan Raja Melayu supaya wujud kemajuan yang akhirnya membawa kepada berkerajaan sendiri. Antara kandungan kertas kabinet kerajaan British pada bulan Ogos tahun 1950 adalah seperti berikut; *“Dengan berakhirnya perang, dasar kerajaan Baginda di Asia Selatan dan Asia Tenggara adalah untuk menggalakkan aspirasi rakyat yang sah untuk kemerdekaan.”*

Bagaimanapun kerajaan British akan hanya melayan tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu apabila cita-citanya untuk mewujudkan bangsa Malayan bersatu dijadikan dasar oleh mana-mana pihak yang memperjuangkan kemerdekaan tersebut. Bangsa Malayan bersatu bakal menterjemahkan prinsip kuasa Inggeris sebagaimana yang disebutkan sebelum ini:

*“England bersedia untuk memberikan kemerdekaan kepada kesemua jajahnya selepas wujudnya suatu generasi yang mengamalkan budaya Inggeris (sekular dan liberal) yang bersedia untuk mengambil alih (dari Britain) tetapi tidak sekali-kali Britain hatta sesaat pun berhasrat membiarkan wujudnya kerajaan Islam yang merdeka.”*¹⁵¹

151 Cromer, Modern Egypt, op.cit, hlm 565

“Akhirnya, dengan galakan pengaruh Inggeris, perlahan-lahan wujud di Malaya GERAKAN NASIONALISME SEKULAR. Gerakan-gerakan ini menyebarkan Fahaman Kenegaraan dan undang-undang (sekular) yang menolak bukan hanya sistem kerajaan BERAJA (tradisi), tetapi juga idealisme pemikiran Syariah dalam masyarakat yang (selama ini) diperintah oleh undang-undang Allah.”

Wujudnya banyak gerakan nasionalisme sekular bermula awal abad ke 20 Masihi, kaum bangsawan yang berorientasikan pemikiran barat, pemberian kewarganegaraan umum kepada golongan imigran secara terbuka dan beramai-ramai, kesetiaan kepada raja, agama dan tanahair digantikan dengan kesetiaan hanya kepada tanah Persekutuan (ciri dominan kaum imigran yang menjadi warganegara), semua ini akan memastikan cita-cita British bakal menjadi realiti. Namun begitu, menurut Wan Ahmad Fauzi (2020), British sedar bahawa mereka tidak boleh menyingkir atau mengabaikan undang-undang bertulis sedia ada di Tanah Melayu. Mereka terpaksa akur setiap pembaharuan polisi mahupun perubahan system politik termasuklah sistem pilihanraya serta pembentukan dewan perundangan moden hendaklah melalui perkembangan perlembagaan.

Bagaimanapun ada satu lagi masalah yang berlegar, iaitu prospek perkongsian politik kaum-kaum lain dengan orang-orang Melayu yang perlu ditangani untuk menyempurnakan misi di atas. Walaupun dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 yang buat pertama kalinya dalam sejarah orang-orang Melayu terpaksa berkongsi tanahair dengan kaum bukan Melayu melalui pemberian taraf kerakyatan umum, namun hakikatnya masih wujud jurang perkauman besar yang menyebabkan gagasan satu bangsa Malayan belum mampu diterjemahkan sepenuhnya dalam kehidupan semua masyarakat di Tanah Melayu ini.

Dari perspektif kaum bukan Melayu, syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu yang diperketatkan berbanding dalam Malayan Union adalah suatu perkara yang menjadi punca kemarahan mereka. Orang-orang bukan Melayu merasakan wujud diskriminasi kaum dan sebenarnya kehadiran mereka tidak diperlukan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Kebanyakan dasar-dasar yang termaktub dalam Persekutuan Tanah Melayu juga dikatakan telah

mengembalikan keadaan sosio-politik orang-orang Melayu sepertimana zaman sebelum perang yang mereka anggap amat merugikan kaum bukan Melayu. Kepercayaan ini menimbulkan rasa tidak puas mereka.

Masyarakat Melayu pula masih tetap mengingati peristiwa pahit pembentukan Malayan Union yang pertama kalinya dalam sejarah politik Melayu menggugat kedudukan mereka yang selama ini cukup selesa sebagai masyarakat peribumi. Kehadiran kaum imigran yang menuntut hak kerakyatan dan kesamarataan telah menimbulkan banyak ketegangan. Malahan wujud kesangsian kepada bukan Melayu kerana ancaman gerakan Komunis Malaya yang kebanyakan ahlinya merupakan orang-orang Cina.

Dalam hal ini, sebagai parti politik yang diterima oleh kuasa British, kepimpinan teratas UMNO telah mula menunjukkan sikap pragmatik dalam menangani isu pembentukan pentadbiran baru selepas kemerdekaan Tanah Melayu yang dijangkakan nanti. Apapun, pentadbiran baru tidak akan mengambil sistem tradisional (pembesar warisan) manakala pendirian yang lebih longgar diambil tentang status kaum imigran di Tanah Melayu yang kini telah menjadi warga Persekutuan Tanah Melayu.

Kepimpinan teratas UMNO, khususnya Dato' Onn Jaafar yang pada awal penubuhan parti politik tersebut di tengah-tengah kemarahan segenap lapisan masyarakat Melayu atas penubuhan Malayan Union, telah mengambil dasar pro-Melayu, berjuang atas prinsip Tanah Melayu adalah milik orang Melayu, mempertahankan status orang-orang Melayu sebagai penduduk peribumi asal serta kedaulatan Institusi Raja-raja Melayu, namun kemudian telah mengubah pendiriannya atas keperluan sosio-politik semasa.

Tuntutan seterusnya berlaku dengan penglibatan Dato' Onn Jaafar dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum yang dibentuk pada tahun 1949 selepas terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu, untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu perkauman yang waktu itu sedang menghadapi kemelut disebabkan masih wujud banyak ketegangan diantara orang-orang Melayu dan bukan Melayu, khususnya orang-orang Cina yang masih tidak berpuashati terhadap dominasi politik orang-orang Melayu.

Kuasa British telah menggerakkan suatu inisiatif untuk melibatkan semua kaum di Tanah Melayu dalam merealisasikan gagasan bangsa Malayan bersatu dengan pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum pada awal tahun 1949 terdiri dari 6 orang perwakilan Melayu, 6 orang perwakilan Cina, setiap seorang perwakilan bagi kaum Eropah, Ceylon, India dan Serani.

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA HUBUNGAN ANTARA KAUM 1949

Perwakilan Melayu :

Dato' Onn Jaafar

Haji Muhammad Eusoff Zainal Abidin

Mohd Salleh Hakim Dato' Wahab

Dr Mustafa

Perwakilan Cina :

Khoo Teck Ei

Tan Cheng Lock

Leong Yew Koh

Toh Eng Hoe

Dr Ong Huck Chye

Wakil Eropah :

Ronald Bradell

Wakil Ceylon :

E.E C. Thuraisingham

Wakil Serani:

Dr J.S Goonting

Wakil India :

L.R Doraisamy Iyer (*Straits Budget 1949*)

Cogankata Jawatankuasa tersebut iaitu 'Persamaan dan Keadilan untuk semua orang di Tanah Melayu' memperlihatkan hasrat terpendam kuasa British untuk mengkedepankan kepentingan kaum-kaum bukan Melayu yang kini berkongsi satu bumbung dengan orang-orang Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu. Alasannya adalah mewujudkan suasana masyarakat berbilang kaum yang muhibbah, berharmoni dan bersatu padu. Jawatankuasa ini

berpegang kepada tiga objektif utama iaitu:

1. Mengkaji hubungan antara kaum secara mendalam.
2. Membetulkan keadaan ekonomi, politik dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti di dalam negara ini.
3. Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibbah di kalangan semua penduduk tetap di negara ini.¹⁵²

Objektif kedua Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum di atas sebenarnya menterjemahkan hasrat British untuk menyelesaikan isu “*stateless persons*” iaitu kaum pendatang yang mendiami di Negeri-negeri Melayu. Di samping itu, British ingin memperkenalkan sejauh mungkin sistem Westminster dalam kerangka watan Tanah Melayu. Hal ini kerana pada kepercayaan mereka sistem Westminster boleh mengelakkan kezaliman raja terhadap rakyat berdasarkan apa telah berlaku di England sebelum kedaulatan raja mereka berpindah ke Parlimen. Dengan membuka peluang kepada setiap orang yang diterima sebagai warganegara untuk menyertai pilihanraya maka diharapkan pembelaan akan terjamin buat mereka semua kelak. Dari titik itu maka akan terbentuklah semua Negara bangsa yang bersatu padu tanpa ada perbezaan.

Setelah selesai beberapa sesi perbincangan diantara anggota Jawatankuasa Antara Kaum beberapa input yang dipersetujui bersama telah diketengahkan kepada pihak British, iaitu :

1. Matlamat Persekutuan Tanah Melayu adalah berkerajaan sendiri dan negara yang berdaulat, dengan bangsa Malayan untuk warganegaranya.
2. Sebagai langkah pertama untuk mencapai matlamat di atas, persiapan perlu dilakukan untuk memperkenalkan pilihanraya di pelbagai peringkat perundangan dalam Persekutuan secepat mungkin dan bergantung pada keadaan tempatan.
3. Supaya pengalaman pilihanraya diperolehi secara berperingkat dan bersifat progresif, perlu diadakan di kawasan perbandaran dan kemudiannya untuk negeri dan negeri Selat apabila bersedia. Seterusnya ia

¹⁵² Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/177, Arkib Negara Malaysia

perlu diperkenalkan untuk Majlis Perundangan Persekutuan. Oleh kerana persiapan untuk Undang-Undang Pilihanraya untuk Majlis Perundangan Persekutuan akan mengambil masa yang lama, perundangan yang wujud kini perlulah memberikan pertimbangan untuk perkara tersebut.

4. Kelayakan dalam pilihanraya perlu didasari Kerakyatan Persekutuan walaupun keputusan akhir mengenai perkara ini bergantung kepada pihak lain dan keadaan tempatan.

5. Bahasa Melayu dan Inggeris perlu diajar sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (CO 717/183)

Cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mengenai pembentukan negara bangsa adalah untuk merapatkan jurang perbezaan yang ada. Secara realitinya, kerajaan British sedar bahawa untuk merealisasikan dasar negara berbangsa Malayan yang bersatu padu adalah sukar secara praktis kerana wujudnya kepentingan-kepentingan kaum yang sudah tentunya berbeza, malahan sesetengahnya bertentangan sehingga boleh mencetuskan konflik-konflik perkauman.

Menurut Malcolm MacDonald:

“Perbincangan tentang bangsa mencerminkan hasrat yang begitu dihargai untuk sesuatu yang lebih penting daripada pengertian ‘warganegara’ itu sendiri.”

(CO 717/183).

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum juga menegaskan aspirasi anggotanya iaitu *“untuk membawa orang yang akan membentuk bangsa Malayan kedalam kelompok Kerakyatan Persekutuan, dan semakin ramai mereka ini, semakin baik”* (CO 717/183)

Cadangan tentang konsep ‘negara bangsa Malayan’ yang diutarakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum dianggap sebagai suatu perkembangan positif oleh pihak British, dan kemudiannya telah menetapkan idea tersebut sebagai landasan yang perlu dilalui oleh mana-mana parti politik yang berhasrat memperjuangkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Rundingan-rundingan yang diadakan dalam jawatankuasa tersebut memperlihatkan beberapa idea baru yang sangat menggembarakan British.

Jikalau tidak berapa lama dahulu perwakilan Melayu hanya bersedia memberikan konsesi kerakyatan kepada kaum bukan Melayu, tetapi sekarang telah bersatu hati dengan semua anggota-anggota jawatankuasa lain (iaitu perwakilan Cina, Eropah, Ceylon, Serani dan India) untuk membentuk sebuah 'negara bangsa', iaitu bangsa Malayan yang berbeza konsep daripada bangsa-bangsa bercirikan etnik.

Pendirian perwakilan Melayu kali ini amat berbeza dengan pendirian mereka dalam perjanjian Persekutuan 1948, yang mana pada waktu itu dalam hal kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu keputusan telah dibuat bahawa kerakyatan Persekutuan bukanlah suatu bangsa dan tidak boleh dikembangkan menjadi kesatuan 'bangsa tunggal' iaitu bangsa Malayan, namun kali ini gagasan tersebut diterima oleh perwakilan Melayu.

Bertitik tolak daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa, British telah membuat pindaan kepada Undang-Undang Perjanjian Persekutuan yang memperkenalkan kerakyatan negeri yang melonggarkan syarat untuk menjadi warganegara Persekutuan samada melalui sistem undang-undang atau pendaftaran. Kesannya dapat dilihat apabila terdapat penambahan warga Cina sebanyak 55% selepas berlakunya pindaan tersebut dalam tahun 1952.

Satu lagi keputusan Jawatankuasa Hubungan Kaum yang memberangsangkan British adalah ideanya untuk memperkenalkan sistem pilihanraya yang mana kepimpinan bangsa Malayan akan dipilih. Ianya memberikan implikasi yang besar, iaitu mewujudkan perkongsian kuasa politik orang-orang Melayu dengan bukan Melayu.

Bagaimanapun, jawatankuasa juga bersetuju dengan sebulat suara bahawa kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai bangsa asal wajar dikekalkan bagi memastikan dominasi politik Mereka pada masa hadapan. Ini berikutan Tanah Melayu adalah satu-satunya 'rumah' orang-orang Melayu jika dibandingkan dengan kaum Cina dan India yang mempunyai rumah asal mereka di negeri China dan India. Orang Melayu diakui sebagai kelompok peribumi yang mula-mula tiba dan menetap di tanah ini dan sembilan Raja-

raja Melayu telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai pemerintah-pemerintah yang berdaulat. Malahan Tanah Melayu adalah milik orang Melayu secara *de facto* dan *de jure*,¹⁵³ atau dalam maksud melalui fakta dan perundangan.

Namun pada hemat British, ini bukan pula bermakna hak istimewa orang-orang Melayu akan mengatasi kepentingan membentuk negara bangsa yang adil dan saksama, bermakna semua rakyat dalam gagasan bangsa Malayan bersatu yang ideal akan tetap menikmati status, keutamaan dan peluang yang sama di dalam Persekutuan tanpa mengira bangsa asal mereka. Satu perkara yang ditegaskan oleh Wan Ahmad Fauzi (2020), apa jua keputusan jawatankuasa atau laporan suruhanjaya yang dilantik, itu semua bertaraf usul yang tertakluk pada persetujuan Raja-Raja Melayu.

Pendirian Dato' Onn Jaafar

Idea-idea radikal yang diketengahkan oleh mesyuarat Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum memberikan implikasi yang besar kepada halatuju politik Dato' Onn Jaafar sebagai Presiden UMNO. Pendirian Dato' Onn Jaafar untuk menerapkan cadangan-cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ke dalam UMNO, khususnya dalam isu pembentukan negara bangsa yang merdeka telah memeranjatkan ahli-ahli UMNO.

Sebagai natijah daripada sikap Dato' Onn yang pragmatik, melihat kepada perubahan percaturan Tanah Melayu yang kini perlu mengambil kira isu dan kepentingan kaum lain yang besar bilangannya dan sudah cukup selesa menjadikan Tanah Melayu sebagai tanahair mereka yang baru, yang melihat ketegasan pendirian British dalam hal pemberian taraf kewarganegaraan kepada mereka, yang akur bahawa kedegilan orang-orang Melayu untuk berkompromi dalam isu-isu yang melibatkan kaum bukan Melayu sebagai sesuatu yang berpotensi menggugat kestabilan Tanah Melayu dalam jangka panjang, maka Dato' Onn telah mencetuskan idea yang dianggap terlalu radikal dalam pemikiran orang-orang Melayu, iaitu membuka keanggotaan UMNO kepada kaum bukan Melayu sebagai mencerminkan pendirian barunya itu.

¹⁵³ Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/173

Dato' Onn Jaafar berpendapat bahawa kemerdekaan daripada British tidak boleh dicapai hanya melalui perjuangan UMNO dan MCA. Oleh itu, pada tahun 1951 Dato' Onn memujuk UMNO supaya menerima orang bukan Melayu menjadi ahli UMNO. Dato' Onn cuba menjadikan UMNO sebagai sebuah parti yang menggabungkan semua kaum di Tanah Melayu.

Sebagai sebuah parti politik yang semata-mata memperjuangkan hak dan kepentingan orang-orang Melayu dan institusi-institusi Melayu tradisional, tindakan Dato' Onn mengketengahkan idea untuk membuka UMNO kepada penyertaan kaum bukan Melayu dilihat sebagai suatu pengkhianatan besar. Sebilangan besar ahli-ahli UMNO telah menolak bulat-bulat kemahuan Dato' Onn yang tidak lama dahulu dianggap sebagai wira Melayu dalam menentang gagasan Malayan Union serta mempertahankan hak- orang-orang Melayu dan raja-rajanya.

Pada masa itu Dato' Onn Jaafar tidak mempunyai pilihan lain selain meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO. Suatu 'eksperimen' telah dilakukannya selepas itu, iaitu menubuhkan Parti Malayan Merdeka (IMP) pada 16 September 1951, yang membuka keahlian pelbagai kaum¹⁵⁴ sebagai menyahut cadangan Jawatakuasa Hubungan Antara Kaum. Parti itu juga telah berpegang kepada prinsip 'meMalayakan perkhidmatan awam' dan 'reformasi sistem feudal di Negeri-negeri Melayu'¹⁵⁵ bermatlamat membawa lebih banyak kaum bukan Melayu kepada bidang pentadbiran dan perkhidmatan awam yang selama ini dikuasai oleh orang-orang Melayu dan kaum bangsawan. Malahan Parti Malayan Merdeka (IMP) juga berpegang kepada dasar pembentukan kerakyatan umum, iaitu kerakyatan Malaya dengan taraf persamaan kaum.

¹⁵⁴ Dato' Onn Jaafar pernah cuba mengketengahkan idea membuka pintu parti UMNO untuk kaum- kaum lain sebagai memenuhi wawasan bangsa Malayan bersatu. Namun hasrat tersebut ditentang habis-habisan oleh ahli-ahli UMNO sehingga Dato' Onn terpaksa meletakkan jawatan dan menubuhkan parti IMP yang berbilang kaum bagi melaksanakan hasrat tersebut.

¹⁵⁵ Adalah sesuatu yang sangat mengecewakan apabila rata-rata pejuang nasionalis Melayu era tersebut menganggap pemerintahan Raja-raja Melayu tradisional berteraskan sistem Feudal seperti monarki di Eropah! Andaian ini tidak mencerminkan fakta sebenar terkait bentuk pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu lama.

Bagi orang-orang Melayu, dasar ini dianggap sebagai pengembalian kepada Malayan Union. Sebagai respon kepada dasar-dasar yang diketengahkan oleh Dato' Onn Jaffar dalam parti barunya itu, ahli-ahli UMNO telah memantapkan sokongan kepada Presiden UMNO yang baru, iaitu Tunku Abdul Rahman yang dianggap sebagai tokoh nasionalis dan pejuang hak dan kepentingan Melayu yang sebenar.¹⁵⁶

Ironisnya, kebanyakan orang-orang Cina juga tidak berminat untuk menyertai IMP yang menunjukkan dasar politik bukan perkauman. Mereka lebih berminat untuk melibatkan diri dalam parti-parti politik berasaskan perkauman seperti MCA¹⁵⁷ yang bukan sahaja berhasrat menjaga kepentingan kaum Cina, malahan dalam masa yang sama cenderung kepada menyokong matlamat British untuk membentuk bangsa Malayan bersatu.

Walaupun pada peringkat awal pendirian UMNO dan MCA terhadap konsep bangsa Malayan adalah bertentangan, namun UMNO kemudiannya telah mengalami perubahan dasar.

Presiden UMNO yang pertama, iaitu Dato' Onn Jaafar telah mengambil jalan yang berasingan dari halatuju parti kerana terpengaruh dengan cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara kaum yang dianggotainya, iaitu pembentukan bangsa Malayan yang bersatu sehingga mengambil keputusan membuka pintu parti kepada kemasukan orang-orang bukan Melayu. Apabila cadangan beliau ditolak oleh ahli-ahli UMNO, Dato' Onn telah meninggalkan parti tersebut lalu membentuk parti IMP sebagai instrumen pelaksanaan prinsip barunya.

¹⁵⁶ Tuanku Abdul Rahman pernah berucap seperti berikut ; “ UMNO adalah pertubuhan kebangsaan Melayu dengan matlamat untuk memelihara bangsa Melayu dan Tanah Melayu. Negara ini milik orang Melayu dan masyarakat Melayu perlu diberikan hak istimewa. Terdapat cadangan supaya kemerdekaan diberikan kepada bangsa Malaya. Siapakah bangsa Malayan ini? Daripada bangsa Melayu tanah ini diambil dan kepada bangsa Melayulah tanah ini perlu dipulangkan. Biarkan bangsa Melayu sendiri yang menentukan mengenai bangsa Malayan ini. Kita mestilah dengan tegasnya mematuhi semangat kemelayuan dan kita mesti menuntut mereka (kerajaan British) menyerahkan kedaulatan negara ini kepada kita.”

¹⁵⁷ MCA atau nama penuhnya Malayan Chinese Association ditubuhkan pada 27 Februari 1949. MCA sering dianggap sebagai parti yang secara tidak langsung dibentuk oleh kerajaan British sebagai suatu alternatif kepada Parti Komunis Malaya dalam mendapatkan sokongan masyarakat Cina semasa darurat.

Ironisnya Tunku Abdul Rahman yang meneruskan perjuangan UMNO untuk menolak gagasan bangsa Malayan bagaimanapun kemudian telah menghadapi situasi yang sama dengan Dato' Onn Jaafar iaitu mula bersikap pragmatik dalam isu yang melibatkan pembentukan bangsa Malayan.¹⁵⁸

Hasilnya, wujud sebuah perikatan diantara parti UMNO dan Persatuan Cina Malaysia (MCA) yang diterajui oleh Tunku and Tan Cheng Lock pada awal tahun 1952. Pada peringkat awal idea penubuhan perikatan UMNO-MCA bukanlah didasari prinsip-prinsip parti yang dikongsi bersama, kerana kedua-dua parti tersebut adalah parti berasaskan kaum yang mempunyai kepentingan masing- masing. Tujuan perikatan adalah lebih bersifat praktikal dan pragmatik berasaskan kebimbangan kepada prospek kemenangan parti IMP pimpinan Dato' Onn Jaffar dalam pilihanraya bandaraya Kuala Lumpur nanti¹⁵⁹ kerana berpegang pada dasar kerjasama dan kesatuan ahli-ahli yang berbilang kaum di bawah satu payungan.

Idea penubuhan perikatan UMNO-MCA dalam menghadapi pilihanraya bandaraya Kuala Lumpur dalam bulan Februari tahun 1952 telah memberi hasil yang lumayan, apabila mereka menang dalam pilihanraya tersebut, kemudian memberikan pelbagai implikasi.

Dari satu aspek, ianya menjadi suatu tamparan yang hebat kepada agenda Dato' Onn Jaafar untuk meMalayankan semua kaum sebagai suatu proses pengisian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu kelak. Jelaslah pada tahap tersebut semua kaum yang wujud dalam Persekutuan Tanah Melayu mahu terus memelihara kepentingan kaum masing-masing dan belum bersedia untuk berasilimasi dan berkongsi identiti sebagai satu bangsa tunggal berasaskan prinsip Negara Bangsa.¹⁶⁰

158 Tunku Abdul Rahman pernah berkata ; "*Sepanjang yang kami sedari, kami tidak bersedia untuk dipanggil sebagai Malayan.*" Funston, N.J, Malay Politics in Malaysia, a study of the United Malays National Organisations and Party Islam, KL, 1980

159 Pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur telah diadakan untuk memilih ahli-ahli Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Pilihanraya ini merupakan susulan daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

160 Presiden MCA, Tan Cheng Lock pernah menegaskan : "*Orang Cina di Tanah Melayu mestilah secara politik bersatu dengan masyarakat lain, tetapi dari segi kebudayaan, intelek dan spiritual mereka mestilah bebas sebagai orang Cina*". (Machester Guardian 1952)

Apatah lagi kepentingan kaum-kaum yang berlainan ini seringkali pula berkonflik antara satu sama lain menyebabkan keperluan untuk memikirkan satu formula unik yang boleh memuaskan tuntutan semua pihak sehingga tidak wujud lagi unsur-unsur yang menimbulkan ketegangan-ketegangan kaum.

Selain itu, dengan sokongan rakyat Kuala Lumpur sehingga menang besar dalam pilihanraya bandaraya, perikatan UMNO-MCA mendapat idea untuk melanjutkan kerjasama tersebut. Kerjasama yang wujud telah menyebabkan secara beransur-ansur, kepimpinan UMNO mula menerima dasar bangsa Malayan bersatu. Dalam makna kata, dasar yang tidak diterima oleh parti UMNO sebelum terbentuknya perikatan UMNO-MCA kini berubah. Atas nama Parti Perikatan yang diterajui Tunku Abdul Rahman, UMNO mula menguar-uarkan kepentingan bangsa Malayan. UMNO mengeluarkan kenyataan seperti berikut :

“Tujuan perikatan UMNO-MCA adalah untuk melipatkan usaha orang Melayu dan Cina di Malaya bagi membina sebuah masyarakat dalam negara ini supaya orang yang duduk dalamnya mengecapi nikmat keamanan dan kebebasan serta kemakmuran dan kesejahteraan.”

“ UMNO dan MCA setuju dengan sepenuhnya atas pendapat yang menyatakan bahawa tujuan itu hanya boleh dilaksanakan dengan hidupnya sebuah bangsa Malaya, yang warganegaranya daripada pelbagai kaum, hidup dalam saling mengerti dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain dan menumpukan taat setia yang satu kepada negara ini.”¹⁶¹ (UMNO/SG 35/53)

Peralihan dasar UMNO mula dilihat secara jelas dalam Konvensyen Kebangsaan yang dianjurkan Parti Perikatan UMNO-MCA pada 23 Ogos dan 11 Oktober 1953. Konvensyen tersebut bertujuan membuka peluang kepada

¹⁶¹ Kenyataan yang mendidik umat Melayu untuk mengubah kesetiaan tradisi kepada Raja Melayu dalam konteks “Raja adalah kerajaan”, malahan hanya menganjurkan penumpuan kesetiaan semua warganegara hanya kepada tanahair dalam gagasan Negara Bangsa adalah suatu yang bukan ciri jatidiri asal orang-orang Melayu

pucuk pimpinan parti-parti dalam Persekutuan Tanah Melayu untuk berkumpul dan merencanakan masa hadapan negara ini. Dalam Konvensyen tersebut, sebuah Jawatankuasa Khas telah dibentuk. Senarai anggota jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut;

SENARAI ANGGOTA JAWATANKUASA KONVENSYEN KEBANGSAAN 1953

Wakil UMNO

Tunku Abdul Rahman
Dr Ismail Abdul Rahman
Mohd Yassin Dato' Abdul Rahman
Mohd Daud Haji Salleh
Ahmad Haji Abdul Rahim

Wakil MCA

Kolonel H.S Lee
Leong Yew Koh
S.M Yong
Tan Siew Sin
Ong YokeLin (CO 1022/191)

Perkara terpenting yang dibincangkan oleh jawatankuasa ini adalah syarat-syarat kelayakan mengundi dalam pilihanraya umum. Jawatankuasa ini berpendapat sekurang-kurangnya bagi tujuan pilihanraya, prinsip kerakyatan jus soli perlu dilaksanakan. Mereka yang dicadangkan layak untuk mengundi adalah :

1. Rakyat Raja
2. Persekutuan
3. Sesiapa yang dilahirkan dalam Persekutuan dan menetap di Tanah Melayu 5 tahun sebelum pilihanraya
4. Rakyat British yang lahir di Singapura dan menetap di Tanah Melayu 5 tahun sebelum pilihanraya (Straits Budget 1953).

Berdasarkan syarat kelayakan pengundi seperti yang dicadangkan di atas, bermakna buat pertama kalinya orang bukan Melayu diberi hak perkongsian

dan campurtangan politik Tanah Melayu yang selama ini adalah eksklusif kepada orang-orang Melayu sahaja. Dengan keputusan tersebut juga bermakna UMNO telah memberikan konsensi yang paling besar kepada kaum pendatang di Tanah Melayu, sekurang-kurangnya dalam menghadapi pilihanraya umum tahun 1955 yang kini memberikan kuasa tawar menawar politik yang sama kepada setiap kaum dalam Persekutuan Tanah Melayu. Seperti yang diharapkan, formula kerjasama diantara parti-parti politik berdasarkan kaum UMNO-MCA-MIC¹⁶² telah menang besar dalam pilihanraya umum pada tahun 1955 dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Dengan formula kemenangan ini, maka dalam tahun 1957 Parti Perikatan telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang bebas daripada parti ahlinya. Ia wujud dalam bentuk gabungan yang longgar, tidak disatukan pada program-program yang tertentu dan hanya terikat oleh semangat setiakawan yang wujud antara pemimpin ketiga-tiga parti tersebut.

Selepas pilihanraya umum 1955, Kabinet Tanah Melayu yang pertama telah dibentuk dengan pengagihan jawatan menteri-menteri diantara parti-parti komponen Perikatan. Daripada keseluruhan jawatan menteri, empat jawatan diagihkan kepada parti MCA dan MIC sebagai menunjukkan sikap kerjasama dan kompromi terutamanya oleh parti UMNO sebagai parti induk.

Kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihanraya umum 1955 menjadi titik tolak bukan sahaja kepada kerjasama erat antara parti yang berlainan kaum, namun yang paling penting adalah kerana Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC telah berjaya mendapatkan satu 'winning formula' iaitu dalam bentuk kewujudan mekanisme dalaman parti untuk bergerak ke arah penerimaan bangsa Malayan bersatu yang selama ini cukup ditentang oleh UMNO sendiri. Perkembangan inilah yang cukup menggembirakan kerajaan British.

Sebagai parti politik yang menang besar dalam pilihanraya umum 1955, Parti Perikatan telah menggunakan kuasanya untuk memohon ditubuhkan

¹⁶² Konsep penggabungan parti berasaskan kaum iaitu UMNO dan MCA yang menang dalam Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur 1952 telah menarik Kongres India Se-Malaysia atau MIC untuk memasuki perikatan ini.

sebuah Suruhanjaya Khas bebas yang memberi cadangan tentang apa jua pindaan dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam rangka mencapai matlamat kemerdekaan dan berkerajaan sendiri. Parti Perikatan juga berpeluang meletakkan pengaruh yang besar dalam pindaan-pindaan perlembagaan termasuk isu yang melibatkan kepentingan bangsa Malayan yang kini menjadi dasar yang dikongsi bersama UMNO, MCA dan MIC.

Susulan daripadanya, Suruhanjaya Reid telah ditubuhkan yang berperanan merangka Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu sebelum Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan daripada Britain pada 31 Ogos 1957.

BAB 9

PARADIGMA BARU DALAM PERCATURAN POLITIK TANAH MELAYU

Penjelmaan rupa wajah bangsa Melayu telah melalui proses evolusi panjang yang asalnya dikaitkan dengan ciri etnik kaum-kaum peribumi yang bertebaran di Asia Tenggara khususnya di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu, tidak pernah terpisah dari raja-rajanya. Apabila mendakap agama Islam, menjadi sebati sehingga jasadnya Melayu, rohnya Islam, Melayu itu Islam. Jiwa serta pemikiran bangsa Melayu telah diislamisasikan khususnya oleh para mubaligh dan alim-ulama sufi dari jazirah Arab khususnya dari titisan Rasulullah ﷺ sendiri,¹⁶³ dimurnikan kepercayaan, peradaban dan adat budayanya dengan perisian Islam berintisarikan rohaniyyat kental.

Bandingkannya dengan impian pembentukan suatu rupa wajah ‘bangsa Malayan’ yang dicita-citakan oleh kuasa Inggeris bermula era Perang Dunia Kedua apabila kuasa tersebut mula mencari-cari idea tentang bentuk pentadbiran baru yang ingin dilaksanakan dalam negeri-negeri di Tanah Melayu yang masa itu terbahagi kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.

Walaupun pada asalnya, gagasan bangsa Malayan bersatu adalah konsep yang diilhamkan oleh para pentadbir British khususnya yang pernah berkhidmat

¹⁶³ Tun Suzana, ‘Zuriat Rasulullah ﷺ dan Raja-Raja Melayu’, Crescent News KL, 2014

di Tanah Melayu, bagaimanapun identiti, rupa wajah serta perisiannya adalah persoalan-persoalan yang masih samar. Seinggalah terbentuknya Jawatankuasa Perhubungan Kaum pada 1949 selepas terdirinya Persekutuan Tanah Melayu dari runtuhannya Malayan Union.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum yang dibentuk untuk memberi cadangan dan input-input yang sesuai dalam perkara menangani isu-isu kaum yang waktu itu selalu berkonflik, adalah terdiri daripada perwakilan-perwakilan Melayu, Cina, Eropah, Ceylon, Serani dan India.

Jika dilihat daripada komposisi keanggotaan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, ternyata perwakilan Melayu (yang seharusnya mewakili kepentingan Islam juga) ternyata lebih sedikit bilangannya daripada perwakilan bukan Melayu iaitu 6 orang berbanding 9 orang.

Dalam hal ini, walaupun tidak diketahui secara tepat tentang latarbelakang dan pendidikan setiap anggota perwakilan Melayu dalam jawatankuasa tersebut, kecuali mungkin Dato' Onn Jaafar, namun apabila dilihat pada dasar kerajaan British yang “... *bersedia untuk memberikan kemerdekaan kepada kesemua jajahannya selepas wujudnya suatu generasi yang mengamalkan budaya Inggeris (sekular dan liberal)*“, maka bolehlah diandaikan bahawa anggota-anggota jawatankuasa pilihan British ini telahpun disaring secukupnya untuk memenuhi kriteria bagi mencapai matlamat tersebut.

Dengan komposisi Jawatankuasa Hubungan Kaum yang majoritinya bukan orang-orang Melayu mahupun Islam, sedangkan perwakilan Melayu pula tidak dimasukkan tokoh-tokoh pemikir agama dan budaya yang mampu memberikan input-input penting terkait hal-ehwal dan kepentingan umat Melayu dan Islam secara lebih menyeluruh, adakah cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut terjamin dapat menjaga kepentingan umat Melayu dan Islam dalam Persekutuan Tanah Melayu?

Apakah dalam tangan mereka ciri-ciri suatu rupa wajah bangsa baru, iaitu bangsa Malayan dapat dikonsepsualisasikan tanpa mengkompromi teras peradaban Melayu Islam yang diwarisi, dihidup serta dimakmurkan semenjak beratus-tahun oleh kerajaan-kerajaan tradisional Tanah Melayu?

Contohnya, cogankata yang dipilih oleh Jawatankuasa Hubungan Kaum ini adalah *'Persamaan dan Keadilan untuk semua orang di Tanah Melayu'*, suatu cogankata yang nampak muluk dan murni secara zahirnya, tetapi hakikatnya mempunyai tafsiran yang cukup berbeza dari sudut pandangan Islam berbanding takrifan hak asasi berteraskan pemikiran barat.

Jelas di sini bahawa dari proses awal gerak kerja British untuk mencari suatu senarai formula yang dapat dijadikan perlembagaan serta mencipta identiti baru bangsa Malayan bersatu merupakan peralihan paradigma yang mengeneipkan pandangan-pandangan tokoh pemikir dan cendekiawan yang mewakili peradaban Melayu Islam tradisional. Bermakna dari masa inilah kuasa British telah mula menjinak-jinakkan semua pihak di Tanah Melayu untuk meletakkan pandangan-pandangan, hukum-hakam mahupun semangat Islam luar dari kerangka pemikiran serta pentadbiran warganegara. Kini dasar SEKULARISME telah menjelmakan rupanya yang hodoh dalam politik Tanah Melayu menggantikan Fiqh Kesultanan Melayu yang dilaksanakan dalam kerajaan-kerajaan Melayu lama.

Seperti yang dijangkakan, dua cadangan besar yang terhasil daripada rundingan-rundingan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum berpotensi memberikan anjakan paradigma yang besar terhadap lanskap politik Persekutuan Tanah Melayu dan memberikan impak negatif yang cukup besar kepada nasib serta masa hadapan umat Melayu di tanah air ini. Cadangan yang dimaksudkan itu adalah;

Pertama: Pembentukan suatu 'bangsa Malayan' berasaskan ciri kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka nanti, berteraskan kesetiaan kepada tanahair Malaya.¹⁶⁴

Kedua : Mewujudkan satu sistem baru dalam perlantikan golongan pentadbir bercirikan demokrasi melalui pilihanraya bagi menggantikan

¹⁶⁴ Konsep ini merupakan peralihan paradigma yang besar dalam pemikiran orang Melayu yang secara tradisinya semenjak peristiwa Wa'adat Sang Sapurba-Demang Lebar Daun telah mengiktiraf, bertumpu, berpaksi serta bertaat setia kepada raja sebagai pemegang kuasa politik masyarakat. Identiti, jatidiri, kemuliaan, maruah bangsa, martabat dan kedudukan, semua ini terikat dengan entiti kerajaan yang tonggakanya adalah Sang Raja.

cara tradisional iaitu sistem perlantikan berdasarkan warisan dan restu Sultan seperti perlantikan Bendahara, Temenggong dan sebagainya.

Anggota Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum juga mencadangkan supaya ciri kelayakan warganegara Persekutuan diperluaskan lagi dari yang sedia ada bagi membuka peluang kepada lebih ramai kaum-kaum bukan Melayu untuk menjadi rakyat Persekutuan.

Jawatankuasa tersebut menegaskan: *“Yang ingin kami lakukan adalah untuk membawa orang yang akan membentuk bangsa Malayan ke dalam kelompok Kerakyatan Persekutuan dan semakin ramai mereka, semakin baik.”* (CO 717/183)

Cadangan Jawatankuasa untuk melonggarkan syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu telah diterima oleh Raja-Raja Melayu sehingga memperkenalkan Undang-undang Perjanjian Persekutuan (Pindaan) pada tahun 1952. Kesan darinya dapat dilihat dalam dua pilihanraya umum yang diadakan untuk mencorakkan sistem kerajaan Persekutuan yang baru berdasarkan ciri demokrasi. Dalam pilihanraya 1955, jumlah pengundi Melayu adalah 84% tetapi dalam pilihanraya 1959, jumlah tersebut berkurangan kepada 56.8%. Dalam masa yang sama, pengundi bukan Melayu telah meningkat daripada 16% kepada 43.2%¹⁶⁵.

Bermakna buat pertama kalinya dalam sejarah politik orang-orang Melayu, kaum pendatang mempunyai hak yang sama dengan peribumi Melayu, pandangan- pandangan mereka mesti diambil kira dalam menentukan dasar dan halatuju negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Suatu masa dahulu orang-orang Melayu hidup sebumbung dengan kaum-kaum pendatang atas dasar memakmurkan ekonomi Tanah Melayu yang tidak pun menguntungkan mereka berbanding kuasa British, namun keadaan ini tidaklah menggusarkan orang-orang Melayu kerana kaum pendatang ini hanya menumpang mencari rezeki di atas bumi bertuah ini atas budi bicara Raja-raja Melayu semata- mata dan mereka bukanpun rakyat Raja.

¹⁶⁵ Ramlah Adam, Pembentukan Kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1946-1956 dan kesannya kepada kedudukan politik orang Melayu, Malaysia dari segi sejarah 2(1):1-22

Kemudian dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu di atas runtuhnya Malayan Union, maka buat pertama kalinya Tanah Melayu tidak lagi menjadi milik tunggal orang-orang Melayu, orang-orang bukan Melayu dan bukan Islam kini tidak lagi berstatus menumpang, tetapi adalah ‘ahli sebungung’, walaupun tetap bukan keluarga bagi bangsa Melayu. Keadaan yang agak janggal ini tetap juga diterima mereka, mungkin kerana waktu itu syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu masih ketat sehingga ramai kaum imigran tidak berpeluang menjadi rakyat.

Namun cadangan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum untuk melonggarkan syarat kerakyatan Persekutuan sehingga berlaku pindaan pada Perlembagaan Persekutuan tahun 1952 telah menyebabkan orang-orang Melayu telah dipaksa menerima kaum pendatang ekonomi yang kali ini cukup besar bilangannya menjadi ‘ahli sebungung’.

Seperti yang dicatatkan sebelum ini, jika ditinjau pada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, seramai 2,294,000 orang Melayu menjadi rakyat Persekutuan secara automatik. Sedangkan daripada jumlah 2, 011,000 penduduk bukan Melayu, hanya 320,000 sahaja diterima sebagai rakyat. Namun pindaan Perlembagaan Persekutuan 1952 telah menyebabkan penerimaan kerakyatan bukan Melayu dalam jumlah yang cukup besar. Parti MCA yang menjalankan kempen ‘*citizenship drive*’ selama setahun telah meningkatkan jumlah kaum Cina sebagai warganegara sebanyak 822,567 orang, iaitu suatu jumlah yang kini mampu memberikan mereka kuasa tawar-menawar politik yang strategik jika diperkenalkan sistem demokrasi pilihanraya untuk memilih ahli-ahli parlimen.

Dan yang paling tragis, itulah yang kemudiannya terjadi dengan muafakat Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, untuk memperkenalkan sistem demokrasi melalui pilihanraya, yang memasukkan kaum bukan Melayu dan bukan Islam sebagai pengundi melalui pilihanraya umum bermula tahun 1955. Kini kuasa politik orang-orang Melayu pula yang menjadi barang agihan! Semenjak itu sistem politik tradisional Melayu bukan sahaja bertukar kepada sistem baru yang sebenarnya tidak mempunyai justifikasi kukuh dari perspektif *Fiqh Siyasi* (melaksanakan pemerintahan berdasarkan hukum

Islam) dan adat Melayu,¹⁶⁶ malahan sistem baru ini telah membuka ruang seluas-luasnya untuk campurtangan kaum bukan Melayu dan bukan Islam, yang asing dan janggal dari segi latarbelakang sejarah, pemikiran, peradaban serta adat budaya mereka.

Peningkatan bilangan rakyat Persekutuan dari kaum-kaum lain dengan jumlah yang besar memberikan mereka banyak kelebihan dalam sistem politik berwajah baru di Tanah Melayu, ditambah pula dengan kedudukan ekonomi mereka yang kukuh, jauh berbeza daripada tahap ekonomi orang-orang Melayu. Kini buat pertama kalinya kaum bukan Melayu menjadi RELEVAN, suara mereka tidak lagi boleh dipinggirkan, tuntutan-tuntutan mereka perlu diambil perhatian.

Gabungan sistem politik berasaskan ciri demokrasi untuk memilih golongan pentadbir serta kemasukan kaum bukan Melayu yang ramai sebagai warganegara Persekutuan yang mempunyai persamaan hak politik telah mengubah konsep politik tradisional orang-orang Melayu dari tema 'Kerajaan' menjadi 'Negara Bangsa', mengubah kesetiaan daripada Raja-raja Melayu kepada tanah Persekutuan.¹⁶⁷

Sebelum Persekutuan Tanah Melayu menerima kerakyatan kaum bukan Melayu, ianya adalah eksklusif kepada bangsa Melayu sahaja sebagai Rakyat Raja dalam sembilan buah negeri-negeri Melayu yang berdaulat, sehingga tidak wujud dilema Raja Melayu dalam hal menjaga kepentingan agama dan bangsa dalam negeri baginda masing-masing. Bagaimanapun dengan pemberian kerakyatan kepada kaum-kaum lain dengan jumlah besar sehingga Melayu

¹⁶⁶ Hukum Syariat dan Hukum Adat bersendi syariat merupakan hukum negeri-negeri dalam kerajaan Melayu tradisional

¹⁶⁷ Tema ini kekal terpasak dalam Perlembagaan Malaysia masakini. Rujuk Jadual Keenam: Sumpah Jawatan Ahli Parlimen: "*Saya, si fulan bin/binti si fulan, setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Rakyat (atau Dewan Negara) dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan segala upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.*". Ajaran Islam menyuruh umatnya untuk mentaati ulil amri @ pemerintah (al-Nisa:59). Sumpah jawatan ini perlu ditakri an berdasarkan prinsip serta keluhuran Perlembagaan Persekutuan berteraskan Kerangka Watan bagi mengikat ahli-ahli Parlimen sebagai pentadbir di bawah Kerajaan yang di-Pertuan Agong.

kini bertaraf komuniti semata-mata, ditambah dengan kuasa campurtangan politik orang-orang asing ini, siapakah kini yang benar-benar dapat menjaga kepentingan orang-orang Melayu dan agama Islam tanpa perlu membuat kompromi, pertaruhan dan tawar-menawar politik?

Apakah Raja-raja Melayu mampu untuk terus kekal berperanan sebagai tonggak orang-orang Melayu dan Islam seperti dalam kerajaan-kerajaan Melayu lama yang kini kehilangan sistem para pembesar tradisional yang berpandukan hukum syariat dan adat Melayu??

Peratusan komposisi pengundi bukan Melayu yang besar sehingga hampir menyamai pengundi Melayu menjadi titik tolak kepada keputusan kepimpinan atasan UMNO untuk bersikap pragmatik dengan mengadakan kerjasama perikatan dalam menghadapi pilihanraya-pilihanraya umum dari tahun 1955, mulanya dengan parti MCA yang mewakili masyarakat Cina, kemudian dilanjutkan dengan MIC yang mewakili rakyat India.

Tunku Abdul Rahman menyatakan : *“Apabila saya hanya sebagai Presiden UMNO, saya hanya perlu mengambil kira mengenai masyarakat Melayu sahaja. Tetapi apabila diakui sebagai pemimpin Parti Perikatan, saya perlu juga mengambil kira mengenai orang Cina, India dan semua bangsa di Tanah Melayu.”*¹⁶⁸

Walaupun formula perikatan UMNO-MCA-MIC ini menjadi suatu formula yang berjaya dalam menghadapi realiti kehidupan masyarakat majmuk, iaitu masyarakat berbilang kaum semenjak orang-orang bukan Melayu diterima sebagai rakyat Persekutuan, namun apa jua kepentingan orang-orang Melayu yang berkonflik dengan kepentingan kaum-kaum lain terpaksa dikompromi termasuklah kepentingan Islam.

Hal ini telah disedari dari awal lagi, sehingga membangkitkan sentimen orang-orang UMNO sendiri yang menyuarakan bantahan-bantahan mereka kepada pucuk pimpinan UMNO,¹⁶⁹ melalui kritikan-kritikan kepada

¹⁶⁸ Tunku Abdul Rahman, Malaysia, the road to independence, 1984

¹⁶⁹ Sumber perisikan British melaporkan tentang rasa tidak puas hati ahli-ahli UMNO kepada Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden mereka kerana memberikan banyak konsesi yang tidak wajar kepada kaum-kaum lain dalam Persekutuan.. Rujuk CO 1022/245

Suruhanjaya Reid, mesyuarat-mesyuarat cawangan dan pada Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 28 March 1957 dan Perhimpunan Agung UMNO yang ke-11 pada 29-30 Jun 1957.

Antara topik-topik yang hangat dibincangkan adalah tentang pemeliharaan status istimewa orang Melayu, penentangan prinsip kerakyatan *jus soli*, cadangan supaya jawatan penting seperti Perdana Menteri dan Menteri Besar dikhususkan kepada orang-orang Melayu sahaja.

Contohnya, UMNO Seberang Perai menegaskan bahawa *“berpanjang atau runtuhnya kerajaan Perikatan yang sekarang dikuasai UMNO bergantung kepada ketat atau longgarnya undang-undang taraf kerakyatan.”* Mereka juga mengesyorkan UMNO agar berhati-hati kerana MCA dan MIC hanya ingin mendapat kekuatan dari bilangan pengundi Cina dan India yang menyebabkan *“sedang bekerja dengan giat menggalakkan orang Cina menjadi rakyat Malaysia melalui pintu syarat yang sehabis-habis longgar bagi mendapatkan kerakyatan negara.”*¹⁷⁰

UMNO cawangan Sg Tengar/Sg Air Tawar menegaskan dengan lantang bahawa *“... di Malaya ini akan dibangunkan satu rupa bangsa Malayan, sudah barang tentu Melayu hapus di tanahair sendiri.”*¹⁷¹

Dalam memorandum yang dikemukakan oleh UMNO Terengganu terhadap laporan Suruhanjaya Reid¹⁷², ia menegaskan bahawa *“Kami berpendapat iaitu setelah mengkaji lunas besar dalam Penyata dan Rang Perlembagaan itu maka sebagaimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid hak yang sedang dimiliki oleh orang Melayu pada masa sekarang tidak akan bertambah ataupun terjamin kedudukannya, bahkan sebaliknya atau berkurangan dan akan menempuh ancaman yang hebat.”* UMNO Terengganu juga berpendapat bahawa jikalau sistem demokrasi yang menjadi rangka Perlembagaan itu dilaksanakan terus menerus akan *“menjahanamkan bangsa kami.”*¹⁷³

170 UMNO/SUA No 20-57) 79

171 Mesyuarat dan perisytiharan UMNO cawangan Sg Tengar/Sg Air tawar pada 5 Mac 1956 172 UMNO/SUA No. 28A/1957

173 Ibid

Bagaimanapun UMNO yang waktu itu telahpun menyetujui dasar mewujudkan bangsa Malayan bersatu dengan sistem politik demokrasi dengan perikatan kerjasama parti MCA dan MIC terpaksa menolak sebarang tuntutan kepada penguasaan tunggal orang-orang Melayu dalam bidang politik Persekutuan Tanah Melayu.

Apa yang menarik tentang hal ini adalah arahan yang diterima daripada Presiden UMNO kepada semua cawangannya untuk tidak membincangkan persoalan jus soli secara terbuka serta memberi sepenuh kepercayaan kepada pucuk pimpinan tertinggi UMNO untuk menangani hal ini¹⁷⁴ memandangkan waktu itu telah wujud banyak ketegangan bukan sahaja dari kalangan masyarakat Melayu, mahupun daripada ahli-ahli UMNO sendiri yang melihat dasar baru UMNO sebagai meletakkan kembali parti itu kepada era eksperimentasi Dato' Onn suatu masa dahulu dengan politik berbilang kaum yang ditolak bulat-bulat oleh mereka.

Bagaimanapun disebalik protes oleh ahli-ahli UMNO, sebagai menunjukkan ketaatan dan kepercayaan kepada pucuk pimpinan, mereka tetap bersikap akur dengan arahan tersebut yang membantu meredakan protes-protes terbuka. Sikap ini sebenarnya dapat difahami dari sudut sejarah, iaitu tentang sifat kesetiaan umat Melayu kepada raja yang kemudian telah diterjemahkan pula kepada kesetiaan kepada pucuk pimpinan parti, kebetulan Tunku Abdul Rahman adalah putera Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Kedah. Kerjasama perikatan ketiga-tiga parti politik ini dilanjutkan melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Testamen Amanah Politik Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Reid yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka nanti.

174 CO 1022/245 dan CO 1022/248

BAB 10 CABARAN PERPADUAN KAUM DALAM NEGARA BANGSA

Perlembagaan Persekutuan 1948 telah menetapkan kemasukan sebagai warganegara Tanah Melayu. Namun begitu, Kerajaan Tanah Melayu serta pemuka- pemuka masyarakat waktu itu, khususnya pucuk pimpinan UMNO menghadapi kesukaran besar dalam usaha mencari formula mengasimilasi pelbagai kaum yang kini menjadi ‘ahli keluarga bangsa Malayan’. Hal ini disedari dengan kekalahan Parti Malaya Merdeka (IMP) yang dianggotai ahli-ahli berbilang kaum pimpinan Dato’ Onn Jaafar dalam pilihanraya umum 1955. Dalam parti tersebut, kriteria kaum tidak lagi menjadi syarat, dasar perjuangan parti dihalakan ke arah pembentukan serta pemantapan bangsa Malayan yang bersatu.

Ironisnya, atas dasar tidak memperjuangkan kepentingan mana-mana kaum inilah yang menyebabkan kekalahan Parti Malayan Merdeka walaupun dasar penyatuan semua kaum dalam satu parti menjadi idealisme yang sangat dicita- citakan British dalam ikhtiarnya membentuk gagasan bangsa Malayan bersatu.

Sebagai Presiden MCA, Tan Cheng Lock telah menegaskan: “*Orang Cina di Tanah Melayu mestilah secara politik bersatu dengan masyarakat lain, tetapi daripada segi kebudayaan, intelek dan spiritual, mereka mestilah bebas sebagai orang Cina.*” (Manchester Guardian 1952)

Hal ini juga telah disentuh dalam satu dokumen kerajaan Parti Perikatan yang menyatakan bahawa gejala pengasingan budaya secara sukarela yang wujud sebelum perang masih terus kekal hatta selepas Tanah Melayu merdeka.¹⁷⁵

Natijahnya, perjuangan British dan para penyokongnya untuk membangunkan ciri-ciri identiti sebuah Negara Bangsa hanya terhad kepada aspek kerakyatan dan politik semata-mata, sedangkan asimilasi pada aspek sosio-budaya dan bahasa tidak mahu dikompromi oleh mana-mana kaum.

Jelasnya setiap kaum bukan Melayu tetap bertegas untuk mengidentitikan diri mereka dengan kelompok etnik sendiri walaupun usaha British membentuk bangsa Malayan bersatu telah memberikan banyak faedah kepada mereka, khususnya dari aspek kerakyatan dan perkongsian kuasa politik dengan orang-orang Melayu.¹⁷⁶ Perkara ini telah disentuh oleh Norma Mahmood:

“Perasaan perkauman dirangsangkan oleh proses penciptaan organisasi dan kewarganegaraan yang baru. Perubahan daripada penduduk kepada warganegara, penglibatan organisasi masyarakat dalam proses politik yang pada peringkat sebelumnya masyarakat dihindarkan daripada proses politik, membawa kepada tuntutan yang baru dan hebat.”¹⁷⁷

Joseph Strayer menyatakan seperti berikut :

“Orang Melayu adalah pertamanya sebagai Melayu, kemudian sebagai Islam dan kemudiannya sebagai Malaya. Orang Cina adalah pertamanya sebagai Cina, kemudiannya sebagai Buddha atau Kristian sekiranya dia seorang yang beragama dan kemudiannya sebagai Malaya, dan orang India pula adalah pertamanya

¹⁷⁵ _____, Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1946-57, hlm 227

¹⁷⁶ Antara masalah dasar kaum bukan Melayu sehingga hari ini adalah kedegilan pemuka-pemuka mereka dalam mempertahankan sekolah vernakular yang asalnya dibangunkan untuk mempersiapkan buruh-buruh asing yang datang bekerja di Tanah Melayu selama 2,3 generasi kembali ke tanah asal mereka. Pada awalnya, Tanah Melayu tidak pernah direncanakan oleh kuasa British untuk menjadi negara hijrahan golongan buruh ini. Sekolah vernakular dibuat untuk mereka supaya tidak hilang ikatan budaya dengan negara asal. Namun apabila status mereka berubah menjadi warganegara, sekolah-sekolah ini masih terus dikekalkan sehingga hari ini walaupun tidak ada lagi justifikasi kukuh mahupun keperluan terhadapnya, melainkan menimbulkan banyak masalah dalam usaha memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

¹⁷⁷ Norma Mahmood, Rethinking Political Problem in South East Asia, Universiti Malaya, 1994

sebagai India, kemudiannya sebagai Hindu atau Islam dan kemudiannya berkemungkinan sebagai Malaya."¹⁷⁸

Bermakna usaha ke arah pembentukan bangsa Malayan bersatu melalui instrumen pencairan dan penyebatian budaya sehingga mampu mewujudkan 'satu bangsa dan satu negara' belum mampu direalisasikan, sebaliknya wujud 'perpaduan nasional yang dangkal'.¹⁷⁹

Pada peringkat ini, Raja-raja dan orang-orang Melayu telahpun menyerahkan banyak 'kunci-kunci daripada perbendaharaan Tanah Melayu' yang selama ini digenggam erat dengan penuh rasa cinta dan kecemburuan, kini dengan berat hati terpaksa dibuka untuk mengambil sejumlah kaum bukan Melayu menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu, hampir menyamai bilangan penduduk peribumi; mengubah sistem tradisi perlantikan pembesar berasaskan warisan, kepada bentuk demokrasi moden @ orang-orang politik, apakah mereka juga perlu bertolak-ansur kepada tuntutan kaum pendatang ini untuk terus mengekalkan identiti, bahasa dan budaya etnik dari tanah asal-usul?

Sesungguhnya orang Melayu mempunyai justifikasi untuk merasa bimbang, resah dan gusar, kerana perlu berkongsi satu bumbung dengan kaum-kaum asing yang tidak mempunyai ciri nilai dan jatidiri watan seperti bahasa dan budaya, apatah lagi agama mereka. Malahan belakangan dibuka pula ruang untuk campurtangan 'ahli keluarga' baru ini dalam politik alam rumahtangga orang-orang Melayu berdasarkan konsep Negara Bangsa yang sebelum ini tidak pernah wujud dalam kamus peribumi Melayu!!

Sebahagian bekas pentadbir British di negeri-negeri Melayu sendiri sangat bersimpati dengan keadaan orang-orang Melayu seperti Frank Sweetenham, Hugh Clifford, Mubin Sheppard dan ramai lagi. Sweetenham pernah berkata : *"The Malays have their own outright position as native inheritors of their land"*.

178 Wang Gung Wu, Malayan Nationalism, Jurnal of Royal Asiatic Society, 19(3), 1962

179 Rustam Sani, Ke arah Pembentukan Satu Bangsa Malaysia, Kertas Kerja Seminar Politik Malaysia IV, Politik Malaysia dekad 90 an, UKM, 1991

Namun rata-rata kaum pendatang tidak bersikap apologetik dengan tuntutan bahawa Tanah Melayu mesti menerima sesiapa sahaja kaum bukan Melayu yang ingin untuk terus menetap di sini dan menjadikannya 'objek kesetiaan' mereka. Golongan ini berani dengan tuntutan mereka kerana disokong secara terbuka oleh pentadbiran British. Malahan kuasa Inggeris membuat deklarasi tidak akan membatalkan perjanjian MacMichael jika agenda ini tidak diterima oleh Raja-raja Melayu dan pemuka-pemuka masyarakat, khususnya pucuk pimpinan UMNO. Maka berlakulah dilema Melayu '*ditelan mati emak, diluahkan mati bapak*'...

Ketegasan semua kaum dalam Persekutuan Tanah Melayu untuk tetap berlegar pada kelompok masing-masing, keengganan untuk berasimilasi demi mencipta identiti baru dalam gagasan bangsa Malayan bersatu, serta tuntutan-tuntutan kaum yang lantang dan sering bercanggah diantara satu sama lain telah menyebabkan banyak berlaku konflik-konflik perkauman, mencetuskan ketegangan politik yang berpotensi mengancam keselamatan Negara Bangsa yang keadaannya masih umpama '*pucuk muda*', hal ini menyebabkan pemimpin parti-parti dalam Perikatan terpaksa mengambil sikap pragmatik, bersederhana, bertolak-ansur dan menghindari daripada tuntutan-tuntutan radikal serta membuat kompromi-kompromi politik apabila keadaan memerlukan. Kerajaan Perikatan juga mengambil dasar mengekalkan ciri budaya setiap kaum dalam gabungan.

Persoalan memupuk perpaduan kaum bukanlah mudah untuk disikapi. Selagi mana formula untuk menjawab isu-isu akar umbi terkait persoalan identiti dan jatidiri Negara Bangsa belum ditemui dan diterima oleh semua warganegara, selagi itulah ketegangan kaum akan terus berlaku dan kompromi-kompromi politik terpaksa dilakukan.

BAB 11 PERANAN RAJA-RAJA MELAYU

Salah satu manifesto Perikatan yang dibuat dalam pilihanraya umum pertama pada tahun 1955 adalah untuk mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun. Berikutan kemenangannya, rundingan telah diadakan dengan Raja-raja Melayu pada bulan November tahun yang sama untuk melaksanakan misi ke London bagi menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Rombongan yang dipilih adalah wakil Raja-raja Melayu serta Parti Perikatan seramai lapan orang iaitu Tunku Abdul Rahman, Dato' Hj Wahab Abdul Aziz, Dato' Mohamad Seth Mohamad Said, Dato' Nik Ahmad Kamil Hj Mahmood, Dato' Abdul Razak Hussein, H.S Lee, Dr Ismail Abdul Rahman dan Encik Abdul Aziz Abdul Majid. Misi ini disokong oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum mahupun ideologi politik.¹⁸⁰

Pada 1 Januari 1956, rombongan kemerdekaan telah berangkat ke London. Selanjutnya, rundingan kemerdekaan diadakan di London pada 18 Januari-6 Februari, disebut sebagai London Constitutional Conference. Sidang Meja Bulat yang berlangsung selama 3 minggu ini merundingkan beberapa perkara berkaitan Tanah Melayu seperti hal ehwal kewangan, pentadbiran, keselamatan dalam negeri, serta hal ehwal luar negara. Dalam rundingan

¹⁸⁰ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Aman, KL, 1981

yang sama, kerajaan British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu yang dibuat pada 8 Februari 1956.

Persetujuan juga dicapai untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan bagi merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya ini terkenal dengan nama Reid Commission bersempena nama Lord William Reid sebagai pengerusinya.¹⁸¹

Keahlian Suruhanjaya Reid adalah seperti berikut ;

1. Lord William Reid sebagai Pengerusi
2. Sir William Mckell (*Australia*)
3. B.Malik (*Ketua Hakim-India*)
4. Abdul Hamid (*Hakim-Pakistan*)
5. Sir Ivor Jennings (*Britain*)
6. H.P Hall (*Setiausaha*)
7. K.J Henderson (*Penolong Setiausaha*)

Antara pihak yang terlibat dalam memberikan pandangan dalam Suruhanjaya Reid adalah Pejabat Tanah Jajahan British di London, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri Kerajaan Persekutuan, serta pemimpin parti-parti politik utama waktu itu, pelbagai pertubuhan dan persatuan, tokoh-tokoh korporat dan sebagainya.

Sebanyak 118 perjumpaan diadakan oleh ahli-ahli Suruhanjaya Reid dari bulan Jun sehingga bulan Oktober 1956 untuk mengkaji serta membuat laporan dan cadangan membentuk perlembagaan negara yang merdeka. Perjumpaan-perjumpaan ini membahas serta mempertimbangkan 131 memorandum bertulis yang diterima daripada pihak Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang-orang perseorangan yang berkaitan pentadbiran, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa serta pendidikan.

¹⁸¹ Suruhanjaya Reid adalah 'drafter' pengubal Perlembagaan Persekutuan, manakala Raja-raja Melayu dan Ratu England sebenar-benarnya the maker of the Constitution 181.

Pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan ini kemudian dibahas dan diluluskan oleh Parlimen British, seterusnya diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu yang mewakili kesultanan-kesultanan Tanah Melayu yang berdaulat, serta Baginda Queen yang mewakili tanah jajahan British di Pulau Pinang dan Melaka, sekaligus sebagai otoriti yang diatas namakan pada triti-triti yang wujud diantara kuasa British dan kesultanan-kesultanan Tanah Melayu.

Raja-Raja Pra-1957

Antara memorandum yang dikemukakan oleh pihak Raja-raja Melayu adalah cadangan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong, dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan. Tempoh jawatan baginda adalah lima tahun. Di peringkat ini, takrifan kedaulatan Raja-raja Melayu telahpun diselesaikan dan baginda sekalian bersepakat untuk Fasal ini dimasukkan ke dalam deraf Perlembagaan Persekutuan 1957. Perjanjian ini juga mentakrifkan sesebuah negeri Melayu terus diakui mempunyai wilayah yang meliputi tanah, pulau dan suatu kawasan yang ditadbir sebagai sebahagian daripada negeri beserta wilayah perairan yang berhampiran dengan pantainya. Raja-raja Melayu berpegang bahawa kawalan atas tanah dalam wilayah negeri baginda masing-masing adalah sebahagian daripada manifestasi kedaulatan (*'territorial sovereignty'*).¹⁸²

Menurut Wan Ahmad Fauzi (2018), kedaulatan Raja-raja Melayu adalah legasi kesultanan Melayu Melaka yang diwarisi oleh kerajaan-kerajaan Melayu dan Malaysia sehingga hari ini dalam bentuk sedia ada. Perkara 4 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan meletakkan jaminan atas kedudukan Islam, Raja-raja Melayu, hak istimewa orang-orang Melayu, bahasa Melayu dan hak-hak semua negeri sepertimana ia diwarisi dengan beberapa penyesuaian yang telah diperuntukkan dengan nyata.

182 C.O 889/8, 1956, hlm 3.

Sewaktu penggubalan Perlembagaan antara 1956 dan 1957, pemimpin parti-parti politik cuba merundingkan pembaharuan sistem politik yang mencerminkan '*semangat nasionalisme*'. Parti Perikatan berhasrat supaya Raja-raja Melayu diposisikan hanya sebagai Raja Berperlembagaan yang mempunyai kuasa-kuasa terhad.¹⁸³

Peguam bagi Raja-raja Melayu, Neil Lawson meminta lebih banyak kuasa diberikan pada baginda sekalian, antaranya kuasa budibicara Raja-raja Melayu dan Majlis Raja-Raja seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian Persekutuan 1948. Raja-raja Melayu secara tradisionalnya mempunyai kuasa melantik Menteri Besar dan Exconya, beberapa aspek pentadbiran termasuk kewangan dan perubahan wilayah dibawah kuasa baginda. Lawson berhujah bahawa Majlis Raja-Raja mempunyai '*kuasa rundingan*' seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1948.¹⁸⁴

Pendapat ini ditentang oleh Jennings dan Tunku Abdul Rahman. Jennings berpendapat dalam sebuah demokrasi, peranan dan kuasa Raja-raja Melayu hanyalah pada nama, tetapi kuasa sebenar adalah pada badan perundangan yang dilantik rakyat.¹⁸⁵ Banyak tolak tarik berlaku dengan Lawson sebagai wakil Raja-raja Melayu sebelum persetujuan akhirnya disepakati.

Dalam memo Raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid, Duli-Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju dengan keputusan Persidangan London 1956 bagi membentuk sebuah negara persekutuan yang mempunyai kerajaan pusat yang kuat, cuma mahu memastikan martabat dan kebesaran baginda sekalian sebagai Raja-raja Berperlembagaan dijamin didalam Perlembagaan Persekutuan tanpa mengurangkan kuasa-kuasa tersimpan mereka.¹⁸⁶

183 Joseph M. Fernando, "Defending the monarchy: The Malay rulers and the making of the Malayan constitution, 1956-1957", Archipel no 88 / 2014 pages 149-167

184A.J. Stockwell, "British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment", Kuala Lumpur : Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1979, pp. 17-107. See also Albert Lau, The Malayan Union controversy, 1942-1948, Singapore : Oxford University Press, 1991, pp. 28-240.

185 Pendapat ini berasaskan fahaman sekular barat (Faham Dikotomi). Dalam kerangka watan Tanah Melayu, ciri demokrasi hanyalah kaedah pemilihan ahli Parlimen (berteraskan pilihan majoriti), dan bukan mengambil prinsip ideologi demokrasi yang berteraskan Kedaulatan Rakyat. Kaedah dan prinsip ideologi adalah dua maksud yang berbeza.

186 Memo Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya, 12 September 1956, pp. 4-5, CO 889/6 (22).

Dua isu yang dianggap utama dan penting oleh Raja-raja Melayu, pertama adalah manifestasi kedaulatan Duli-Duli Yang Maha Mulia dalam kedudukan sebagai Ketua Negeri dan Ketua Agama Islam dalam negeri baginda masing-masing termasuk hubungan warisan turun temurun serta hubungan saikologi dengan rakyat negeri-negeri berteraskan prinsip "*Raja rakyat berpisah tiada*."¹⁸⁷ Bagi maksud memahami realiti ini, Lawson mengemukakan hujah bahawa 8,000 orang telah mendaftar menjadi rakyat Raja dan hanya 150 sahaja yang mendaftar menjadi rakyat Persekutuan, maksudnya rakyat tetap setia dengan Raja di negeri-negeri yang mereka bermastautin.¹⁸⁸

Pada peringkat awal, peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan tidak dimasukkan dalam deraf Perlembagaan atas sikap hati-hati dan kegusaran Raja-raja Melayu bahawa jika Persekutuan mengambil alih tugas ini, ia akan menyebabkan baginda sekalian tidak lagi menjadi ketua agama di negeri masing-masing sebagaimana halnya selama ini yang diwarisi oleh para leluhur mereka. Bagaimanapun dilema ini dapat diselesaikan dengan baik. Raja-raja Melayu akan terus menjadi ketua agama di negeri baginda masing-masing sementara bagi negeri-negeri yang tidak beraja, peranan tersebut akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Mahamad Naser Disa (2016), berdasarkan laporan Hakim Abdul Hamid, beliau telah menyandarkan cadangan memartabatkan agama Islam sebagai agama Persekutuan berdasarkan memorandum yang diterimanya daripada Perikatan seperti berikut:

"It has been recommended by the Alliance that the Constitution should contain a provision declaring Islam to be the religion of the State. It was also recommended that it should be made clear in that provision that the above effect will not impose any disability on non-Muslim citizens in professing, propagating and practicing their religions, and will not prevent the State from being a secular state. As on this

187 CO 889/1 (32), C.C. 2014, hlm 7

188 Ibid

matter, the recommendation of the Alliance was unanimous their recommendation should be accepted and a provision to the following effect should be inserted in the Constitution either after Article 2 in Part 1 or at the beginning of Part XIII.

Setelah menimbangkan cadangan Perikatan tersebut, ayat 'will not prevent the State from being a secular state' telah ditolak oleh Hakim Abdul Hamid dan tidak dimasukkan dalam mana-mana bahagian cadangannya kepada Suruhanjaya Reid, merujuk keputusan tegasnya untuk mengenyahkan cadangan Perikatan menganggap Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara sekular.

Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu telah memberi perkenan terhadap cadangan Hakim Abdul Hamid yang tersebut dan dimuktamadkan secara nyata dengan Baginda Queen **sehingga tiada sepeatah pun perkataan 'sekular' wujud dalam Perlembagaan Persekutuan.** ^{188A}

Isu yang kedua adalah hak Duli-Duli Yang Maha Mulia untuk menggubal perlembagaan negeri masing-masing tanpa dikekang oleh mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.¹⁸⁹ Ini merupakan suatu peringatan daripada Raja-raja Melayu bahawa Perlembagaan Persekutuan hanya boleh dicapai melalui perundingan dan persepakatan antara Duli-Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Perikatan serta Kerajaan Inggeris.¹⁹⁰

Raja-raja Melayu mahu mengekalkan kuasa bagi perlantikan Menteri Besar dan Jemaah Menterinya. Lawson menegaskan bahawa kelaziman bagi Raja Berperlembagaan, lantikan Menteri Besar adalah prerogatif Raja-raja Melayu. Pihak Suruhanjaya tidak bersetuju, mereka berhujah perkara ini tidak boleh dilaksanakan dalam demokrasi berparlimen. Mereka berhujah masalah yang akan timbul jika Menteri Besar yang dipilih tidak mempunyai sokongan majoriti di parlimen. Lawson menjawab dengan menggunakan contoh di United Kingdom, di mana Baginda Queen boleh melantik sesiapa sahaja bagi memimpin kerajaan. ¹⁹¹

188A Mahamad Naser Disa, Daulatkan Islam Agama Negara, IKSIM, 2016

189 Ibid

190 Ibid

191 Ibid

Bagaimanapun akhirnya, Suruhanjaya bersetuju kuasa lantikan Menteri Besar diletakkan di bawah prerogatif Raja-raja Melayu, cuma baginda haruslah benar-benar berpuas hati bahawa Menteri Besar yang dilantiknya mempunyai sokongan majoriti di Parlimen.¹⁹²

Perkara lain yang hangat perbahasannya adalah berkaitan fungsi Majlis Raja-Raja. Pada awalnya Suruhanjaya Reid tidak membuat sebarang peruntukan untuk Majlis Raja-Raja. Suruhanjaya ini dan Perikatan berpendapat fungsi Majlis Raja-Raja adalah hanya bersidang untuk melantik DYMM Yang di-Pertuan Agong.

Hal ini sangat berbeza dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan 1948 yang memberikan kuatkuasa Majlis Raja-Raja sebagai penjaga hak-hak Melayu dan Negeri-negeri, sekaligus dilengkapkan dengan kuasa yang luas.¹⁹³ Lawson mempersoalkan mengapa tidak ada sebarang peruntukan untuk Majlis Raja-Raja dalam draf Perlembagaan ini, walhal peranan entiti tersebut sangat strategik dan penting, oleh itu perlu terus dilestarikan.

Perikatan mencadangkan supaya Majlis Raja-Raja tidak campur tangan dalam hal ehwal politik, biar orang-orang politik sahaja yang menangani urusan ini.¹⁹⁴ Lawson berhujah jikalau peranan Majlis Raja-Raja diperkecilkan, ianya akan menyusahkan urusan pentadbiran DYMM Yang di-Pertuan Agong,¹⁹⁵ Menurutnya lagi, Majlis Raja-Raja wajar diberi kuasa untuk melantik jawatan-jawatan penting seperti Ketua Hakim dan Hakim-Hakim dalam Mahkamah Persekutuan, Ketua Suruhanjaya Pilihanraya dan Ketua Suruhanjaya Polis kerana tugas penjawat jawatan tersebut sudah tentu akan menyinggung kedaulatan negeri masing-masing.¹⁹⁶

Selain itu, Raja-raja Melayu juga menegaskan secara tuntas atas hak masing-masing keatas apa-apa peruntukan yang membabitkan imigresen, wilayah

192 Jadual Kelima dari Laporan Reid, Bahagian I, Artikel 2, ms. 71.

193 Constitutional Development of the Commonwealth, London: HMSO, 1954, ms. 46-7.

194 Mesyurat Kedua, Jawatankuasa Kerja, Perlembagaan Persekutuan 1957, 25 Feb. 1957, p. 1, CO 941/85

195 Ibid

196 Ibid

negeri-negeri, kedudukan agama Islam dan adat Melayu, selain peruntukan-peruntukan kekal seperti Hak Istimewa Orang Melayu dan Tanah Rezab Melayu.

Terkait hal ini, apa sahaja undang-undang yang mencabar status atau kuasa Negeri-negeri, serta undang-undang yang bersangkutan kedaulatan, hak-hak istimewa, kedudukan dan kehormatan Duli-Duli Yang Maha Mulia, sewajarnya mendapat perkenan Majlis Raja-Raja.¹⁹⁷

Majlis Raja-Raja Melayu juga memprotes cadangan awal Suruhanjaya Reid yang menyingkirkan baginda sekalian dari majlis sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong. Lawson menegaskan semasa Yang di-Pertuan Agong membaca sumpah jawatan, sudah tentu Majlis Raja-Raja perlu hadir bersama Ketua Hakim Negara bagi menyempurnakan majlis tersebut.¹⁹⁸

Perdebatan-perdebatan lantang dengan fakta-fakta serta hujahan yang tuntas, khususnya dari aspek perundangan dan jurispruden watan daripada pihak peguam Raja-raja Melayu telah menyebabkan Perikatan dan Suruhanjaya Reid akhirnya mengaku kalah dan terpaksa bersetuju dengan kebanyakan tuntutan Majlis Raja-Raja. Ditambah dengan kuasa pengampunan yang diberi pada Yang di-Pertuan Agong¹⁹⁹ serta hak-hak negeri keatas kawalan kewangan *vis-à-vis* Kerajaan Persekutuan. Lawson telah berjaya dalam mengutarakan hujahan demi hujahan yang jitu, padu dan bernas sehingga tidak mampu ditolak oleh Suruhanjaya Reid.²⁰⁰

Sesungguhnya, selepas banyak sesi rundingan didalam Suruhanjaya Reid, khususnya yang melibatkan kedaulatan serta kedudukan Raja-raja Melayu sebagai tonggak agama dan bangsa dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, Institusi Raja-raja Melayu di Malaysia akhirnya muncul lebih berpengaruh dan lebih kuat daripada apa yang dihasratkan pada awalnya oleh Perikatan dan Suruhanjaya Reid.²⁰¹

197 Ibid

198 Ibid

199 Ibid

200 Jawatankuasa Kerja, Perlembagaan Persekutuan 1957, CO 941/86

201 Joseph M. Fernando, op.cit

Ianya menggariskan peranan Raja-raja Melayu yang penting sebagai pemegang amanah kedaulatan berteraskan Kerangka Watan, iaitu sebagai khalifah Allah: *“Raja sebagai pimpinan tertinggi atas tanggungjawab baginda, hendaklah berhati-hati dalam mengambil keputusan berkaitan perkara penting yang melibatkan keseluruhan negeri. Langkah berhati-hati ini begitu tinggi nilainya dalam pentadbiran negara, yang mana ia melibatkan kepentingan negara dan rakyat dan tidak hanya dimonopoli oleh demokrasi semata-mata.”*²⁰²

Titah al-Marhum Sultan Azlan Shah, Sultan Perak dan bekas Ketua Hakim Negara; *“walaupun Raja bertindak diatas nasihat ketua kerajaan... Baginda tidak patut menerima sebarang nasihat yang tidak mencerminkan keadilan...”*, baginda menambah *“ Didalam semangat Raja Berpelembagaan, seseorang Raja mempunyai peranan dalam memberi nasihat dan pendapat, memberi galakan dan sebab dan juga teguran serta amaran.”*²⁰³

Kedaulatan, Keutamaan, Kuasa & Fungsi Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan²⁰⁴

Kedaulatan dan kuatkuasa Raja-raja Melayulah yang telah mengabsahkan Perjanjian Negeri 1948, Perjanjian Persekutuan 1948, seterusnya menginstitusikan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu serta penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Malaysia 1963. Melalui kedaulatan Raja-raja Melayu, Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan, menjelaskan kuasa-kuasa yang telah didelegat oleh Raja-Raja Melayu bagi pembentukan sebuah kerajaan persekutuan bersistemkan Demokrasi Berparlimen (baca: kaedah, bukan prinsip ideologi), di samping pengekalan kuasa-kuasa tertentu pada negeri-negeri.

Hakikatnya, kerajaan-kerajaan Melayu yang menyertai Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah kerajaan yang mempunyai Raja-raja Melayu yang berdaulat, mempunyai wilayah masing-masing serta perlembagaan-perlembagaan negeri

202 Shamrahayu A. Aziz, “Evolusi Perlembagaan Negeri: Perbandingan antara Itqan al-Muluk bi Ta’dil al-Suluk dan Perlembagaan Persekutuan”

203 Anthony Milner, “The Evolution of the Malaysian Monarchy, and the Bonding of the Nation”, 2011

204 Wan Ahmad Fauzi, op.cit, 2018, hlm 254-264

yang tersendiri. Rujuk beberapa peruntukan-peruntukan Perlembagaan terkait Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu:

Pertama:

Ciri-ciri atau karakter kedaulatan Raja-raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berteraskan konsep Kerangka Watan yang esensinya berpegang pada ajaran Islam, terpamir pada ciri-ciri berikut:

- YDPA adalah ketua sebuah negara yang merdeka
- YDPA dan RRM adalah penganut agama Islam
- Perlembagaan negeri RRM terkandung prinsip-prinsip bersumberkan ajaran Islam -Melafazkan sumpah jawatan '*Wallahi Wabillahi Watallahi*' untuk menjaga agama Islam dan berlaku adil (Perkara 37 Jadual 4)
- Mengamalkan konsep Bai'ah dan Syura melalui Institusi Majlis Raja-Raja - Pemakaian undang-undang Islam adalah bersifat menyeluruh (*public law*) - Pindaan Perlembagaan 1993 menghapuskan imuniti RRM yang diperkenalkan oleh pihak British dalam perjanjian Pangkor adalah bertepatan dengan ajaran Islam sebagai mengikut resam kesultanan tradisional yang raja-rajanya tidak mutlak dan mengikuti sistem berpandukan *Fiqh al Siyasi*.

Kedua:

Kedaulatan, Kuasa dan Keutamaan YDPA dan RRM yang diterjemah dalam Perlembagaan Persekutuan:

- Hak Kedaulatan 181
- YDPA sebagai ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja 3 (5) -Kuasa baki perundangan yang tersimpan pada RRM@ kerajaan negeri 77 -RRM sebagai ketua agama bagi negeri masing-masing 3 (2)
- Ketua Utama negara 32 (1)
- Institusi Majlis Raja-Raja, MRR 38
- YDPA Ketua Eksekutif Persekutuan 39
- Pemerintah Tertinggi angkatan tentera 41
- Keanggotaan dalam Parlimen 44
- Perjalanan kuasa perundangan 66
- Keutamaan Protokol dalam Persekutuan 70

- Lantikan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan dan hakim-hakim kanan yang lain 122B
- Kedudukan Islam & Adat Melayu semasa darurat 150 (5)
- Mahkamah Khas 18)
- Sumpah Jawatan 37 Jadual 4
- Hak Memproklamasikan Darurat 150 (1)

Ketiga

Perkara 181(1) dan Peruntutannya:

Yang dimaksudkan dengan 'tertakluk pada peruntukan perlembagaan' dalam Perkara 181 (1) boleh disimpulkan seperti berikut:

- Islam sebagai agama Persekutuan 3 (1)
- RRM adalah Ketua Agama bagi negeri masing dan YDPA bagi negeri tidak beraja 3 (5)
- Kebebasan mengamalkan agama Islam bagi orang bukan Islam 11(1)
- Kebebasan agama bagi orang Islam dan hak dakwah 11(1)
- Sekatan terhadap dakwah di kalangan orang Islam 11 (4)
- Jaminan pengekal hak kedudukan, kesitimewaan RRM 38 (1)
- Bidang kuasa MRR 38 (4)
- YDPA sebagai Ketua Utama Persekutuan 32 (1), dan lain-lain kedudukan
- Ketinggian Lafaz Sumpah YDPA 37 (1)
- YDPA pemegang Kuasa Eksekutif 39
- Sistem pengubalan undang-undang melalui Parlimen@ Legislatif 44
- Pemilihan perwakilan menurut sistem demokrasi (Bhg VII)
- Aspek Persendirian Islam (*Personal Law*) dlm bidang kuasa negeri 74(2), Senarai 2 & 3, Jadual 9
- Aspek Awam Islam (Public Law) Islam terletak dalam bidang kuasa Persekutuan 74 (1), Senarai 1 dan III, Jadual 9
- Dan peruntukan-peruntukan lain yang terkait

Keempat:

Peruntukan-Peruntukan Terkait Kuasa Eksekutif, Legislatif dan Judisiari:

- Keanggotaan dan Fungsi Jemaah Menteri 43 -Keanggotaan dalam Parlimen@Legislatif 44 -Panggilan, Prorog dan Pembubaran Parlimen 55

- Pelaksanaan kuasa perundangan 66
- Batasan Undang-undang Persekutuan dan Negeri 73
- Senarai Undang-undang Persekutuan dan Negeri 74
- Pembahagian Kuasa Eksekutif 80
- Pembentukan Suruhanjaya Pilihanraya 114
- Lantikan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan dan hakim-hakim kanan yang lain 122B
- Proklamasi Darurat 150 -Mahkamah Khas 182

Kelima

Konsep Syura Dalam Perlembagaan:

Terjemahannya melalui peruntukan-peruntukan berikut:

- Melaksanakan budi bicara YDPA 40 (2)
- Merundingi MRR 38
- Bertindak mengikut nasihat 40 (1), 40 (3) & 3(5)
- Pemilihan YDPA mengikut konsep ahli hilli wa al ‘aqd@ MRR 38 -
Dan peruntukan-peruntukan lain

Keenam

Institusi-institusi yang Membantu Kerajaan YDPA:

Perlembagaan Persekutuan juga menubuhkan institusi-institusi berikut untuk membantu YDPA melaksanakan tugas baginda:

- Majlis Raja-Raja
- Jemaah Menteri Kabinet
- Majlis Parlimen
- Majlis Agama Wilayah Persekutuan - Dsbnya

BAB 12

RUKUN NEGARA MENJAMIN PERPADUAN KAUM

Pada pertengahan kurun ke 19, orang-orang Melayu belum merasa terancam pada kedudukan mereka sebagai bangsa peribumi, walaupun sudah mula berlaku kebanjiran pendatang China, kerana kebanyakan golongan ini tidak berhasrat untuk terus tinggal di Tanah Melayu.

Realitinya wujud perbezaan besar dari segi adat budaya, bahasa, makanan dan agama antara kedua-dua bangsa ini, yang masing-masing berasal-usul dari ketamadunan gemilang yang diiktiraf seantero dunia. Pandangan alam kedua-dua bangsa ini amat jauh berbeza ibarat langit dengan bumi. Bangsa China mengamalkan dasar perkauman dan fahaman “*sinocentric*”, iaitu segalanya berpusat di China dan negeri-negeri lain adalah jajahannya. Watak mereka juga berlainan, malah ramai yang mempunyai sikap prejudis terhadap orang Melayu.

Orang Melayu juga tidak memandang tinggi terhadap bangsa China dan memanggil mereka sebagai “orang berhala”, wujud perasaan geli akan sesetengah kebiasaan China seperti membela khinzir dan memakan dagingnya yang merupakan najis berat dan diharamkan dalam ajaran Islam. Struktur sosial dan agama orang-orang Melayu yang tersendiri dengan hukum-hakamnya yang jelas meliputi seluruh kehidupan, kerana itulah maksud Islam sebagai *ad-Deen*, maka ianya menyukarkan mana-mana kelompok etnik dan

agama lain untuk berasimilasi dengan orang-orang Melayu, kecuali dari bangsa-bangsa yang tetap terlingkung dalam kebudayaan Islam seperti orang Arab dan India Muslim,²⁰⁵ ataupun yang memeluk agama Islam. Manakala perkahwinan campur di antara orang China dan Melayu sangat sedikit sekali kerana pasangan yang bukan Melayu dikehendaki untuk menganuti Islam.

Kebanyakan orang Melayu tradisi menganggap diri mereka sebagai rakyat Raja, untuk menumpahkan kesetiaan. Tempat tinggal mereka rata-rata adalah di kampung, menjaga tanah pusaka dan tidak bekerja sebagai buruh upahan orang Eropah atau orang China²⁰⁶ yang tumbuh melata di kawasan-kawasan bandar.

Pada awal kurun ke 20, bermula kewujudan ramai kaum China dari kelahiran tempatan yang menimbulkan keresahan pada orang-orang Melayu. Kebanyakan dari golongan ini masih terus hidup dalam kepompong masyarakat mereka, hampir tidak wujud asimilasi kaum dengan penduduk tempatan dan merekalah yang kemudian menuntut hak kerakyatan dan politik di Tanah Melayu. Ianya tidak terhenti di situ sahaja, malahan belakangan muncul pula benih-benih perkauman melampau dari kumpulan ini yang mulai mencabar kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai masyarakat peribumi. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Tunku Abdul Rahman pernah membuat kenyataan dalam tahun 1969 seperti berikut: *“Bangsa Melayu mendapat kuasa politik sementara Bangsa China dan India mendapat kuasa ekonomi.”*²⁰⁷

Hal ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan kelompok ini sehingga menghantui hubungan antara kaum. Sesetengahnya yang mempunyai sikap ekstrim terhadap orang Melayu bukan sahaja menuntut perkongsian ‘*economic pie*’ di Tanah Melayu, malahan selepas diberi perkongsian politik melalui sistem Pilihanraya Umum, masih juga mempunyai

205 Gordon P. Means, “Malaysian Politics”. Hodder and Stoughton, London, 1976 (2nd edn.), p. 17.

206 Leonard (Leon) Francis Comber, “The 13th May 1969 Riots - An Example of Sino-Malay Friction”, University of Hong Kong, 1978

207 Ibid

perasaan tidak berpuas hati, apa yang dituntut adalah kuasa politik bebas lepas yang tidak perlu terikat kepada mana-mana peruntukan Perlembagaan. Hal ini terbukti apabila kelompok ini mengubah sokongan dari MCA kepada parti pembangkang DAP dan Gerakan semasa Pilihan Raya Umum 1969.

Sebelum itu, dalam Pilihanraya Umum 1964, Parti Tindakan Rakyat atau PAP pimpinan Lee Kuan Yew telah berkempen di Malaysia,²⁰⁸ membawa gagasan "*Malaysian Malaysia*" yang mencabar hak istimewa orang Melayu yang sudahpun termaktub dalam Perlembagaan sebagai Perkara Kekal. Rentetan daripada peristiwa ini menjadi antara sebab yang membawa kepada pengusiran Singapura dari Persekutuan Malaysia. Saki-baki ahli PAP yang menjadi ahli Parlimen di Dewan Rakyat kemudiannya telah menubuhkan Parti Tindakan Rakyat (DAP) pada tahun 1966 yang terus mendokong gagasan "*Malaysian Malaysia*" yang dicetuskan oleh Lee Kuan Yew.²⁰⁹

Kempen Pilihan Raya Umum 1969 telah membakar semangat orang-orang Melayu dan China, langsung menjurus kepada konfrontasi kaum yang tidak diduga oleh sesiapaupun. Pada masa itu kedua-dua parti pembangkang China, iaitu DAP dan Gerakan telah mencetuskan api perkauman dengan berkempen atas tema "ketidakadilan" Fasal 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Hak Istimewa Orang Melayu. Mereka diberi amaran oleh Tunku Abdul Rahman tetapi langsung tidak diendahkan. Pembangkang dibantu oleh Parti Buruh dan penyokong-penyokong Parti Komunis Malaya. Pada hari membuang undi mereka tidak mengendahkan amaran polis dan berarak secara besar-besaran. Apabila mereka mengalahkan parti Perikatan, perarakan agresif yang memprovokasi dan menghina orang Melayu²¹⁰ telah mencetuskan rusuhan kaum, ramai mangsa terkorban selain kemusnahan harta benda yang banyak di Kuala

208 Parti ini berpusat di Singapura yang waktu itu baru masuk menjadi ahli keluarga Persekutuan dalam tahun 1963, termasuk Sabah dan Sarawak. Dengan kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu diubah namanya menjadi Malaysia

209 Gordon P. Means, "*Malaysian Politics*", Hodder and Stoughton, London, 1976 (2nd edn.)

210 Antara provokasi perkauman dalam perarakan golongan pelampau ini adalah kenyataan seperti "*Melayu Sudah Jatoh*", "KL sekarang China Punya", "*Ini negeri bukan Melayu punya, kita mahu halau semua Melayu*", Goh Cheng Teik, "*The May 13th Incident and Democracy in Malaysia*", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971

Lumpur. Kekacauan juga turut berlaku di bandar-bandar lain. Akhirnya keamanan dapat dikembalikan melalui campurtangan pasukan Polis Di Raja Malaysia dan Rejimen Askar Melayu Di Raja. Perintah berkurung berkuatkuasa pada 13 Mei 1969.

Pengalaman pahit peristiwa ini telah mendedahkan tentang suatu realiti, bahawa bangsa Melayu disokong oleh kekuatan dan kesatuan tentera dan polis yang ramai ahlinya terdiri daripada orang Melayu. Bermakna jika berlaku pertarungan diantara kedua kaum ini, orang-orang China tidak mempunyai cukup kekuatan fizikal untuk memaksakan kehendak mereka atas sebarang isu yang menyinggung bangsa Melayu.²¹¹

Pada 14 Mei 1969, Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan Darurat di bawah Perkara 150 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan "*untuk menjamin keselamatan umum dan kelangsungan peraturan,*" Perlembagaan dan Parlimen digantung, termasuk Pilihanraya Umum di Sabah dan Sarawak.²¹² Malaysia kini diperintah oleh Majlis Keselamatan Negara (*MAGERAN*) yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak. *MAGERAN* mempunyai kabinetnya yang terdiri dari wakil-wakil Persekutuan dan Negeri-negeri, pelbagai kaum dan parti politik melainkan DAP dan Parti Rakyat. Tun Abdul Razak dan kabinetnya mentadbir Malaysia bagi pihak Yang di-Pertuan Agong sehingga Parlimen kembali bersidang pada 23 Februari 1971 apabila Malaysia kembali aman.

Laporan *MAGERAN* mengesyorkan satu kaedah untuk mengamankan ketegangan kaum. "*Warganegara negara ini, terutama yang menjadi warganegara menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, yang membawa kepada Perlembagaan Persekutuan 1957, patut memahami peruntukan-peruntukan yang terpasak dalam Perlembagaan. Warganegara Malaysia, biar apapun etnik kaum mereka, perlu menghargai potensi dan keunggulan negara kita...*"²¹³

211 Heng P. K., "Chinese Responses to Malay Hegemony", *Southeast Asian Studies*. Vol. 34, No.3, December 1996

212 *The Straits Times*, 17th May 1969

213 "The May 13 Tragedy. A Report", *The National Operations Council*, Kuala Lumpur, 1969

Cadangan tersebut membawa kepada penggubalan Rukun Negara. Pada 31 Ogos 1970, iaitu Hari Kebangsaan yang ke 13, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong mengisytiharkan secara rasmi, ideologi Negara yang dikenali sebagai Rukun Negara. Maksud Rukun, antaranya “*bersatu sambil menolong bersama*”, “*tanpa pergaduhan*”²¹⁴. Rukun Negara dihasilkan berdasarkan keperluan agama, bangsa dan Negara. Berikut adalah Rukun Negara:

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Arkitek

Rukunegara

Bersuara²¹⁵

Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman merupakan salah seorang pakar Perlembagaan Negara yang terlibat dalam menggubal Rukun Negara pada tahun 1970 selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969 yang mengakibatkan negara berdepan dengan rusuhan kaum. Kata beliau, ketika itu pihaknya mengenal pasti punca rusuhan itu adalah disebabkan oleh sensitiviti agama dan bangsa.

Maka bagi mengelakkan tragedi berulang, Rukun Negara telah diwujudkan untuk menjelaskan prinsip Perlembagaan. Katanya, selepas berbincang, bermesyuarat, mengadakan debat dan dialog bersama rakyat, penelitian hasil kajian telah dibuat, maka hasilnya, empat perkara ini telah dikenalpasti sebagai isu-isu yang sensitif yang boleh menyebabkan berlaku pertelingkahan antara kaum jika tidak dikawal perdebatan mengenainya iaitu:

- i. Kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera (Perkara 153),
- ii. Kedudukan Raja-Raja Melayu (Perkara 181),
- iii. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (Perkara 152)
- iv. Hak-Hak Kewarganegaraan (Bahagian III),

214 Niels Mulder, “*Mysticism and Everyday Life in Contemporary Java, Cultural Persistence and Change*”, Singapore University Press, 1978

215 Artikel ini diambil secara verbatim. Rujuk <http://www.menara.my/arkitek-rukunegara-bersuara/> by Wartawan Menara - February 2, 2017

Menurut beliau lagi: *“Persoalan isu-isu sensitif dianggap sebagai satu daripada punca rusuhan 13 Mei 1969 dan dengan itu telah diputuskan bahawa empat isu sensitif itu dilarang daripada diganggu gugat atau dipersoalkan.”*

Sejarah pindaan Akta Hasutan 1948 juga berlaku selepas peristiwa 13 Mei 1969. Parlimen telah meluluskan akta itu dan pindaan telah dilaksanakan dengan empat perkara sensitif seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak kecuali dengan memenuhi syarat-syarat tertentu. Menurutnya, akta itu memang relevan bagi menjaga keselamatan negara ini yang berlatarbelakangkan kehidupan berbilang kaum, agama dan adat resam masyarakat. Abdul Aziz berkata, Perkara 10 (Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan) telah dipinda bagi membolehkan Parlimen meluluskan undang-undang untuk mengenakan batasan bagi kebebasan bersuara dan larangan mempersoalkan isu-isu sensitif dengan menambah Perkara 10(4). Malah, Perkara 63 (Hak Istimewa Parlimen) telah ditambah Perkara 63(4) yang menyatakan bahawa Parlimen tidak boleh mempersoalkan empat isu itu,” katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, Perkara 159 turut dipinda dengan tambahan Klausula 5 pada perkara 159 yang menetapkan mana-mana pindaan termasuk pemansuhan atau undang-undang diluluskan di bawah peruntukan membabitkan empat isu sensitif itu, tidak boleh diluluskan tanpa kebenaran Majlis Raja-Raja. Bagi mengekang dan mengawal rusuhan 13 Mei dan insiden serupa daripada berlaku pada masa depan, katanya Parlimen meluluskan satu undang-undang meminda Akta Hasutan 1948 dengan menambah Seksyen 3(1)(f) yang menetapkan adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dihukum bagi sesiapa yang mempersoalkan mana-mana isu sensitif itu. “Undang-undang pindaan itu diluluskan di bawah Perkara 10(4) Perlembagaan dan perlu dipatuhi Perkara 159(5), iaitu Parlimen perlu memastikan keputusan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu sebelum meluluskan undang-undang atau memansuhkan akta sekalipun telah mendapat 2/3 undi di Parlimen.

Kata beliau, sebenarnya, bukan mudah untuk menggubal atau memansuhkan undang-undang seperti yang mereka katakan. Ini merupakan isu serius.

Menurutnya, hasil kajian sebab mengapa berlakunya kejadian 13 Mei pada ketika itu itu adalah disebabkan terdapatnya elemen Komunis yang tidak percaya kepada kewujudan Tuhan. Maka sebab itulah Rukun Negara itu diwujudkan dan terdapat di dalamnya perkara yang pertama "*Kepercayaan Kepada Tuhan*" bagi menyedarkan dan mendidik rakyat yang hidup di negara ini agar tahu menghayati dan mematuhi Perlembagaan dan Rukun Negara itu sendiri. "*Semua ini dilakukan adalah untuk menyatupadukan rakyat serta mempupuk rasa saling hormat menghormati supaya keharmonian yang ada dapat dipelihara agar kejadian berdarah itu tidak lagi berulang,*" katanya.

Menurut beliau, rakyat kini cuma perlu lebih menghayati dan memahami Rukun Negara itu sebagai satu bentuk penyatuan bukan perpecahan. Beliau turut menyarankan pembelajaran mengenai Rukun Negara ini perlu ditekankan sejak dibangku sekolah lagi agar kefahaman yang jelas tentang mesej Rukun Negara itu meresap ke dalam diri setiap rakyat seterusnya membentuk jati diri seorang rakyat Malaysia yang baik dan cintakan Negara.

BAB 14

EPILOG: KEMBALI KE ASAS KENEGARAAN FAHAM ISLAM

Tujuan manusia diciptakan di dunia ini adalah untuk mengenal, beriman dan menyembah Allah. Para utusanNya dihantar silih berganti untuk maksud ini, bermula dengan para Nabi dan Rasul, manakala Rasulullah merupakan *Khatamul Anbiya'*, yang melengkapkan syariat Allah di mukabumi ini. Selepas baginda, akan sentiasa wujud pewaris dari kalangan alim ulama bersanad yang menyambung tugas tersebut, termasuk para *mujaddid* sebagai pembaharu agama, yakni memurni serta mengembalikan esensi serta hakikat agama dalam bentuk yang mengikuti ciri peredaran dan perubahan zaman. Manakala ummah diwajibkan mengambil panutan mereka dalam mengharungi kehidupan di dunia sebagai hamba Allah.

Tujuan sebuah negara diwujudkan dan dibangunkan adalah untuk menghimpun kerjasama, kekuatan serta daya kreativiti secara berjemaah dalam sistem yang berstruktur, berorganisasi dan berinstitusi, demi kelangsungan hidup manusia yang bertamadun, serta mengurus fitrah kemanusiaan yang terhimpun padanya pelbagai ragam dan karenah, selain sifat kehaiwanan termasuk peringkat-peringkat nafsu yang perlu dikawal, dijinakkan dan diurus atur.

Bagi umat Islam, tujuan lain pembangunan negara adalah untuk menjaga agama serta mengurus keagamaan masyarakat secara teratur dan bersistem, agama perlu dihidup dan dimakmurkan di kalangan warganegara, negara

masalah perlu dibangunkan yang menghimpun kebaikan dan mencegah kemudaratan, kerana dunia adalah ladang yang perlu dibenahi dengan amal baik, dibajai dan disuburi supaya hasil yang baik dapat dituai di negara akhirat yang berkekalan nanti, dengan harapan mendapat redho Allah.

Dalam sebuah negara Islam, pembangunan organisasi dan institusi bertujuan menghidup, membangun serta mengembangkan nilai-nilai serta perisian daripada peradaban Islam, yang diseragamkan melalui sistem dan mekanisme adat budaya, bahasa dan hukum-hakam atau perundangan. Tujuan negara juga adalah untuk membangunkan 'kosmos peradaban', iaitu menyusun, mengurus, menyantuni serta mengambil manfaat daripada kelompok-kelompok manusia dalam posisi masing-masing sesuai kadar ilmu, pengalaman dan lain-lain kelayakan mereka, seperti golongan raja dan bangsawan, alim-ulama, pemikir dan cendikiawan, para hakim, pentadbir, akademik, hulubalang atau ketenteraan, ahli- ahli sastera dan budaya, warga watan dan warga luar, muslim dan non muslim dan sebagai.

Bagi sebuah negara Islam yang berdaulat, Ketua Negara, sebagai punca kuasa tertinggi, posisinya adalah sebagai Khalifah Allah, bertanggungjawab menjaga amanah pemerintahan yang mana pemilik sebenar kuasa tersebut adalah Allah Ta'ala. Dalam konteks negara Malaysia, Yang Di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara dan Ketua Agama, adalah bertanggungjawab secara langsung dengan Allah pada Hari Hisab nanti atas posisi amanah yang besar ini. Mengikut peruntukan syariat dan perlembagaan negara, baginda mendelegat sebahagian kuasa dengan maksud mengurus dan melaksana urusan pentadbiran negara dan rakyat, pada golongan pentadbir dan penjawat awam. Dalam Islam, rakyat perlu taat kepada pemerintah selagi mana mereka tidak disuruh berbuat maksiat yakni perkara yang ditegah oleh Allah . ﷺ

Begitu juga dengan Raja-raja Melayu yang memegang amanah kedaulatan sebagai Ketua Negeri dan Ketua Agama di negeri baginda masing-masing, yang mempunyai sistem pentadbiran negeri, manakala rakyat perlu patuh pada Raja di negeri masing-masing. Bermakna **tidak terpisah politik dari Islam**, kerana kekuasaan, kekuatan perundangan dan aspek-aspek kenegaraan

dalam bingkai tadbir urus yang baik, atau '*good governance*', adalah perlu demi keselamatan, keadilan dan kesejahteraan umat Islam sekaligus atas maksud masalah, membangunkan negara atas nilai-nilai ketauhidan, kasih sayang dan kemanusiaan. Malahan, warganegara yang bukan Islam juga tetap akan menikmati kebaikan ini dalam lingkungan hak-hak mereka yang sedia tersemat dalam Perlembagaan Negara. **Ini yang disebut sebagai politik kenegaraan yang tidak terpisah dari Islam, melangkaui politik kepartian yang banyak menimbulkan masalah dan kemudaratan.**

Sejarah pentadbiran pembesar tradisional Melayu yang membantu urusan pemerintahan Raja-raja Melayu telah menyaksikan keruntuhan sistem ini dan digalang gantikan dengan sistem demokrasi berteraskan Pilihanraya Umum (PRU) untuk melantik ahli-ahli Parlimen, bermula tahun 1955.

Dalam hal ini, kaedah pemilihan golongan pentadbir pasca merdeka yang akan duduk dalam posisi eksekutif dan legislatif didapati mempunyai beberapa kelemahan yang kritikal, antaranya:

- i. Kelayakan calon PRU yang terlalu longgar
- ii. Kelayakan pengundi yang terlalu longgar, termasuk hak kaum lain untuk mengundi dengan syarat yang sama dengan warga pribumi asal @ bangsa teras yang sejumlah etosnya menjadi kerangka Perlembagaan Persekutuan
- iii. Mengambil perspektif prinsip Kedaulatan Rakyat menggantikan Kedaulatan Raja Melayu sebagai pemegang amanah Khalifah Allah

Melalui kelemahan sistem ini, telah mewujudkan golongan pentadbir yang kurang berupaya membangunkan negara atas asas ketuhanan, ketauhidan, jatidiri dan identiti anak-anak bangsa berteraskan nilai-nilai Islam dan ketimuran. Ianya menjadi seumpama kanser yang memamah secara perlahan-lahan sehingga tahap kritikal yang mampu mengancam kelangsungan agama, budaya dan peradaban wataniah yang telah diwarisi dari para pejuang Tanah Melayu semenjak berabad-abad lamanya. Ianya telah mula menjelmakan bentuk seperti yang diimpikan oleh ejen-ejen Dajjal dalam semua negara umat Islam, khususnya yang pernah mewarisi kesultanan dan kerajaan Islam

sebagaimana yang tertera dalam Protokol Cendikiawan Zionisme Nombor Satu, terkait mewujudkan negara Republik berteraskan prinsip Demokrasi Sekular:

“...Anda akan dapat melihat kemudiannya bahawa ini akan membantu kemenangan kita; Ia akan memberikan kita suatu kemungkinan untuk mendapatkan KAD INDUK (MASTER CARD), (iaitu peminasaan golongan bangsawan warisan (genealogical aristocracy) yang merupakan satu-satunya golongan yang menjadi pertahanan semulajadi bangsa-bangsa dan negara-negara dari serangan kita. Dari peminasaan kelas bangsawan warisan (institusi raja-raja) yang bersifat fitrah itu kita telah membina golongan ‘bangsawan meritokrasi’ (ahli-ahli politik) yang diketuai oleh golongan ‘bangsawan berduit’ (kapitalis dan oligarki).”

Apakah kita sudah terlambat untuk memperbetulkan keadaan? Rasulullah ﷺ bersabda: *“ Sekiranya di tangan kamu ada benih kurma dan kamu tahu bahawa esok akan berlaku kiamat, maka hendaklah kamu menanam dan jangan biarkan hari kiamat berlaku tanpa menanam benih kurma tersebut”* (HR Imam Ahmad)

Maksudnya dalam konteks semasa negara Malaysia yang tercinta ini, para pejuang watan tetap perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk melestarikan kebaikan dan kebajikan agama, bangsa, warga dan tanahair, kemudian bertawakal dan serahkan natijahnya kepada Allah ﷻ. Jangan berputus asa kerana yang menjadi ukuran bukan pada hasil, tetapi sejauh mana usaha yang kita lakukan dengan ikhlas berteraskan ilmu, ilham, amal serta petunjuk-petunjuk daripadaNya. Maka kita ambil iktibar dari pesanan Rasulullah ﷺ di atas.

Melangkah Ke Hadapan

Sistem pemerintahan negara kita pada hakikatnya berlandaskan Kedaulatan Raja dan Keluluruhan Perlembagaan yang menjelaskan sistem perlembagaan beraja dan pilihanraya berparlimen. Perkara 181 (1) menjelaskan kedaulatan negara Malaysia adalah dibangunkan atas kedaulatan Raja-raja Melayu, yang mendelegat sebahagian kuasa pemerintahan kepada golongan eksekutif,

legislatif dan judisiari, manakala Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu mempunyai prerogatif iaitu budibicara dan kuasa tersimpan.²¹⁶

Menurut Wan Ahmad Fauzi (2020), sistem demokrasi di Malaysia ialah sistem pilihanraya berparlimen yang menentukan kaedah untuk memilih wakil rakyat yang melibatkan rakyat, bukanlah pegangan pada prinsip Kedaulatan Rakyat. Tidak ada mana-mana peruntukan pun di bawah Perlembagaan Persekutuan yang mengabsahkan Kedaulatan Rakyat menurut Faham Dikotomi. Prinsip kedaulatan Malaysia dijelaskan secara tuntas oleh Per 181 (1), Perkara 37 (Jadual 4) iaitu sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong, Per 162 berhubung dengan undang-undang sedia ada dan Per 3 (1) yang menetapkan Islam sebagai Agama Persekutuan, kesemua itu Islam dan adat Melayu mendasari Negara bangsa dalam kerangka Watan.

Seperti dijelaskan oleh Wan Ahmad Fauzi (2020), Perdana Menteri dan ahli Kabinet juga melafazkan sumpah jawatan untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan (Jadual ke-6), bermakna mereka juga terikat untuk menjunjung prinsip Perlembagaan berteraskan Kerangka Watan. Segala tindak tanduk, dinamika politik dan perundangan negara perlu mencerminkan prinsip ini.

Kesimpulannya, 'Diri' Perlembagaan Malaysia yang fitrahnya adalah 'Muslim' atas takdir Allah perlu dikembalikan identiti, jatidiri dan wibawanya yang sebenar. Selama ini warga tanahair telah hidup di atas kedaulatan Islam dalam kerangka wataniah warisan nenek moyang kita yang sambung menyambung tidak pernah putus sehingga negara kita mencapai kemerdekaan dari campurtangan British pada tahun 1957. Akar dan tali asasnya masih kekal wujud dalam peruntukan-peruntukan perlembagaan.

Apa yang diperlukan adalah menguatkan roh agama dan prinsip Islam yang sebenar, melalui pemilihan watak-watak pemegang amanah dan pelaksana yang lebih berkelayakan, berwibawa dan berintegriti, *insya Allah* Malaysia

216 <https://origin.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/07/710055/perlembagaan-beraja-demokrasi-di-malaysia> (Wan Ahmad Fauzi)

akan lebih makmur, sejahtera bahkan berpotensi menjadi model Kedaulatan Watan yang anggun di dunia.

Bagi mencapai hasrat ini, wujud keperluan terhadap dokongan, kerjasama dan penggembelingan tokoh-tokoh pemikir, alim-ulama, para cendekiawan, ahli-ahli akademik, reformis, pengamal undang-undang, kepimpinan pertubuhan-pertubuhan serta organisasi-organisasi Melayu dan Islam, serta pemegang taruh yang lain di negara ini untuk menyokong jurisprudens watan yang digagaskan oleh Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain.

Moga Allah memberikan kita semua pertolongan yang kuat. *Amiin ya Robbal 'alamiin.*

Rujukan

Kes-Kes Mahkamah

Duff Development Co. v. The state of Kelantan [1924] AC 797

Lim Chee Cheng & Anors v Pentadbir Tanah Daerah Seberang perai Tengah, Bukit Mertajam [1999] *Mighell v. the Sultan Johor* [1894]

Raja Petra bin Raja Kamaruddin v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [2009] 2AMR 131.
1MLJ 213, CA

The City Council of George Town & Anor v Kajing Tubek & Ors and Other appeals [1997] 3MLJ 23, CA.

Buku dan Jurnal

Abdul Aziz Bari. 2008. *The Monarchy: Symbolism, Guardianship and Stability.*

Dlm. *Malaysia at 50 achievement & aspiration.* Kuala Lumpur: Thomson Learning.

Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO".

Ahmad Ibrahim. 1999. *Inti Pati Perlembagaan Malaysia.* Dlm. Ahmad Ibrahim (ed.)

Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka. pp. 1-39.

Allen, J. de, A. J. Stockwell and L. R. Wright (eds.) 1981. *A Collection of Treaties and Other*

Documents Affecting the States of Malaysia. Vol. 2 London: Oceana Publications.

Andaya, Barbara W. & Leonard Y. Andaya. 1984. *A History of Malaysia.* Hong Kong: Macmillan Press.

Braddell, Roland. 1931. *The Legal Status of the Malay States.* M.P.H., Singapore.

Cheah Boon Kheng. 1981. *Sino-Malay conflict in Malaya 1945-1956: Communist*

Vendetta and Islamic Resistance. JSEAH 12 (1):108-117

C. J. C. 1947. *Imperial Constitutional Developments.* Dlm. *The International Law Quarterly.* Vol. 1,

No. 2 (Summer, 1947), Perlembagaan Persekutuan. 224- 231.

Cromer, *Modern Egypt*, jld 11. 1908. London & New York: Macmillan.

Dilke, Charles. 1890. *Problems of Greater Britain.* Vol 2. London: MacMillan and Co. *Federation of*

Malaya Independence Act, 1957. CH. 60. 5 & 6 Eriz. 2.

Federation of Malaya: Summary of Revised Constitutional Proposals. 1947. London: His Majesty's

Stationary Office/HMSO (Cmd. 7171).

Fernando, J. M. 2002. *The Making of the Malayan Constitution.* Kuala Lumpur: Malaysian Branch of

Royal Asiatic Society.

Funston, N.J. 1980. *Malay Politics in Malaysia, a study of the United Malays National Organisations*

and Party Islam, KL.

Gullick, J. M. 1991. *The Role of the Malay Ruler between 1850 and 1950.* Dlm. *Kajian Malaysia*, 9 (2).

pp: 1-23.

- Gullick, J. M. 1988. *Indigenous political systems of Western Malaya*. London: Athlone Press.
- Hak Ching On, *British Policy and Chinese Politics in Malaya 1942 -1955*, University of Hull
- Harold MacMichael. *Report on Mission to Malaya*. 1946. Malayan Union Government Press.
- Hickling, R. H. 1960. *An Introduction to the Federal Constitution*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Hikayat Hang Tuah. 1997 (Susunan Kassim Ahmad). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Immanuel, W., 2004, *World-Systems Analys: An Introduction*, Duke University Press, Durham
- Ismail Mohd @ Abu Hassan. 2004. *Introduction to Malaysian Legal History*.
- J. de V. Allen, A. J. Stockwell, and L. R. Wright. *A Collection of Treaties and other Documents affecting the States of Malaysia 1761-1963*. Vols. I and II. 1981. Oceana Publications Inc.
- Joseph M. Fernando. 2014. "Defending the monarchy: The Malay rulers and the making of the Malayan constitution, 1956-1957", *Archipel* no 88
- Kennedy, J.A. 2007(reprinted). *History of Malaya*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co.
- Kertas Putih Malayan Union (yang disiarkan 22 Januari 1946).
- Kobkua Suwannathat-Pian. "British Colonial Rule, Japanese Occupation, And The Transformation Of Malay Kingship 1930s-1957". 2009. *New Zealand Journal of Asian Studies* 11.1.
- Laporan Suruhanjaya Reid, No. 12/957.
- Leonard (Leon) Francis Comber. 1978. "The 13th May 1969 Riots - An Example of Sino-Malay Friction", University of Hong Kong.
- Memorandum Cadangan DYMM Raja-Raja Melayu. 12 September 1956.
- Milner, A.C. 1982. *Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of colonial rule*. Tucson (AZ): The University of Arizona Press.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation: political unification in the Malaysian region, 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Helmi Abd Rahim1, Normah Mustaffa1, Fauziah Ahmad1 & N. Lyndon, A "Memoryscape" Malayan Union 1946: The Beginning and Rise of Modern Malay Political Culture, *Asian Social Science*; Vol. 9, No. 6; 2013
- Mohd Salleh Abas, Tun. 2015. *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Idrus Jusi. 1975. *Islam dan Beberapa Pengaruh dalam Sistem Politik Melayu Tradisi*. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah sesi 1974/75. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yusof Hashim. 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azlah Sham bt Rambely, "Pembentukan Kerakyatan Malayan Union 1946: Reaksi, Isu Dan Tuntutan Bangsa Melayu". Universiti Utara Malaysia.
- Norma Mahmood. 1994. *Rethinking Political Problem in South East Asia*, Universiti Malaya.
- Perjanjian Malaya Union 1945 (atau Perjanjian Harold MacMichael). Perjanjian Pangkor (1874).
- Perjanjian Persekutuan 1895 (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu). Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Perjanjian Persekutuan Malaysia (27 Ogos 1957).
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia (1963).
- Pillai, K.C.S. 1976. Communist Insurgency in Malaysia, Pacific Community 7(4).
- Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji. 1997 (editor Virginia Matheson). Tuhfat Al-Nafis. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ramlah Adam, "Umno Organisasi dan Kegiatan 1945-1951". Kelantan: Nawi Book Store.
- Report of the Federation of Malaya Constitutional Conference, held in London in January and February, 1956. Annex A of CABINET - FEDERATION OF MALAYA. Memorandum by the Secretary of State for the Colonies. SECRET. C. P. (56) 47. 21st February, 1956. Copy No. 5.
- Salleh Buang. 2015 (2nd. Edition). Malaysian Legal History, Cases and Material. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simon. 1995. British Relations with the Malay Rulers from Decentralisation to Malayan Independence, 1930–1957, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Sir Harold MacMichael Collection, Middle East Centre, St Antony's College, Oxford. Ref GB165 0196 Smith, R.B. 1988. Some contrast between Burma and Malaya in British policy Towards South East Asia 1942-1946. Perspective 35(5).
- Stockwell, A. J. 1979. British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942–1948. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Surat persendirian Maxwell, W, SP 13 t.t.h, The Malay and Malayan: Arkib Negara Malaysia
- Surat persendirian Leong Yew Koh SP 3/A/177: Arkib Negara Malaysia
- T. Thomas, 2007. The Social Contract: Malaysia's Constitutional Covenant. Paper at 14th Malaysian Law Conference 2007: Kuala Lumpur.
- Tan Liok Ee. The Rhetoric of Bangsa and Minzu: Community and Nation in Tension, The Malay Peninsula, 1900-1955. 1988. Center of Southeast Asian Studies Monash University, Victoria.
- Tan Cheng Lok, "Malayan Problems". TANNSCO. 1947
- The Rulers of Malaysia, Edition Didier Millet, 2011, Archipelago Press.
- Thio, E. 1969. British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910, Jil. 1, University of Malaya Press, Singapore.
- Tun Seri Lanang. Sulalat Al-Salatin. 1997. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Suzana. 2014. 'Zuriat Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu', Crescent News KL.
- Verma, Vidhu. 2003. Malaysia, state and civil society in transition. Lynne Rienner Publishers.
- Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain, YB Datuk. 2013. Rekonfigurasi Epistemologi Jati Diri Melayu: Manifestasinya Ke Atas Silat Seni Gayong. Latihan Ilmiah Sarjana Falsafah Jabatan Sains Sosial Dan Kemasyarakatan sesi 2012/13. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Fauzi. 2017, Konsep Kedaulatan Watan Suatu Pengenalan, Majlis Ittihad Ummah: Selangor.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2017. Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan. Abad Sinergi Sdn. Bhd, Selangor.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018a. Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan & Kebangsaan. WOW Press Enterprise, Selangor.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018b. Jurisprudens Watan Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan. Abad Sinergi Sdn. Bhd, Selangor.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2020. Siri Wawancara MI'RAJ
- Wang Gung Wu.1962. Malayan Nationalism, Jurnal of Royal Asiatic Society, 19(3), 1962
- W.G. Shellaber. 1977 (Edisi Ketiga) Sejarah Melayu. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Biodata Penulis-Penulis



TunSuzana@ Suzana Hj Othman lahir di Singapura pada 28hb November 1965. Pernah bersekolah di Bukit Bintang Girls School dan Sek. Men. Sains Selangor. Melanjutkan pelajaran di Australian National University (ANU), Canberra, Australia dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi.

Beliau merupakan pengkaji dan penulis bebas tentang hal-hal terkait sejarah perkembangan Islam, ketamadunan serta peradaban di Alam Melayu. Antara skop pengajian dan penulisannya terkait asal-usul, identiti dan jatidiri orang-orang Melayu, dan institusi-intituti kemelayuan khususnya institusi umara dan ulama dari kerajaan-kerajaan Melayu lama. Beliau juga mengkaji dan menulis tentang agenda orientalisme, zionisme dan latarbelakang kemunculan sistem sekular di tanah air serta kesannya pada sosio-politik, budaya, identiti dan jatidiri bangsa Melayu. Sehingga kini beliau telah menyusun lebih 18 buah buku, antaranya bersama pengkaji dan penulis Ustaz Hasanuddin Yusof bertajuk '*Miftahul Malayu*' (2018) & '*Penaklukan Melaka*' (2020), bersama Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain bertajuk '*Naratif Melayu*', (2019) dan terbaru '*Perbendaharaan Rahsia Raja*' (2020).

Hj Muzaffar Dato' Hj Mohamad lahir pada 9hb Disember 1964M di Kuala Lumpur. Beliau memperolehi sijil Certificate in Aeronautical Engineering di Perth, Scotland serta Aircraft Maintenance Engineer Licence (LWTR,UK) dan pernah bekerja sebagai eksekutif di Malaysian Airlines dan Qatar Airways. Kini beliau juga bergerak aktif dalam pengkajian sejarah Melayu.

Pasangan suami-isteri ini turut memainkan peranan dalam beberapa pertubuhan dan entiti, khususnya dalam Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI), Pertubuhan Kebajikan al-Isyraq Nusantara dan Gabungan Melayu Islam Beraja (MI'RAJ), dan terkini bersama Sekretariat Muwasolah Agamawan Aktivis Memperkasakan Institusi Raja-Raja Melayu (MAMPIR).

Mereka telah dikurniakan 7 orang anak dan banyak menimba pengalaman berharga dalam siri lawatan ke pelbagai negara seperti di Hadhramawt, Yaman, UAE, Qatar, Afrika Selatan, Australia, United Kingdom, Ireland dan negara-negara jiran.

